



LAPORAN TAHUNAN 2015



**PELAN PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN MALAYSIA
2013-2025**



www.moe.gov.my



LAPORAN TAHUNAN
2015

KANDUNGAN

PRAKATA	4
Menteri Pendidikan Malaysia	4
Ketua Setiausaha	6
Kementerian Pendidikan Malaysia	
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	8
RINGKASAN EKSEKUTIF	10
BAB 1	
MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN	26
Memperluas Akses kepada Pendidikan Prasekolah Berkualiti	30
Transformasi Pendidikan Vokasional	36
Menguuhkan Laluan Pendidikan yang Pelbagai	39
Memperluas Pendidikan untuk Kumpulan Khusus	41
Pendidikan Lepas Menengah	44
Enrolmen Sekolah Rendah dan Menengah	46
Ringkasan	49
BAB 2	
MENINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN	50
Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	54
Menggalakkan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik	58
Meningkatkan Literasi dan Kemahiran Berbahasa	60
Memperkuh Kualiti Guru	68
Meningkatkan Kualiti Kepimpinan Sekolah	74
Memperluas Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti	75
Menggalakkan Pelibatan Sektor Swasta	80
Mencapai Keberhasilan Murid dan Sekolah	83
Ringkasan	89

BAB 3 MEMASTIKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN

Program Transformasi Daerah	94
Pendidikan Orang Asli dan Pribumi	105
Pendidikan Inklusif	112
Ringkasan	115

BAB 4 MENGALAKKAN PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN

Menguatkan Kurikulum Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral	120
Menerapkan Perpaduan Melalui Aktiviti Kurikulum dan Kokurikulum	121
Mengukur Indeks Perpaduan dalam Kalangan Murid dan Guru di Sekolah	130
Membangunkan Pelan Tindakan Perpaduan dalam Pendidikan	130
Menguatkan Pelibatan dengan Rakan Strategik	132
Ringkasan	133

BAB 5 MEMPERKUKUH KECEKAPAN

Menguatkan Keupayaan Kepimpinan bagi Jawatan Utama	134
Menjajarkan Semula dan Mengoptimumkan Peruntukan bagi Memaksimumkan Keberhasilan Murid	138
Menyediakan Infrastruktur Asas dan Penyelenggaraan di Sekolah	141
Meningkatkan Akses kepada Persekitaran Pembelajaran Maya	141
Menambah Baik Pangkalan Data Pendidikan Melalui Pengintegrasian Pelbagai Sistem	144
Ringkasan	144

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025 PENCAPAIAN GELOMBANG 1 (2013-2015)

Akses	148
Kualiti	150
Ekuiti	155
Perpaduan	157
Kecekapan	159
Audit	162

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025 MELANGKAH KE HADAPAN: GELOMBANG 2 (2016-2020)

Apakah Pengalaman yang Akan Dilalui oleh Murid dalam Gelombang 2?	164
Bagaimana Kualiti Guru dan Pemimpin Sekolah Ditingkatkan dalam Gelombang 2?	166
Bagaimana Transformasi Pendidikan Dapat Meningkatkan Kapasiti dan Keupayaan Penyampaian Kementerian?	168
Bagaimana Ibu Bapa dan Komuniti Menyumbang kepada Kejayaan Pelaksanaan PPPM dalam Gelombang 2?	169
Rumusan	171
	172

GLOSARI

173



PRAKATA: MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Kementerian Pendidikan terus komited untuk mentransformasikan sistem pendidikan bagi melengkapkan sumber manusia dengan pengetahuan dan kemahiran abad ke-21 supaya dapat menjadi pesaing global yang terbaik. Globalisasi menuntut supaya sistem pendidikan negara selari dengan landskap kemajuan teknologi, dan setanding dengan sistem pendidikan terbaik di dunia.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dilancarkan pada September 2013, telah menggariskan aspirasi sistem dan murid serta perancangan yang diperlukan bagi memastikan transformasi sistem pendidikan berlaku dengan lebih pantas dan berterusan. Pelan ini disediakan dengan mengambil kira inti pati pelan pembangunan yang dihasilkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti *Education For All* (EFA) dan *Millennium Development Goals* (MDG).

Dalam tempoh tiga tahun pelaksanaan, Kementerian telah melipat gandakan usaha bagi memastikan inisiatif untuk Gelombang 1 (2013-2015) di bawah PPPM, dapat dilaksanakan dan disampaikan dengan jayanya. Inisiatif bagi Gelombang 1 bermatlamat untuk merubah sistem dengan menyediakan sokongan kepada guru dan memberi tumpuan kepada kemahiran utama. Antara kejayaan dan pencapaian besar yang dapat dilihat ialah seperti menambah bilangan sekolah berkualiti tinggi, mengurangkan jurang pencapaian bandar dengan luar bandar, meningkatkan enrolmen prasekolah, mengukuhkan lagi literasi bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah, memantapkan kualiti guru dan kepimpinan sekolah serta meningkatkan lagi pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan anak-anak mereka.

Usaha Kementerian dalam melaksanakan transformasi sistem pendidikan negara, khususnya dari aspek kualiti, telah memberi kesan langsung terhadap pencapaian sekolah dan keberhasilan

murid. Berbanding pada tahun 2012, bilangan sekolah berprestasi tinggi yang ada dalam Band 1 dan 2 telah meningkat daripada 31% kepada 39.9% pada penghujung Gelombang 1. Jurang pencapaian akademik antara bandar dan luar bandar untuk peperiksaan UPSR juga menunjukkan pengurangan sebanyak 31.6%, mengatasi sasaran yang telah ditetapkan, iaitu 25% untuk Gelombang 1. Kejayaan yang diperoleh melalui pengupayaan pegawai PPD dan pemimpin sekolah serta sokongan kepada guru dalam melonjakkan prestasi murid dan sekolah, akan meningkatkan keluwesan dalam pengurusan dan menyediakan sokongan kepada daerah dan sekolah berdasarkan keperluan dan konteks.

Walaupun Gelombang 1 telah menunjukkan pencapaian yang ketara, ia masih merupakan langkah awal ke arah transformasi sistem yang lengkap. Bagi melangkah masuk ke Gelombang 2 (2016-2020), kita perlu mempercepatkan usaha untuk meningkatkan pencapaian dengan mengukuhkan lagi kejayaan yang telah dicapai semasa Gelombang 1 dan menghadapi setiap halangan yang membantut keupayaan pelaksanaan Kementerian. Tugas yang telah diselesaikan oleh Kementerian dalam Gelombang 1 dilihat sebagai asas kepada transformasi dan inovasi yang lebih besar bagi dekad yang akan datang.

Kementerian amat komited untuk merealisasikan matlamat dan aspirasi yang terkandung dalam PPPM 2013-2025. Kita telah mencapai kejayaan yang besar dalam Gelombang 1 dan perubahan ini membuka ruang kepada kita untuk bertindak dengan lebih pantas bagi menambah baik sistem pendidikan supaya matlamat transformasi dapat dicapai dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Marilah kita bekerja bersama-sama untuk menjadikan sistem pendidikan negara antara sistem yang terbaik di dunia.



YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
Menteri Pendidikan Malaysia



TAN SRI DR MADINAH BINTI MOHAMAD
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

PRAKATA: KETUA SETIAUSAHA

Kementerian bertanggungjawab dalam memastikan sistem pendidikan berupaya menghasilkan sumber manusia bertaraf dunia bagi menyumbang kepada pembangunan negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memperkukuhkan lagi komitmen Kementerian untuk meningkatkan kualiti pendidikan supaya rakyat Malaysia dapat menyumbang dalam persekitaran global yang lebih berdaya saing dan dinamik.

Kementerian beriltizam untuk memantapkan prestasi sekolah dan pencapaian murid dengan meningkatkan kecekapan sistem pendidikan Negara. Dalam Gelombang 1 PPPM, Kementerian telah memulakan beberapa proses utama untuk mengukuhkan keberkesanan sistem penyampaian dan berupaya menunjukkan keberhasilan yang ketara. Antara usaha yang dilakukan ialah Kementerian telah meletakkan keutamaan bagi inisiatif yang memberikan impak yang lebih besar kepada murid. Kementerian telah memberi pertimbangan dan menjajarkan semula peruntukan bagi memberi tumpuan kepada inisiatif utama yang menghasilkan impak terhadap prestasi serta kebajikan murid. Kementerian telah mengagihkan semula sebanyak 25% peruntukan bukan emolumen kepada inisiatif yang memberi fokus untuk mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan murid, penguasaan bahasa, kompetensi guru dan sistem sokongan sekolah. Dengan mengoptimumkan keberhasilan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan, Kementerian berhasrat untuk mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan menggunakan peruntukan sedia ada.

Mentransformasi sistem pendidikan memerlukan Kementerian memanfaatkan kedudukan pemimpin utama untuk meneraju dan merealisasikan aspirasi PPPM. Pemimpin pendidikan perlu mempunyai kemahiran dan kebolehan untuk mengetuai, mengurus dan meneraju perubahan pada setiap peringkat melangkaui tanggungjawab yang biasa dijalankan. Kementerian telah menempatkan sebanyak 292 pemimpin di jawatan utama di dalam Kementerian, JPN dan PPD. Pemimpin tersebut telah dikenalpasti dan diprofil berdasarkan fungsi dan kecekapan memimpin.

Bagi memastikan kepimpinan dan guru berkualiti ditempatkan di sekolah, Kementerian telah

menambah baik kriteria pemilihan dan penempatan pemimpin guru, kriteria pemilihan untuk memasuki latihan praperkhidmatan, penilaian prestasi berdasarkan prestasi dan kompetensi, serta menambah baik laluan dan kemajuan kerjaya. Usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah bagi memastikan warga pendidikan berupaya melaksanakan tugas dan mampu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Kementerian bermatlamat memastikan semua sekolah dilengkapi dengan infrastruktur asas, kemudahan dan teknologi bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada murid untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai. Dalam Gelombang 1, sebanyak 10,464 projek penyelenggaraan dan naik taraf telah disiapkan, manakala sebanyak 8,940 buah sekolah telah dilengkapi dengan capaian internet. Dengan penyediaan kemudahan ini dan digabungkan dengan pendekatan pedagogi yang berinovatif, bilik darjah masa kini berupaya menyediakan persekitaran kondusif untuk murid meningkatkan kemahiran berkomunikasi, berkolaboratif, serta berfikir secara kritis dan kreatif.

Melangkah masuk ke Gelombang 2 (2016-2020), kita perlu kekal komited dan usaha perlu diteruskan lagi bagi memastikan peningkatan sistem dapat dipercepatkan. Kita perlu terus mencabar kemampuan diri dan memecahkan halangan baharu dalam usaha merubah cara kita bekerja dan menerokai bidang baharu. Langkah ini perlu dilakukan untuk memaksimumkan peluang kejayaan dalam melaksanakan transformasi sistem pendidikan yang kompleks dan bercita-cita tinggi dengan pantas.

Kita mempunyai matlamat yang besar dalam melaksanakan transformasi pendidikan di Malaysia. Kita perlu menyumbang kepada usaha untuk meningkatkan sistem pendidikan supaya mencapai standard antarabangsa. Kita semua perlu bersatu hati mengharungi perjalanan transformasi sistem pendidikan yang memerlukan komitmen, usaha sama dan ketabahan berterusan untuk menerima perubahan. Saya yakin kita akan dapat mencapai kejayaan yang besar pada akhir transformasi ini.

PRAKATA: KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Pendidikan kekal sebagai agenda kebangsaan bagi pembentukan negara bangsa. Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian terus komited untuk meningkatkan penyediaan pendidikan di Malaysia. Kementerian juga akan memberi lebih akses kepada pendidikan berkualiti yang saksama dan terangkum, serta pembelajaran sepanjang hayat.

Anjakan 1 di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah memberi penekanan bahawa setiap murid akan mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dengan standard antarabangsa. Dalam Gelombang 1 (2013-2015), Kementerian telah berjaya meningkatkan enrolmen pada semua peringkat pendidikan iaitu, 84.6% pada peringkat prasekolah, 98.0% pada peringkat pendidikan rendah, 92.5% pada peringkat menengah rendah dan 85.0% pada peringkat menengah atas. Manakala enrolmen bagi murid berumur 16+ tahun yang berada dalam pendidikan vokasional telah meningkat kepada 5.3% daripada 4% pada tahun 2012. Peningkatan enrolmen ini disebabkan oleh pertambahan tempat untuk lebih banyak murid dan pelbagai laluan bagi memenuhi keperluan murid yang mempunyai minat, kebolehan dan bakat yang berbeza. Bilangan murid berkeperluan khas dalam pendidikan inklusif juga telah meningkat sebanyak tiga kali ganda daripada 7.5% pada tahun 2012 kepada 23.2% pada tahun 2015. Enrolmen bagi murid Orang Asli juga meningkat sebanyak 4.6% sejak 2012.

Kesaksamaan merupakan salah satu aspirasi sistem pendidikan Malaysia. Sistem pendidikan negara berhasrat memastikan setiap kanak-kanak tanpa mengira status sosioekonomi, jurang antara bandar dan luar bandar, dan gender akan dilengkapi dengan kemahiran untuk menonjol dan mengoptimumkan potensi masing-masing. Kementerian Pendidikan beriltizam untuk mencapai 50% pengurangan dalam jurang pencapaian pada tahun 2020. Pencapaian ini akan menjadikan sistem pendidikan di Malaysia salah satu sistem yang saksama di dunia.

Bagi mempercepat peningkatan kualiti dalam pendidikan, Kementerian mengupayakan PPD supaya dapat menyediakan lebih banyak sokongan kepada pihak sekolah. PPD telah diupayakan untuk mengenal pasti punca sebenar dan menyediakan intervensi terbeza berdasarkan konteks. Sokongan juga disediakan melalui bimbingan dan pementoran kepada pemimpin sekolah mengenai kepimpinan dan pengurusan sekolah, dan kepada guru yang mengajar mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Transformasi yang berlaku pada peringkat daerah melalui sokongan yang padu dan kebertanggungjawaban yang lebih besar dapat dilihat pada peningkatan kualiti pengurusan sekolah, pencapaian murid yang lebih baik dan pengurangan jurang prestasi akademik.

Kementerian telah berjaya menyediakan platform yang diperlukan untuk merubah sistem pendidikan dengan memberi sokongan kepada guru dan memberi tumpuan kepada kemahiran teras dalam Gelombang 1 (2013-2015). Dengan bermulanya Gelombang 2 (2016-2020), adalah amat penting bagi kita untuk meneruskan momentum transformasi yang telah kita capai sehingga kini. Transformasi memerlukan komitmen daripada setiap daripada kita untuk menerima perubahan. Hanya dengan cara ini, kita akan dapat menerajui perubahan bagi mencapai aspirasi yang dihasratkan dalam PPPM.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua warga Kementerian, khusus untuk semua guru, pemimpin sekolah, pegawai di barisan hadapan dan pihak berkepentingan di atas ketabahan dan komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi ke arah perubahan pendidikan demi kepentingan anak-anak kita. Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua ibu bapa, komuniti dan sektor swasta yang telah memberi sokongan padu dan menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.



TAN SRI DR KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia



RINGKASAN EKSEKUTIF



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan usaha berani Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara setanding dengan sistem pendidikan terbaik di dunia. Menyedari bahawa proses transformasi pendidikan memerlukan komitmen yang tinggi dan tindakan berterusan untuk mencapai keberhasilan yang dihasratkan, Pelan ini menekankan keperluan untuk usaha bersepadu semua pihak berkepentingan bagi memastikan kejayaannya.

Inisiatif yang dilaksanakan mulai tahun 2013 telah meletakkan asas yang kukuh untuk Kementerian mengorak langkah ke hadapan bagi mencapai keberhasilan yang ditetapkan iaitu mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran utama. Pada tahun 2014, Kementerian meneruskan usaha untuk memantapkan lagi pembangunan yang telah dilaksanakan pada tahun pertama dan pada masa yang sama, mempromosi PPPM untuk mengukuhkan pemahaman dan komitmen terhadap agenda transformasi daripada warga pendidikan dan pihak berkepentingan. Pada tahun 2015, Kementerian berusaha gigih untuk melaksanakan inisiatif utama secara berkesan bagi mencapai keberhasilan yang telah ditetapkan untuk Gelombang 1.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menetapkan dasar *Education for All* (EFA) untuk pendidikan dan di teruskan di dalam *Millennium Development Goals* (MDG) bagi memastikan bahawa akses kepada pendidikan berkualiti diberikan kepada semua murid daripada prasekolah hingga lepas menengah tanpa mengira kebolehan dan latar belakang. Selaras dengan prinsip tersebut, PPPM memberi fokus kepada pelaksanaan inisiatif utama yang merangkumi lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid. Kementerian berhasrat untuk melaksanakan transformasi pendidikan bagi membangunkan insan holistik melalui pengukuhan permuafakatan dan sinergi antara Bahagian di Kementerian, negeri, daerah dan sekolah bagi meningkatkan pelibatan pihak berkepentingan dalam pendidikan dengan cara yang paling bermakna.

1

Usaha intensif untuk meningkatkan kualiti

Kementerian terus menggiatkan usaha untuk menggerakkan inisiatif utama yang berfokus kepada keberhasilan murid, berlandaskan peningkatan kualiti guru, pemimpin sekolah dan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta.

2

Perubahan sedang berlaku di dalam bilik darjah

Lebih banyak bilik darjah di Malaysia kini mengamalkan pembelajaran abad ke-21 dengan penekanan terhadap pembelajaran berpusatkan murid secara aktif. Kaedah ini akan memperlihatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diaplikasi dalam kurikulum, pentaksiran dan aktiviti kokurikulum serta menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam menyediakan murid untuk landskap baharu pendidikan tinggi dan peluang masa hadapan.

3

Jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar telah dikurangkan dengan ketara

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) kini lebih berupaya untuk memberi sokongan terus dalam bentuk intervensi bersasaran, bimbingan dan pementoran kepada pemimpin sekolah serta lebih proaktif menguruskan prestasi sekolah bagi memastikan peningkatan keberhasilan murid.

4

Laluan pendidikan untuk murid dengan pelbagai minat dan kebolehan disediakan

Kementerian telah meningkatkan usaha untuk memberikan laluan pendidikan yang lebih luas dan fleksibel. Usaha ini termasuk Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training, TVET) serta pilihan lepas menengah bagi memberi akses kepada murid berkeperluan khusus dan murid berkeperluan khas (MBK).

5

Kementerian telah memperkukuh sistem penyampaian bagi memastikan pelaksanaan dasar yang lebih berkesan

Kementerian memberi fokus kepada pelaksanaan inisiatif utama berdasarkan keperluan situasi semasa dan masa hadapan. Kementerian juga beriltizam untuk menambah baik sistem penyampaian melalui peningkatan kompetensi pemimpin pendidikan supaya keberhasilan yang dihasratkan dapat dicapai.

6

Memupuk nilai dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid

Tugas secara kolaboratif dan pembelajaran di bilik darjah merentas subjek serta aktiviti kokurikulum dapat membantu memupuk nilai dan mengukuhkan perpaduan yang lebih mantap dalam kalangan murid.

1 Usaha intensif untuk meningkatkan kualiti

Kementerian terus menggiatkan usaha untuk menggerakkan inisiatif utama yang berfokus kepada keberhasilan murid, berlandaskan peningkatan kualiti guru, pemimpin sekolah dan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta.

Kementerian komited untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara selaras dengan Anjakan 1 PPPM bagi menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Menyedari hakikat bahawa transformasi pendidikan mempunyai ekosistemnya tersendiri, satu pendekatan holistik melibatkan guru, ibu bapa, pemimpin sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Kementerian adalah penting untuk memastikan keberhasilan murid dapat dicapai.

- Menyedari kepentingan pendidikan awal kanak-kanak dalam membina asas kepada pembelajaran, Kementerian berusaha meningkatkan enrolmen prasekolah dengan meneruskan bantuan yuran kepada murid prasekolah daripada keluarga berpendapatan rendah dan geran permulaan prasekolah swasta. Prasekolah swasta juga digalakkan untuk mendaftar dengan Kementerian. Pendidikan prasekolah berkualiti diberikan kepada anak-anak warganegara melalui peningkatan kelayakan guru prasekolah supaya memiliki sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak, pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan pengenalan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK).
- Peningkatan sistem pendidikan sangat bergantung kepada kualiti guru. Justeru, Kementerian mengambil langkah penting untuk meningkatkan kemahiran guru dalam perkhidmatan. Seramai 268,589 orang guru telah dilatih untuk menguasai kemahiran pedagogi abad ke-21 dengan memberi

fokus kepada penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. Kementerian juga telah meningkatkan usaha bagi memastikan guru lebih berfokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran melalui inisiatif *Repositioning of Teachers' Core Duties* di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

- Dalam usaha memastikan profesion keguruan menjadi kerjaya yang dihormati dan dipandang tinggi, Kementerian menyasarkan hanya calon yang terbaik akan dipilih ke dalam sistem. Syarat dan kriteria pemilihan yang lebih ketat telah dilaksanakan untuk memilih calon dalam kalangan 30% terbaik lepasan SPM untuk bertugas sebagai pendidik.



- Kemahiran dwi-bahasa terus menjadi keutamaan Kementerian. Literasi Bahasa Inggeris bagi murid Tahun 1 menunjukkan peningkatan daripada 70.2% pada tahun 2014 kepada 94% dalam tahun 2015. Program Peningkatan Kemahiran Guru Bahasa Inggeris (ProELT) menyaksikan lebih 90% orang guru yang mendapat B1 dan 40% yang mendapat B2 meningkat sekurang-kurangnya 1 Band kemahiran berbahasa mengikut *Common European Framework of References for Languages* (CEFR). Berdasarkan keberhasilan yang menggalakkan ini, program ini telah diteruskan pada tahun 2015. Pelbagai program bagi meningkatkan kemahiran berbahasa murid telah dijalankan pada peringkat rendah dan menengah dengan mengambil kira konteks kepelbagaian bahasa, bangsa, dan budaya dalam negara ini. Kementerian mengiktiraf sumbangan pelbagai pihak berkepentingan daripada organisasi tempatan dan antarabangsa yang bekerjasama dengan Kementerian dalam usaha meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan murid.
- Kementerian telah beralih daripada kriteria pemilihan berasaskan tempoh bertugas kepada yang lebih berfokus kepada kompetensi kepimpinan bagi mengenal pasti dan menentukan jawatan kepimpinan. Lebih

daripada 1,371 orang guru yang memilih untuk laluan kepimpinan berjaya memperoleh standard prasyarat kepimpinan melalui Sijil Kelayakan Profesionalisme Kebangsaan untuk Pemimpin Pendidikan, (*National Professional Qualification for Educational Leaders*, NPQEL) pada tahun 2015. Perubahan ini penting bagi menyediakan pemimpin sekolah yang lebih bertanggung jawab dalam memimpin dan memacu sekolah ke arah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang cemerlang bagi merealisasikan aspirasi murid yang ditetapkan di dalam PPPM.

- Kementerian mengiktiraf peningkatan peratus pelibatan ibu bapa dalam aktiviti seperti Hari Sukan dan Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Selepas tiga tahun pelaksanaan PPPM, dedikasi dan komitmen yang tinggi telah ditunjukkan oleh Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KISB) di sekolah. Dalam beberapa kes yang dianggap luar biasa, ibu bapa menunjukkan minat yang tinggi untuk menyokong pentadbiran sekolah bagi memastikan sistem pembelajaran diperluas merentas sempadan sekolah ke dalam komuniti. Kementerian juga menyanjung tinggi sumbangan jurulatih utama PIBG yang secara sukarela menggalakkan pelibatan ibu bapa lain demi keberhasilan murid.



2 Perubahan sedang berlaku di dalam bilik darjah

Lebih banyak bilik darjah di Malaysia kini mengamalkan pembelajaran abad ke-21 dengan penekanan terhadap pembelajaran berpusatkan murid secara aktif. Kaedah ini akan memperlihatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diaplikasi dalam kurikulum, pentaksiran dan aktiviti kokurikulum serta menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam menyediakan murid untuk landskap baharu pendidikan tinggi dan peluang masa hadapan.

Sokongan yang diberikan oleh Kementerian kepada murid, guru, pemimpin sekolah, ibu bapa serta komuniti melalui pelbagai inisiatif utama dalam dua tahun pertama pelaksanaan PPPM telah membawa perubahan positif yang signifikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam usaha menerapkan enam aspirasi murid, suasana di dalam bilik darjah telah berubah menjadi lebih dinamik, menarik dan kondusif bagi memupuk pembelajaran merentas disiplin untuk membolehkan perkongsian ilmu dan pengalaman pembelajaran. Keadaan ini sangat penting bagi menyemai kemahiran yang sememangnya amat diperlukan oleh murid untuk berjaya dalam kerjaya dan kehidupan mereka dalam abad ke-21.

- Hampir 1,000 buah sekolah di seluruh negara mengambil bahagian dalam projek rintis Pembelajaran Abad ke-21. Murid kini lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri dan mempunyai lebih peluang untuk pembelajaran berasaskan projek, membuat pembentangan dan pentaksiran rakan sebaya bersama-sama guru.
- Peningkatan kemahiran guru untuk menerapkan KBAT mempunyai kesan yang mendalam dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran yang kritikal untuk
- abad ke-21 seperti literasi teknologi dan kemahiran komunikasi telah diterapkan dalam kurikulum. Kementerian sedang mengambil langkah konkrit bagi memastikan kurikulum disampaikan sebagaimana dihasratkan. Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) menjadi pemangkin kepada transformasi proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Selaras dengan penambahan item KBAT dalam pentaksiran sekolah dan pentaksiran pusat, proses pembelajaran lebih tertumpu kepada kerja kumpulan dan projek, justeru dapat memupuk nilai sejangat dan menggalakkan pembangunan holistik murid melalui tugas berbentuk kolaboratif.
- Persekitaran Pembelajaran Maya atau *Virtual Learning Environment (VLE)* kini digunakan secara meluas untuk berkongsi amalan terbaik dan bahan pendidikan serta mengadakan perbincangan dalam talian antara guru, murid dan ibu bapa. Sejumlah 8,940 buah sekolah di seluruh negara kini dirangkaikan dengan 1BestariNet. Peluasan rangkaian ini dapat meningkatkan penyampaian pendidikan berkualiti secara berkesan terutama bagi kumpulan yang memerlukan seperti sekolah di kawasan luar bandar, pedalaman dan sekolah kurang murid.

3 Jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar telah dikurangkan

JPN dan PPD kini lebih berupaya untuk memberi sokongan terus dalam bentuk intervensi ber sasaran, bimbingan dan pementoran kepada pemimpin sekolah serta lebih proaktif menguruskan prestasi sekolah bagi memastikan peningkatan keberhasilan murid.

- Program Transformasi Daerah (*District Transformation Programme*, DTP) telah membawa perubahan besar kerana PPD kini memainkan peranan lebih strategik bagi memacu peningkatan sekolah. PPD juga terlibat secara langsung bukan sahaja untuk memantau peningkatan prestasi sekolah tetapi juga memberi bimbingan dan pementoran kepada guru melalui pegawai Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) dan membantu pemimpin sekolah melalui Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartners+). Pada tahun 2015, lebih daripada 1,757 orang SISC+ dan SIPartners+ memberi sokongan kepada guru dan pemimpin sekolah untuk meningkatkan keberhasilan murid. Hasilnya, bilangan sekolah

Band 6 dan 7 di seluruh negara, sekolah yang berprestasi rendah, telah berjaya dikurangkan daripada 139 pada tahun 2014 kepada 95 pada tahun 2015.

- Dialog Prestasi kini menjadi amalan JPN dan PPD sejak diperkenalkan pada tahun 2013. Dengan menganalisis data prestasi secara terperinci, termasuk maklumat yang diperolehi daripada SISC+ dan SIPartners+, Pegawai Pendidikan Daerah boleh mengenal pasti kekuatan dan kelemahan untuk memberikan intervensi yang lebih berfokus. Oleh kerana pendekatan ini terbukti memberi impak yang signifikan, dialog ini akan terus menjadi platform penting dalam meningkatkan prestasi.



4 Laluan pendidikan disediakan untuk murid dengan pelbagai minat dan kebolehan

Kementerian telah meningkatkan usaha untuk memberikan laluan pendidikan yang lebih luas dan fleksibel. Usaha ini termasuk TVET serta pilihan lepas menengah yang lain, termasuk untuk murid berkeperluan khusus dan murid berkeperluan khas (MBK).

- TVET telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor pendidikan terpenting dalam memastikan Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Dianggarkan hampir sejuta pekerjaan memerlukan sijil atau diploma. Oleh itu, Kementerian menyasarkan 20% orang murid menengah atas mendaftar untuk TVET. Persepsi terhadap TVET semakin positif setelah pelbagai kempen dijalankan oleh Kerajaan.
- Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA) telah diperkenalkan pada 2015 bagi memberi peluang kepada murid sekolah harian untuk mengikuti subjek berasaskan kemahiran. Murid ini akan mendapat kedua-dua sijil SPM dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang akan membuka lebih peluang untuk mereka dalam dunia pekerjaan. Sejumlah 343 orang murid mengikuti program PVMA dan jumlah ini dijangka meningkat kepada 4,260 pada tahun 2016 berdasarkan permintaan yang tinggi.
- Kementerian menawarkan pelbagai laluan pendidikan lepas menengah iaitu Tingkatan 6, program prauniversiti, Matrikulasi, program asasi ataupun alternatif ke sektor swasta. Tingkatan 6 telah melalui transformasi yang ketara dari segi kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, imej dan persepsi bagi menggalakkan lebih ramai murid memilih program ini. Usaha ini meletakkan Tingkatan 6 sebagai pilihan yang menarik sebaris dengan pilihan prauniversiti lain yang ditawarkan oleh sektor awam dan swasta.
- Menerusi pembangunan model pendidikan holistik dan inklusif, integrasi murid berkeperluan khas (MBK) dengan murid arus perdana dalam aktiviti sekolah dapat dipertingkatkan. Justeru, usaha ini telah berjaya meningkatkan jumlah MBK yang mengikuti Pendidikan Inklusif daripada 18.4% (10,700) pada tahun 2014 kepada 23.2% (16,899). Pada keseluruhannya, bilangan MBK pada tahun 2015 adalah sebanyak 72,715 orang berbanding 58,006 pada tahun 2014.
- Kementerian komited untuk memberikan murid Orang Asli dan Pribumi peluang dalam pendidikan berdasarkan keperluan mereka. Enrolmen murid Orang Asli di seluruh negara semakin meningkat disebabkan peningkatan dalam infrastruktur, kurikulum serta pengambilan, sokongan dan latihan kepada guru. Peningkatan pendidikan murid Orang Asli banyak bergantung pada pembangunan komuniti secara keseluruhan, justeru Kementerian turut menekankan pelaksanaan Kelas Dewasa Asli dan Pribumi (KEDAP) dengan kerjasama organisasi lain.
- Kementerian meneruskan usaha untuk meningkatkan bilangan sekolah khusus untuk menampung keperluan bakat dan kebolehan murid yang berbeza. Kini terdapat empat buah sekolah sukan dan tiga buah sekolah seni beroperasi di seluruh negara. Usaha ini dapat memupuk bakat generasi muda Malaysia yang mempunyai pelbagai kebolehan. Ibu bapa kini mempunyai lebih peluang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran agama disebabkan penambahan bilangan sekolah agama berdaftar di bawah Kementerian daripada 215 pada tahun 2014 kepada 226 pada tahun 2015.

5 Kementerian telah memperkukuh sistem penyampaian bagi memastikan pelaksanaan dasar yang lebih berkesan.

Kementerian memberi fokus kepada pelaksanaan inisiatif utama berdasarkan keperluan situasi semasa dan masa hadapan. Kementerian juga beriltizam untuk menambah baik sistem penyampaian melalui peningkatan kompetensi pemimpin pendidikan supaya keberhasilan yang dihasratkan dapat dicapai.

- Kementerian telah memberi keutamaan kepada inisiatif yang penting bagi memastikan keberhasilan murid dan usaha difokuskan kepada pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator, KPI*). Melalui pemantauan dan sokongan berterusan kepada pengurus program dan penetapan KPI yang jelas, Kementerian bersedia untuk melaksanakan sistem pengurusan prestasi yang lebih berkesan yang dapat mengenal pasti kelemahan serta memberi sokongan yang berfokus.
- Proses penggantian untuk mengenal pasti dan memupuk bakat individu berpotensi bagi memastikan calon tersedia untuk memenuhi jawatan di Kementerian Pendidikan dilaksanakan. Sehingga kini, sebanyak 697 orang pegawai di Kementerian dikenal pasti berpotensi untuk menjadi pemimpin pendidikan.
- Kementerian telah memberi jaminan untuk memastikan standard infrastruktur asas di sekolah dipenuhi dan pada tahun 2015 sejumlah 6,366 projek telah disiapkan. Dalam setiap tahap pelaksanaan, Kementerian telah memastikan perbelanjaan dijangka dengan Bajet Berasaskan Keberhasilan (*Outcome Based Budgeting, OBB*).



6 Memupuk nilai dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid

Tugasan secara kolaboratif dan pembelajaran di bilik darjah merentas mata-mata pelajaran serta aktiviti kokurikulum dapat membantu memupuk nilai dan mengukuhkan perpaduan yang lebih mantap dalam kalangan murid.

- Kementerian meneruskan usaha untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid menerusi pelbagai usaha di dalam dan di luar bilik darjah. Pelaksanaan pedagogi abad ke-21 dapat menggalakkan murid bekerjasama dan dapat memupuk nilai murni. Usaha ini disokong melalui program khusus seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang berjaya mengumpul murid daripada kumpulan etnik yang berbeza untuk melaksanakan pelbagai aktiviti sukan dan kebudayaan.
- Usaha bersepadu daripada pelbagai pihak berkepentingan, iaitu sekolah, ibu bapa dan komuniti diperlukan bagi membolehkan murid memupuk perasaan hormat menghormati, berkongsi pengalaman dan aspirasi yang membentuk asas perpaduan. Bagi merealisasikan matlamat yang murni ini, Kementerian telah menganjurkan Makmal Perpaduan bagi mendapatkan pandangan dan penyelesaian dalam memupuk perpaduan di sekolah. Makmal ini mendapat sokongan padu daripada pelbagai Kementerian, agensi luar dan badan bukan kerajaan.
- Kementerian juga komited untuk menyediakan murid bagi mendepani cabaran era baharu. Dalam Gelombang 1, enam aspirasi murid menjadi objektif tersirat dalam rancangan mengajar kerana guru perlu memahami bahawa ciri ini diperlukan untuk murid berjaya dalam ekonomi dunia global pada masa hadapan.




Pencapaian Gelombang 1

Kementerian telah menzahirkan komitmen yang tinggi untuk meletakkan Malaysia sebagai sistem pendidikan berprestasi tinggi dalam tempoh 13 tahun. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ialah pelan yang bercita-cita tinggi untuk merealisasikan visi ini melalui usaha bersepadu dan komitmen semua pihak berkepentingan. Bagi meningkatkan kualiti sokongan barisan hadapan kepada semua sekolah, Kementerian telah melipat gandakan usaha untuk memperkukuh dan mengupaya JPN dan PPD. Kementerian berhasrat agar semua guru, pemimpin sekolah dan sekolah memenuhi sekurang-kurangnya standard kualiti minimum yang telah ditetapkan.

Setelah melalui tiga tahun pertama transformasi pendidikan, Kementerian menyedari bahawa proses transformasi merupakan satu proses yang meluas dan kompleks. Transformasi ini melibatkan pelbagai inisiatif yang perlu dibangunkan menjadi sebahagian daripada proses reformasi. Walaupun setiap inisiatif adalah penting dan bermakna, Kementerian percaya bahawa penyelarasan dan penyusunan semula inisiatif perlu dilakukan supaya sistem pendidikan negara tidak terbeban. Program 1Agenda Kementerian yang dilancarkan pada bulan Disember 2012 berjaya menyatukan semua warga Kementerian dengan satu kefahaman tentang keutamaan Kementerian dan cara untuk merealisasikan keutamaan tersebut.

Pelaksanaan PPPM memerlukan KPM bersatu di bawah 1Agenda



Menyedari bahawa perlunya kapasiti dan keupayaan sistem dibangunkan secara berperingkat, Kementerian telah menyusun proses transformasi untuk berlaku dalam tiga gelombang dan 2015 menyaksikan berakhirnya Gelombang 1 PPPM (2013-2015). Lebih 7,000 cadangan telah dikemukakan oleh rakyat negara ini semasa Dialog Nasional serta syor daripada pelbagai pihak berkepentingan telah diterjemahkan kepada 100 inisiatif yang perlu dilaksanakan dalam proses transformasi. Kementerian memberi fokus kepada pelaksanaan perubahan yang cepat dengan tiga keberhasilan utama dan telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan.

Keberhasilan utama

Pencapaian Gelombang 1

100% orang murid celik bahasa Malaysia dan menguasai kemahiran numerasi selepas 3 tahun persekolahan; sasaran untuk celik bahasa Inggeris akan ditentukan selepas garis asas diperoleh.

99% orang murid menguasai literasi Bahasa Malaysia dan numerasi selepas tiga tahun persekolahan. Garis asas untuk literasi bahasa Inggeris iaitu 63.3% pada tahun 2013, meningkat kepada 94% pada tahun 2015.

Enrolmen untuk prasekolah pada 92%, rendah pada 98% dan menengah pada 95%.

Enrolmen prasekolah ialah 84.5%, peningkatan daripada 81.7% pada tahun 2013.

Enrolmen sekolah rendah ialah 98%, mengatasi kadar sejagat iaitu 91%, meningkat kepada 94.4% dari tahun 2013.

Pengurangan 25% jurang antara bandar dan luar bandar.

Pengurangan jurang antara bandar dan luar bandar sebanyak 31.6% berdasarkan pencapaian UPSR.

Pelibatan Pihak Berkepentingan dan Pengurusan Perubahan

Kementerian sentiasa melibatkan warga pendidikan dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang aspirasi pendidikan negara. Walau bagaimanapun pendekatan yang lebih strategik dan berfokus diperlukan bagi memastikan mesej utama disampaikan melalui saluran penyampaian yang berkesan. Langkah ini perlu diambil bagi menguar-uarkan mengenai PPPM kepada pihak berkepentingan yang berbeza. Pada bulan April 2014 Kementerian telah mewujudkan Jawatankuasa Penataran Maklumat dan Pengurusan Perubahan bagi menyelaraskan usaha komunikasi PPPM. Bagi peringkat permulaan, fokus diberikan kepada tiga aktiviti utama untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelaksana PPPM daripada JPN, PPD, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi:

- Info 5-minit dihasilkan dalam bentuk slaid mengandungi mesej yang pendek dan tepat mengenai PPPM. Slaid dihantar kepada semua institusi pendidikan di bawah KPM seperti JPN, PPD, IPG dan Kolej Matrikulasi untuk menatarkan maklumat yang dikongsi dalam mesyuarat, kursus, bengkel atau perhimpunan;
- Sudut PPPM telah diwujudkan di semua institusi pendidikan di bawah KPM di seluruh negara dan pelbagai aktiviti menarik dijalankan untuk menyebarkan maklumat yang diperoleh;
- Ejen perubahan daripada PPD, IPG dan Kolej Matrikulasi telah dikenal pasti dan dilatih untuk membantu menyampaikan maklumat mengenai PPPM kepada pelbagai pihak berkepentingan.

Pada masa yang sama, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) turut menyokong dan membantu menjalankan usaha Kementerian untuk menyampaikan aspirasi PPPM dengan mengambil bahagian dalam pelbagai pameran, hari terbuka dan berinteraksi secara langsung bersama-sama pengurusan tertinggi KPM serta masyarakat awam. Semua saluran media seperti media cetak, elektronik, sosial dan media luar telah digunakan sepenuhnya dan dimanfaatkan

untuk memaklumkan kepada pihak awam tentang PPPM dan aktiviti Kementerian. Selaras dengan slogan “Sedar, Faham, Mahu dan Boleh Buat”, Kementerian menyasarkan semua 420,000 orang guru dan pegawai pendidikan memahami sepenuhnya aspirasi PPPM dan komited terhadap pelaksanaan PPPM. Kesedaran ini dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap usaha serius yang sedang dilaksanakan untuk mentransformasi sistem pendidikan.



Pengiktirafan antarabangsa

Komitmen negara yang tinggi terhadap transformasi pendidikan telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila Malaysia memperoleh undi tertinggi dan terpilih sebagai ahli Lembaga Eksekutif Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan, dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Educational, Scientific and Cultural*

Organisation, UNESCO) bagi penggal 2015-2019. Selaku ahli Lembaga Eksekutif, Malaysia komited untuk memartabatkan aspirasi UNESCO dalam pendidikan, sains, sains sosial, budaya dan komunikasi terutamanya dalam memberikan sokongan kepada negara membangun di bawah Kerjasama Selatan-Selatan.



Malaysia juga telah memberi sumbangan kewangan melalui *Malaysian Funds-in-Trust* (MFiT) untuk memberi sokongan kepada pelbagai projek terpilih di bawah Program Kerjasama Malaysia-UNESCO (MUCP). Melalui dana ini, kerjasama antara Malaysia dan UNESCO telah diperkukuhkan lagi dengan memberi tumpuan kepada program pembangunan kapasiti dalam pendidikan bagi negara kurang membangun, Negara Pulau Kecil Sedang Membangun (*Small Island Developing States*, SIDs) serta negara di benua Afrika. Kementerian juga menyumbang dalam perkongsian ilmu dan kepakaran dalam kurikulum, pedagogi dan pentaksiran bagi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (*Science,*

Technology, Engineering and Mathematics, STEM) bagi mengukuhkan kapasiti serantau dan negara anggota di Afrika, Asia dan kawasan Pasifik.

Pengiktirafan PPPM pada peringkat antarabangsa terbukti apabila Kementerian terus menerima lawatan delegasi dari luar negara termasuk Korea Selatan, Jepun, Pakistan, Bhutan dan Maghribi. Negara-negara ini mengiktiraf komitmen Malaysia untuk melaksanakan perubahan serta berminat untuk berkongsi pengalaman transformasi pendidikan negara ini. Pegawai Kementerian juga telah dijemput oleh Kerajaan Myanmar bagi menyertai satu sesi perkongsian ilmu dan pengalaman membangunkan PPPM serta kejayaan pelaksanaan.



Najib Razak

10 hrs · ✨

Malaysia has just been elected to the Executive Board of UNESCO for the period 2015-19.

I see this as a recognition of our progress in education, science and culture and we hope to be able to contribute more at the international stage.

👍 Like

💬 Comment

➦ Share



Wakil KPM di Kementerian Pendidikan Myanmar di Nayptiaw, Myanmar.



Peserta sesi perkongsian pengalaman dengan wakil Malaysia di Nayptiaw, Myanmar.



Delegasi Malaysia di Persidangan UNESCO

BAB 1

MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN



“Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi mereka. Kementerian berhasrat memastikan kadar akses sejagat dalam kalangan kanak-kanak dari peringkat prasekolah hingga peringkat menengah atas menjelang 2020.”



MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN KEJAYAAN & PENCAPAIAN UTAMA 2015




KADAR ENROLMEN SEKOLAH 2014 2015

5+ TAHUN	91.9%	91.9%
4+ TAHUN	76.6%	77.2%

BILANGAN KELAS PRASEKOLAH

47,994
PRASEKOLAH



PRASEKOLAH AWAM : 46%

PRASEKOLAH SWASTA : 54%

860 ORANG KANAK-KANAK BERKEPERLUAN
KHAS TELAH MENDAFTAR DI

197 BUAH KELAS
PRASEKOLAH ARUS
PERDANA



PENINGKATAN ENROLMEN MENENGAH RENDAH DALAM PENDIDIKAN VOKASIONAL

2013
4.6%

2015
5.3%



85

buah sekolah termasuk sekolah K9 untuk Orang Asli dan murid pribumi, yang menawarkan

PAV kepada **5,312** orang murid

15

PVMA telah dirintis di sekolah menengah harian sebagai aliran

vokasional dengan **343** orang murid pada tahun 2015




818

orang atlet dari sekolah sukan telah

menyertai sebanyak **128** kejohanan peringkat antarabangsa

140

orang kanak-kanak gelandangan telah dimasukkan ke Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)



11

buah Pusat Tingkatan **6** di seluruh negara

Melalui pendidikan, setiap kanak-kanak akan dapat merealisasikan bakat dan potensi untuk menjadi individu yang seimbang. Kementerian berhasrat untuk menyediakan peluang kepada setiap kanak-kanak untuk mendapat pendidikan yang terbaik dan seterusnya menyumbang kepada kemakmuran negara.

Pada tahun 2015, Kementerian telah berusaha meningkatkan akses kepada pendidikan melalui usaha berikut:

- Memperluas akses kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti
- Mentransformasikan pendidikan vokasional
- Mengukuhkan laluan pendidikan yang pelbagai
- Memperluas pendidikan untuk kumpulan khusus

Pelbagai program dan aktiviti telah diperkenalkan melalui inisiatif ini sejajar dengan aspirasi PPPM bagi mencapai pendidikan sejagat untuk semua kanak-kanak di Malaysia.

MEMPERLUAS AKSES KEPADA PENDIDIKAN PRASEKOLAH BERKUALITI

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan utama dalam perkembangan psikologi dan intelektual kanak-kanak. Kajian menunjukkan bahawa tahun-tahun awal dalam kehidupan seseorang kanak-kanak adalah penting dalam perkembangan mental, emosi, sosial dan

kerohaniannya. Perkembangan ini adalah kritikal dalam menyediakan asas kejayaan kanak-kanak tersebut pada masa hadapan. Oleh yang demikian, Kementerian beriltizam untuk memperluas akses kepada pendidikan prasekolah berkualiti di sektor awam dan swasta supaya dapat menyediakan permulaan yang sama untuk semua kanak-kanak.

Kementerian berhasrat untuk mencapai sasaran enrolmen sejagat untuk prasekolah bagi kanak-kanak berumur 4+ tahun dan 5+ tahun menjelang 2020. Dalam tempoh lima tahun, kadar enrolmen bagi kanak-kanak berumur melebihi 5+ tahun telah meningkat daripada 85.0% kepada 92.0%, manakala bagi kanak-kanak berumur 4+ tahun adalah daripada 59.9% kepada 77.2% (Ekshibit 1-1). Pada tahun 2015, sebanyak 839,921 (84.6%) orang kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ tahun berdaftar di prasekolah iaitu 49.3% kanak-kanak berdaftar di prasekolah awam, manakala 50.7% kanak-kanak berdaftar di prasekolah swasta (Ekshibit 1-2).


Pencapaian ini hasil daripada usaha berikut:

- Meningkatkan bilangan kelas prasekolah
- Menyediakan Geran Permulaan Prasekolah Swasta
- Menggalakkan pendaftaran prasekolah swasta
- Menyediakan bantuan yuran prasekolah swasta
- Meningkatkan penyampaian pendidikan prasekolah
- Menambah bilangan prasekolah bagi kanak-kanak berkeperluan khas dan pendidikan inklusif
- Meningkatkan kemahiran guru prasekolah




Ekshibit 1-1

Kadar Enrolmen Murid Prasekolah mengikut Kumpulan Umur, 2010-2015



Ekshibit 1-2

Kadar Enrolmen Murid Prasekolah Awam dan Swasta, 2012-2015




Meningkatkan bilangan prasekolah

Pada tahun 2015, bilangan prasekolah telah bertambah sebanyak 1.7% menjadi 23,566 berbanding tahun 2014. Prasekolah ini

menyediakan 47,994 buah kelas, iaitu 46.0% kelas prasekolah awam dan 54.0% kelas prasekolah sektor swasta (Ekshibit 1-3). Usaha ini menunjukkan komitmen Kementerian dalam memperluas penyediaan prasekolah bagi mencapai enrolmen sejagat.

Ekshibit 1-3

Bilangan Kelas Prasekolah Awam dan Swasta, 2012-2015



Menyediakan Geran Permulaan Prasekolah Swasta

Kementerian meneruskan kerjasama dengan pihak sektor swasta untuk memastikan bilangan prasekolah mencukupi bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah. Geran Permulaan Prasekolah Swasta telah diwujudkan sebagai galakan bagi pembangunan prasekolah swasta. Geran sebanyak RM10,000 disediakan untuk prasekolah yang mempunyai enrolmen sebanyak 10-19 orang kanak-kanak, manakala geran sebanyak RM20,000 diperuntukkan bagi prasekolah yang mempunyai bilangan murid melebihi 20 orang. Bagi tempoh tiga tahun, sebanyak 772 buah prasekolah baharu telah mendapat manfaat daripada geran ini dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 252 adalah dalam tahun 2015.

Meningkatkan pendaftaran prasekolah swasta

Penyediaan prasekolah berkualiti adalah penting bagi memastikan kanak-kanak menerima pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan awal kanak-kanak. Pendaftaran prasekolah bertujuan untuk memastikan pengusaha prasekolah menawarkan perkhidmatan berkualiti seperti yang dinyatakan dalam Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK).

Kempen Jom Daftar telah dilancarkan pada tahun 2014 untuk memastikan semua prasekolah swasta di negara ini berdaftar dengan Kementerian. Pada tahun 2015, kempen ini telah diadakan di empat buah negeri, iaitu Johor, Perak, Pulau Pinang dan Sabah. Hasil daripada kempen ini, jumlah prasekolah swasta yang berdaftar telah meningkat secara purata sebanyak 4.4% di negeri-negeri yang disasarkan.

Liputan media terutamanya melalui akhbar dan televisyen juga telah dipertingkatkan untuk menggalakkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan prasekolah sebagai satu cara untuk mempersiapkan kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan pada usia 6-7 tahun.



Menyediakan Bantuan Prasekolah

Kementerian terus berusaha memastikan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah juga mendapat akses kepada pendidikan prasekolah berkualiti. Pada tahun 2015, sejumlah RM30.7 juta diperuntukkan sebagai bantuan yuran prasekolah dan telah memberi manfaat kepada 32,772 orang kanak-kanak di prasekolah swasta.

Memperluas akses kepada pendidikan melalui bantuan yuran bersasaran

“Suami bekerja sebagai pemandu dan memperoleh pendapatan kira-kira RM2,200 sebulan. Saya suri rumah sepenuh masa dan Henry anak bongsu daripada lima orang adik beradik. Kebanyakan pendapatan yang kami peroleh dibelanjakan untuk barang-barang keperluan seperti sewa rumah, kereta dan barang-barang dapur. Yuran prasekolah Henry berjumlah RM140 sebulan, tidak termasuk perbelanjaan lain. Sekolah Henry mengenakan yuran agak murah berbanding sekolah lain yang mengenakan bayaran RM300 atau lebih sebulan.

Kami memilih untuk menghantar Henry ke prasekolah ini kerana ia berdekatan dengan rumah kami, dan mereka turut memberikan sarapan supaya murid tidak berasa lapar. Terima kasih kepada bantuan yuran yang diberikan, kami mendapat RM1,300 pada 2015 bagi membantu kami dengan yuran prasekolah Henry. Kami merasa sangat bersyukur kerana bantuan ini mencukupi untuk persekolahan Henry. Tidak dapat kami bayangkan sekiranya kami tidak mendapat bantuan ini. Sekarang Henry sudah boleh menguasai kemahiran asas membaca ABC, menulis 1, 2, 3 dan lain-lain, seperti rakan-rakan lain di prasekolah”.

Puan Lee Kim Hong
Ibu kepada Henry Chai Ming Zhe
Penerima bantuan yuran prasekolah 2015

Prasekolah awam disediakan secara percuma atau pada kos yang minimum. Kanak-kanak yang mengikuti prasekolah Kementerian menerima peruntukan tahunan sebanyak RM100 bagi bahan pembelajaran dan RM25 untuk aktiviti kurikulum dan Skim Insurans Takaful. Mereka juga diberi bantuan makanan bernilai RM2 sehari bagi Semenanjung dan RM2.25 bagi Sabah dan Sarawak.

BANTUAN
PRASEKOLAH



Peruntukan harian sebanyak
RM2.00
setiap murid untuk makanan
di Semenanjung Malaysia
dan

RM2.25
di Sabah dan Sarawak

Peruntukan tahunan sebanyak
RM100
setiap kanak-kanak untuk bahan
pembelajaran

Peruntukan tahunan sebanyak
RM25
setiap kanak-kanak untuk aktiviti
kokurikulum

Meningkatkan penyampaian pendidikan prasekolah

Tumpuan yang lebih serius diberikan oleh Kementerian bagi memastikan prasekolah dapat menyediakan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti. Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) merupakan penilaian sendiri dalam talian yang telah dilaksanakan mulai tahun 2015. Standard ini mempunyai 5 bidang kualiti utama, iaitu tadbir urus, kurikulum, guru dan pembantu guru, interaksi antara ibu bapa dan guru, serta makanan, kesihatan dan keselamatan. Daripada 21,819 buah prasekolah berdaftar yang mengambil bahagian dalam penilaian ini, 89.3%

telah memenuhi standard kualiti yang ditetapkan. Guru dan pengusaha prasekolah yang tidak mencapai standard kualiti akan dibantu dengan pengetahuan dan panduan untuk mencapai kualiti prasekolah dan SKPK yang ditetapkan.

Meningkatkan akses kepada pendidikan prasekolah untuk murid berkeperluan khas

Pendidikan untuk kanak-kanak berkeperluan khas terus menjadi keutamaan kepada Kementerian. Pada tahun 2015, seramai 860 orang kanak-kanak berkeperluan khas telah mendaftar di 197 buah kelas prasekolah yang mempunyai guru pendidikan khas yang terlatih, manakala 46 orang kanak-kanak mengikuti pendidikan inklusif yang membolehkan mereka belajar bersama-sama rakan-rakan mereka dalam arus perdana. Kementerian dengan kerjasama agensi kerajaan yang lain telah melancarkan portal i-Sayang untuk meningkatkan kesedaran dan menyediakan maklumat mengenai pendidikan, kesihatan, kerjaya, kebajikan, dan kemudahan bagi kanak-kanak berkeperluan khas.

Portal i-Sayang ini boleh dilayari di:
<http://pmspk.moe.gov.my/>


Peningkatan kemahiran Guru Prasekolah

Bagi menggalakkan semua guru yang mengusahakan prasekolah swasta mempunyai kelayakan dalam bidang Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak (*Early Childhood Care and Education, ECCE*), Kementerian telah menyediakan bantuan yuran tuisyen bagi membolehkan guru mendapatkan diploma dalam bidang ECCE. Sebanyak 179 orang guru prasekolah swasta telah menerima bantuan yuran tersebut bagi melanjutkan pelajaran mereka. Pada tahun 2015, sebanyak 6,473 orang atau 23.7% daripada guru prasekolah telah mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya pada peringkat Diploma dalam bidang ECCE. Peningkatan jumlah ini telah meningkatkan jumlah keseluruhan guru prasekolah dengan kelayakan

sekurang-kurangnya Diploma kepada 20,229 orang atau 41%, melepasi sasaran 30% dalam PPPM (Ekshibit 1-4). Keadaan ini menunjukkan komitmen guru prasekolah dalam meningkatkan profesionalisme dan kelayakan mereka.


Ekshibit 1-4

Bilangan Guru Prasekolah Swasta dengan Kelayakan Minimum Diploma, 2013-2015



Ekshibit 1-5

Peratus Guru Prasekolah dengan Kelayakan Minimum Diploma mengikut Agensi



TRANSFORMASI PENDIDIKAN VOKASIONAL

Sektor Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training, TVET*) memainkan peranan yang penting dalam memastikan Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Hampir 46% daripada pekerjaan baharu pada masa depan akan memerlukan kelayakan teknikal dan vokasional. Bagi memenuhi permintaan ini, Kementerian telah memberi tumpuan kepada peningkatan laluan pendidikan vokasional dengan kerjasama rakan industri.

Murid kini mempunyai lebih banyak pilihan laluan vokasional ke peringkat menengah rendah dan menengah atas. Pendidikan Asas Vokasional (PAV) diperkenalkan untuk murid menengah rendah manakala Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), perantis dan diploma disasarkan kepada murid lepasan menengah rendah (Ekshibit 1-6). Usaha ini telah meningkatkan enrolmen lepas menengah rendah dalam pendidikan vokasional dari 4.0% pada tahun 2012 kepada 5.3% pada tahun 2015. Kementerian akan terus memberi sokongan kepada peningkatan trend yang menggalakkan ini.

Ekshibit 1-6

Laluan Pendidikan Vokasional



Pendidikan Asas Vokasional (PAV)

Pengenalan PAV pada peringkat menengah rendah sejak 2012 telah meningkatkan minat murid secara signifikan terhadap pendidikan vokasional. Pada masa kini terdapat 85 buah sekolah termasuk sekolah K9 untuk Orang Asli dan murid pribumi, yang menawarkan PAV kepada 5,312 orang murid, iaitu peningkatan sebanyak 44.9% berbanding tahun 2014. Pada tahun 2015, seramai 310 orang murid menamatkan pengajian dengan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 (SKM 1) dan 1,037 orang murid lulus dengan SKM 2.

Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA)

PVMA telah dirintis di 15 buah sekolah menengah harian sebagai aliran vokasional dengan 343 orang murid pada tahun 2015. Murid yang memilih untuk belajar mata pelajaran vokasional akan menamatkan pengajian dengan memperoleh dua sijil, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Kementerian juga menaja dan menempatkan 1,387 orang murid di pelbagai Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan 1,403 orang murid di Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) untuk meningkatkan akses kepada pendidikan vokasional.

Peningkatan Kemahiran Guru TVET dan Kerjasama dengan Rakan Industri

Perluasan pendidikan vokasional memerlukan guru dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menyampaikan pendidikan dan latihan yang berkualiti. Pada tahun 2015, seramai 2,566 orang pensyarah telah menerima latihan dan disahkan sebagai Pegawai Latihan Vokasional (PLV), Guru Pendidikan Vokasional (GPV), dan Pengurus Latihan Vokasional (PLV).

Pada tahun 2015, banyak pencapaian yang ketara telah diperolehi dari segi kerjasama dengan rakan industri tempatan dan luar negara. Antara pencapaiannya ialah:

- Memeterai program kerjasama dalam perancangan pendidikan melalui Penyata Persefahaman antara Kementerian dan Jabatan Tenaga Buruh Sabah.
- Kerjasama dalam inisiatif pembangunan kapasiti dengan SEAMEO VOCTECH, Brunei; Temasek Foundation, Singapura; dan SEAMEO-JPDE TVET Program Latihan Guru, China.
- Kerjasama TVET bagi negara Asia Tenggara melalui penyertaan dalam acara seperti SEA-TVET: Bekerja Bersama ke Arah Pengharmonian dan Pengantarabangsaan; Bengkel Kepimpinan Serantau Pengetua Sekolah TVET; Dialog Dasar mengenai Strategi Pekerjaan dan Kemahiran di Asia Tenggara (ESSSA); dan *Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) / Program Kerjasama Serantau untuk Meningkatkan Latihan Personel TVET (RECOTVET)*.
- Mengukuhkan TVET di Asia dengan Kementerian Pendidikan Republik Korea dan Institut Penyelidikan Pendidikan Vokasional dan Latihan Korea (KRIVET) melalui Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM).



Melakar Kejayaan di Pentas Dunia

Ketika rakan-rakan lain lebih gemar bermain, Mohd Yusri pula lebih berminat membantu ayahnya, En Rashidi, di bengkel membaiki kereta milik keluarga mereka. Yusri sudah biasa dengan pelbagai alat membaiki kereta dan alat ganti serta mempelajari selok-belok asas penyelenggaraan kereta sejak berusia 10 tahun. Pada Yusri, minat yang tinggi dalam industri automotif ini timbul secara semula jadi berikutan bakat dan kemahiran dalam membaiki pulih kereta. Apabila Yusri memilih untuk menyambung pendidikannya dalam aliran vokasional bidang automotif, keputusan ini telah mendapat sokongan padu daripada keluarga beliau.

Bakat Yusri dalam bidang automotif terus dipupuk di Kolej Vokasional Arau dan usaha gigihnya mula menampakkan hasil. Pada tahun 2012, di bawah bimbingan En Azhar Abdullah, Yusri menyertai dan memenangi Pertandingan Kemahiran Malaysia. Kejayaan ini melayakkan beliau mewakili negara pada tahun 2014 dalam *Asean Skills Competition* di Hanoi, Vietnam. Kejayaan Yusri mendapat pingat gangsa melayakkan beliau untuk mewakili negara dalam pertandingan *World Skills Competition* di Sao Paulo, Brazil. Yusri tidak pernah membayangkan bahawa beliau akan mewakili negara dalam pertandingan bertaraf dunia. Peluang keemasan yang diperolehinya bukan sahaja memberi inspirasi dan motivasi malahan meningkatkan keyakinan diri beliau bahawa sesiapa jua boleh berjaya sekiranya percaya kepada matlamat akhir, yakin dan berdaya saing.

Pendidikan vokasional telah membuka banyak peluang dan meningkatkan keyakinan Yusri terhadap kebolehan dan kemahiran beliau. Jika dahulu dunia Yusri hanya berlegar di sekitar kampungnya, kini beliau berpeluang menjalani latihan industri yang intensif di syarikat automotif terkemuka seperti Proton, BERMAZ PJ, Peugeot Glenmarie dan Volkswagen Group Malaysia Sdn. Bhd. Kemahiran yang diperolehi melalui latihan industri juga telah membolehkan Yusri mengaplikasikan kemahirannya dalam pertandingan kemahiran yang beliau sertai. Yusri yakin masa hadapannya akan lebih cerah kerana kemahiran dan pengalaman yang dimiliki.

Kini, Yusri sedang menjalani latihan industri di Proton, *Centre of Service Excellence (COSE)* Shah Alam. Banyak pengalaman baharu dalam dunia automotif diperolehi termasuk tugas sebagai Penasihat Perkhidmatan. Yusri beriltizam untuk memperoleh sijil Pegawai Latihan Vokasional dan Diploma Lanjutan Pendidikan Vokasional yang akan melayakkan beliau menjadi tenaga pengajar di institusi latihan vokasional.

“Doktor ada kemahirannya tersendiri dalam merawat pesakitnya. Saya ada kemahiran saya sendiri untuk membaiki kenderaan. Sekiranya saya tidak diterima dalam mana-mana industri, saya boleh menggunakan kemahiran saya untuk membuka bengkel sendiri”.



Muhammad Yusri bin Rashidi
Pelajar
Kolej Vokasional Arau

MENGIKHTHUKAN LALUAN PENDIDIKAN YANG PELBAGAI

Kementerian terus menawarkan pelbagai laluan pendidikan kepada murid untuk pilihan terbaik berdasarkan bakat, minat dan gaya pembelajaran mereka. Murid boleh memilih untuk memasuki sekolah sukan, sekolah seni, atau sekolah aliran agama Islam.

Sekolah Sukan

Sekolah Sukan pada peringkat menengah adalah penting kepada pembangunan atlet negara pada masa hadapan. Sekolah Sukan ini menyediakan

kemudahan, kepakaran kejurulatihan dan kemudahan lain untuk membangunkan atlet bertaraf dunia. Pada tahun 2015, enrolmen di sekolah ini telah meningkat sebanyak 14.6% kepada 1,383 orang murid berbanding tahun 2014.

Terdapat 4 buah Sekolah Sukan di Malaysia yang menawarkan pendidikan sukan:

- Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI), Johor
- Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP)
- Sekolah Sukan Malaysia Sabah (SSMS)

Ekshibit 1-7

Penyertaan Atlet Sekolah Sukan dalam Pertandingan Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

BIL.	Sekolah	Kejohanan Kebangsaan	Bil. Atlet	Kejohanan Antarabangsa	Bil. Atlet	Jumlah Penyertaan
1	SSBJ	54	338	90	347	144
2	SSTMI	135	421	18	212	153
3	SSMP	31	431	8	79	39
4	SSMS	14	176	12	180	26
		234	1366	128	818	362

BIL.	Kejohanan	Lokasi	Jum. Penyertaan Atlet	Jum. Pingat Dimenangi
1	Commonwealth Youth Games	Samoa	8	11
2	IAAF World Youth	Colombia	2	0
3	British Junior Open Squash	England	6	1
4	Final Diving Grand Prix	Puerto Rico	4	2
5	Asia School Athletics	China	6	5
6	Asia Junior Open Squash	Pakistan, Iran	6	4
7	Asian Junior Wushu	China	1	3
8	Asia Diving Championship	Malaysia	2	2
9	AFC U16 Qualifier 2016	Laos	27	1
10	AFC U14 Regional Football Festival	Brunei	18	1
11	SEA Games	Singapore	38	28
12	ASEAN School Games	Brunei	35	23
13	Singapore Open Diving	Singapore	3	8

BIL.	Kejohanan	Lokasi	Jum. Penyertaan Atlet	Jum. Pingat Dimenangi
14	10th SEA Youth Athletics	Malaysia	12	7
15	SEA Lawn Bowls	Singapore	8	5
16	ASEAN U15	China	13	1
17	National Junior Open Squash	Malaysia	12	9
18	National Junior Open Netball	Malaysia	16	7
19	Bola Jaring Kebangsaan	Malaysia	9	2
20	Rugby International Medini 7's U16	Malaysia	12	1
21	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia	Malaysia	332	142
	Jumlah Keseluruhan		570	263

Nota: Hanya Acara Terpilih Dipaparkan

Sekolah Seni

Sekolah Seni pada peringkat sekolah menengah adalah kritikal untuk membangunkan bakat seni murid. Terdapat 3 buah Sekolah Seni di Malaysia dengan sejumlah 775 orang murid:

- Sekolah Seni Malaysia Johor (SSeMJ)
- Sekolah Seni Malaysia Sarawak (SSeMS)
- Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur (SSeMKL)

Sekolah Aliran Agama

Sehingga kini terdapat 237 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan 226 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Sekolah-sekolah ini menawarkan mata pelajaran akademik biasa di samping mata pelajaran dalam bidang pendidikan Islam. Kementerian telah memperkenalkan beberapa program untuk memastikan murid mempelajari asas pendidikan Islam. Antara program yang dilaksanakan ialah:

Program	Penerangan
Program j-Qaf	Dilaksanakan di sekolah rendah bagi membolehkan murid mempelajari tulisan Jawi, membaca al-Quran, asas bahasa Arab dan amali fardu ain.
Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)	Model integrasi antara aliran sains dan aliran pendidikan Islam termasuk menghafal al-Quran. Terdapat 7 buah sekolah yang melaksanakan model ini.
Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)	Kombinasi kurikulum tahfiz Al-Quran dengan kurikulum mata pelajaran KBSM untuk menghasilkan murid yang boleh menghafal al-Quran. Dilaksanakan di 12 buah sekolah.
Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)	Kurikulum hasil daripada kombinasi kurikulum Dini/Azhari yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan kurikulum kebangsaan. Diperkenalkan di 15 buah sekolah.
Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR)	Satu program untuk membangunkan personaliti unggul murid dengan akhlak yang baik, jati diri unggul dan <i>Mutadayyin</i> . Dilaksanakan di 237 buah sekolah menengah agama (SMKA dan SABK).

PENDIDIKAN UNTUK KUMPULAN KHUSUS

Kementerian terus memastikan bahawa kanak-kanak yang kurang bernasib baik diberi peluang yang sama untuk menikmati faedah daripada pendidikan.

Sekolah Dalam Hospital (SDH)


SDH telah dilancarkan pada tahun 2011, kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. SDH ditubuhkan untuk menyediakan akses pendidikan secara berterusan kepada kanak-kanak yang menerima rawatan kerana masalah kesihatan di hospital. Kini terdapat 16 buah SDH di seluruh negara - 13 buah terdapat di Semenanjung, 2 buah di Sabah dan 1 di Sarawak (Ekshibit 1-8).



Guru di SDH dilatih dengan pengetahuan asas klinikal mengendalikan murid yang mengalami masalah kesihatan di samping kemahiran pedagogi.

Ekshibit 1-8

Bilangan Sekolah Dalam Hospital di Malaysia



Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)

Kementerian menubuhkan SBJK di Chow Kit, Kuala Lumpur, untuk memberi pendidikan kepada kanak-kanak gelandangan dan kanak-kanak tiada dokumen pengenalan diri di kawasan tersebut. Sekolah tersebut menggunakan kurikulum dibangunkan khusus dan menekankan kepada

konsep pembelajaran yang menyeronokkan untuk menarik minat kanak-kanak hadir ke sekolah. Pada masa ini terdapat kira-kira 140 orang murid yang belajar di SBJK. Kementerian menghargai usaha murni pihak sekolah dan pertubuhan bukan kerajaan untuk memastikan anak-anak gelandangan diberi peluang mendapat pendidikan untuk masa depan yang lebih cerah.



Pertandingan mewarna anak-anak gelandangan.



Kumpulan *Buskers* SBJK.

Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney

Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney ditubuhkan untuk menyediakan pendidikan secara formal di institusi penjara dengan kerjasama antara Kementerian dan Jabatan Penjara Malaysia. Terdapat lapan buah Sekolah Integriti dan tiga buah Sekolah Henry Gurney dengan 550 orang murid berumur antara 15-21 tahun. Sekolah ini menggunakan kurikulum kebangsaan

termasuk kemahiran 3M (membaca, menulis, mengira), Pentaksiran Berasaskan Sekolah sebelum SPM, SPM, STPM serta pendidikan vokasional dan kemahiran. Program ini membolehkan murid mendapatkan pendidikan dengan harapan mereka boleh menyesuaikan diri ke dalam masyarakat dan menjadi individu yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Murid di sekolah juvana: Pencapaian 8A dalam SPM

“Saya gembira berada di sini dan belajar kerana saya mempunyai ramai rakan yang berkongsi impian yang sama untuk berjaya pada masa hadapan. Walaupun saya pernah gagal pada masa lalu, saya kini amat berterima kasih kerana diberi peluang untuk bertaubat dan memulakan hidup baharu di sekolah. Dengan peluang yang diberikan, saya tidak membuang masa dan memberikan yang terbaik saya dan mendapat 8A dalam SPM. Impian saya adalah untuk melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Petronas dalam bidang minyak dan gas”.

Pelajar
Sekolah Henry Gurney, 2015

“Saya gembira kerana murid di Sekolah Henry Gurney telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam peperiksaan SPM. Sekolah ini mempunyai 100% lulus bagi dua tahun berturut-turut. Saya berharap agar pencapaian ini dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap murid sekolah ini selepas mereka menamatkan pengajian dan kembali ke pangkuan masyarakat”.

En. Lim Kim Mooi
Pengetua
Sekolah Henry Gurney

» Pelajar Sekolah Henry Gurney catat keputusan cemerlang lulus 100 peratus

Oleh Norizzah Baharudin
upen@bh.com.my

► Melaka

Kesilapan lalu tidak menghalang dua saha-bat baik yang juga pesalah juvana membuktikan kemampuan apabila memperoleh keputusan cemerlang, masing-masing 8A 1B dan 8A 1D dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2014.

Kehidupan baharu di Sekolah Henry Gurney (SHG) Telok Mas di sini, nyata memberi sinar buat Arif dan Hazwan yang bertekad untuk mengubah kehidupan dan penerimaan masyarakat.

Arif (bukan nama sebenar) diberkas polis tiga tahun lalu selepas terlibat dalam kegiatan curi motosikal, manakala Hazwan (bukan nama sebenar) pula ditahan kerana memiliki pisu kuda sebelum SHG mememikan mereka.

Hassan (diting) Kim Mooi dan Jumaat menyampaikan tiga keputusan SPM 2014 kepada pelajar cemerlang di Sekolah Henry Gurney

11/11/2014 MELAKA FREE PRESS / B11

Tahanan juvana
cemerlang SPM

namun saya bersyukur kerana Hassan Sakimon. Katanya, beliau juga sering yang pernah dilakukan mem-buatkan dirinya serik. Beliau tidak pernah menduduki SPM dan menjadikan kecemerlangan yang diperolei sebagai titik tolak memulakan langkah hidup baharu apabila keluar dari SHG. "Kehidupan dalam SHG mem-bantu saya membetulkan se-mula jalan salah yang pernah saya lakukan dulu.

PENDIDIKAN LEPAS MENENGAH

Kementerian menyediakan pelbagai saluran pendidikan lepas menengah seperti yang berikut:

Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (1-1.5 tahun)	Diterima sebagai syarat kelayakan untuk program Ijazah Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi di Malaysia dan diiktiraf oleh <i>Cambridge International Examinations</i> sebagai setaraf dengan <i>A-Level</i> .
Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	Diiktiraf untuk kemasukan program Ijazah Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi di Malaysia dan Universiti Al-Azhar, Mesir.
Matrikulasi (Sains, Perakaunan, dan Teknikal)	Diiktiraf sebagai program asas yang berkelayakan untuk program Ijazah Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi di Malaysia dan di beberapa universiti antarabangsa.
Program Asas Pendidikan Guru	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG).
Kolej Vokasional	Diiktiraf untuk kemasukan Ijazah Sarjana Muda berkaitan dengan TVET di institusi pengajian tinggi untuk latihan vokasional.

Pelbagai pilihan pendidikan lepas menengah disediakan untuk memberi peluang yang lebih luas kepada semua murid menengah atas untuk melanjutkan pengajian mereka. Namun, cabaran yang besar bagi Kementerian adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang laluan lepas menengah sebagai asas dan peluang kepada murid untuk membuat keputusan mengenai pendidikan dan laluan kerjaya seterusnya.

Transformasi Tingkatan 6

Di bawah inisiatif transformasi pendidikan Tingkatan 6, Kementerian telah berusaha untuk menjenamakan semula Tingkatan 6 sebagai pilihan lepasan menengah yang menarik untuk dipertimbangkan oleh murid sebelum memasuki universiti. Transformasi ini melibatkan perubahan

kepada sistem berasaskan semester yang membolehkan murid menamatkan persekolahan Tingkatan 6 dalam tempoh yang lebih singkat. Sukatan pelajaran dan persekitaran pembelajaran adalah sama dengan program prauniversiti. Pensijilan Tingkatan 6 atau STPM diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai setara dengan *A-Level*. Selain itu, yuran kemasukan ke Tingkatan 6 adalah rendah pada kadar minimum berbanding pilihan pendidikan lepas menengah yang lain.

Kini Tingkatan 6 dilaksanakan dalam 3 kaedah atau mod:

- Mod 1: pelajar ditempatkan di Pusat Tingkatan 6 – 11 Pusat Tingkatan 6 di seluruh negara
- Mod 2: pelajar ditempatkan di blok berasingan dalam sekolah aliran perdana - 69 kelas
- Mod 3: pelajar berkongsi bangunan dengan murid sekolah aliran perdana.

Pengalaman Baharu di Tingkatan 6

Dayang Shafawati binti Abang Ahmad merupakan murid Tingkatan 6 Rendah di SMK Saratok 2, Sarawak. Persepsi Dayang terhadap pendidikan Tingkatan 6 agak kurang memberangsangkan tetapi semuanya berubah setelah melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 6 selepas peperiksaan SPM.

“Saya memilih untuk meneruskan pengajian dalam Tingkatan 6 di SMK Saratok 2 kerana lokasinya yang dekat dengan rumah saya. Sekolah ini salah satu daripada tujuh buah sekolah di Malaysia yang mengumpulkan hanya murid prauniversiti di sekolah ini, yang dipanggil sekolah Mod 1. Sekolah baharu ini yang disiapkan tahun lepas begitu cantik dan selesa. Kumpulan kami ialah kumpulan yang pertama menggunakan sekolah ini”.

“Sebelum ini, saya menyangka bahawa memasuki Tingkatan 6 itu membazir masa dan subjeknya sangat susah. Selepas membuat rujukan melalui internet, saya dapati bahawa Tingkatan 6 ialah pilihan yang baik untuk saya menyambung pengajian. Apa yang menarik tentang Tingkatan 6 adalah saya hanya memerlukan setahun setengah untuk menamatkan pengajian, berbanding dengan pilihan lepas menengah yang lain”.

“Kosnya juga rendah berbanding dengan kolej atau universiti dan guru yang mengajar pula sangat berpengalaman. Daripada pemahaman saya, sijil STPM boleh digunakan untuk memohon kerja di luar negara dan diiktiraf oleh semua universiti tempatan. Di SMK Saratok 2, kami diberi peluang untuk mengalami suasana kampus supaya kami dapat bersedia untuk pengalaman persekitaran pembelajaran di universiti”.



Dayang Shafawati binti Abang Ahmad
Pelajar Tingkatan 6
SMK Saratok 2



ENROLMEN SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH


Usaha yang dijalankan oleh Kementerian untuk meningkatkan akses kepada pendidikan pada setiap peringkat sudahpun menampakkan peningkatan yang ketara. Hal ini jelas diperlihatkan dalam peningkatan enrolmen pendidikan awal kanak-kanak di prasekolah dan peringkat sekolah rendah. Pada tahun 2015 enrolmen prasekolah meningkat kepada 84.6% bagi murid yang berumur 4+ hingga 5+ tahun, manakala enrolmen sekolah rendah mencapai kadar universal iaitu 98.0%.

Pada peringkat menengah rendah dan menengah atas, enrolmen murid stabil, masing-masing pada kadar 92.5% dan 85.0%.

Kementerian sudahpun memberikan akses kepada sejumlah 4.9 juta orang murid yang mendaftar di 7,763 buah sekolah rendah dan 2,397 buah sekolah menengah di Malaysia. Kadar enrolmen sekolah rendah telahpun mencapai kadar enrolmen universal, iaitu 98%. Kementerian akan meningkatkan usaha bagi memastikan kadar enrolmen universal dicapai pada setiap peringkat pada tahun 2020.

Ekshibit 1-9

Peratus Enrolmen Prasekolah, Rendah dan Menengah, 2013-2015



“KAMI PERCAYA KEPADA SISTEM PENDIDIKAN NEGARA – MENGAPA TIDAK ANDA?”

“Secara peribadi, saya tidak pernah mempunyai pengalaman belajar di sekolah kebangsaan. Pengalaman persekolahan saya sangat berbeza daripada isteri saya kerana keluarga saya perlu mengikuti ayah yang bekerja di luar negara. Sebaliknya, isteri saya Nori adalah lepasan sekolah kebangsaan. Apabila tiba masanya untuk kami membuat keputusan mengenai pendidikan anak pertama kami Jibreil, kami yakin dengan kualiti sistem pendidikan negara dan memilih untuk menghantarnya ke Sekolah Kebangsaan TTDI 2, sebuah sekolah berdekatan rumah kami.

Tugas saya sebagai Ahli Parlimen telah mendedahkan saya kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, dan saya percaya dengan 11 Anjakan yang ditekankan dalam pelan tersebut. Saya paling setuju dengan anjakan untuk memberikan lebih pengupayaan kepada sekolah, PPD dan juga JPN. Hal ini akan menghasilkan penyelesaian isu yang lebih baik kepada masyarakat setempat berbanding sistem terpusat.

Kami tidak perlu menghantar Jibreil ke sekolah swasta atau antarabangsa; anak saya boleh mendapatkan peluang terbaik di sekolah kebangsaan. Untuk Jibreil, sekolah kebangsaan merupakan platform terbaik untuk perkembangan diri dan intelektualnya. Saya sendiri telah meneliti kurikulum beberapa mata pelajaran, dan mendapati ianya tidak seperti apa yang pernah kita pelajari dahulu. Kurikulum baharu ini lebih menumpukan kepada kemahiran penyelesaian masalah, dan telah beranjak daripada kaedah pembelajaran hafalan.

Saya berharap Jibreil melalui pengalaman pembelajaran yang normal di Sekolah Kebangsaan TTDI 2, sama seperti rakan-rakannya yang lain. Pada pandangan saya, sekolah ini menyediakan pengalaman pembelajaran yang amat sesuai berbanding sekolah kebangsaan yang lain dalam kawasan penempatan kami.”



YB Khairy Jamaluddin
Menteri Belia dan Sukan Malaysia



“Anak-anak saya kini bersekolah di SK Presint 8(1) dan SMK Presint 8 Putrajaya. Saya merasakan bahawa kualiti di sekolah kebangsaan tidak kurang hebatnya berbanding sekolah-sekolah swasta lain, khususnya SK Presint 8(1). Sekolah ini dikategorikan sebagai Sekolah Bestari, mempunyai pelbagai kemudahan yang hebat dan praktikal, serta guru-guru yang berdedikasi. Anak-anak saya gembira bersekolah di kedua-dua sekolah ini.

Sebagai seorang bapa, saya mahukan anak-anak saya bergaul dengan semua orang tanpa mengira latar belakang kaum atau status sosial. Saya percaya bahawa pergaulan yang sihat dengan rakan-rakan daripada latar belakang yang berbeza dapat membantu membangunkan sahsiah diri yang baik serta membantu menjadikan diri lebih bertoleransi dan memahami. Saya adalah lepasan daripada sistem pendidikan negara, dan saya mempunyai sepenuh keyakinan terhadapnya. Mengapa tidak anda?”



Tan Sri Abdul Wahid Bin Omar
Pengerusi
Permodalan Nasional Berhad

RINGKASAN

Pada tahun 2015, Kementerian meneruskan usaha untuk memberikan pelbagai bentuk sokongan dan sumber bagi memenuhi keperluan akses kepada pendidikan berkualiti. Sokongan dan sumber termasuk dalam bentuk bantuan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah, geran pengajian untuk guru prasekolah, bantuan penubuhan prasekolah swasta dan menyediakan pelbagai laluan pendidikan. Bagi memastikan kualiti

kepada akses dipertingkat, Kementerian telah menggalakkan lebih banyak perkongsian pintar awam dan swasta bagi memenuhi permintaan dan penyampaian pendidikan bagi Tingkatan 6. Walaupun Kementerian terus berusaha untuk memastikan akses kepada pendidikan berkualiti yang disediakan kepada semua kanak-kanak warganegara, usaha perlu diteruskan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pelbagai sumber dan sokongan yang telah disediakan oleh Kementerian.



BAB 2

MENINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN



“Semua kanak-kanak akan berpeluang mendapat pendidikan cemerlang yang terjamin kualitinya dan setanding dengan sistem pendidikan terbaik antarabangsa.”



MENINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN

KEJAYAAN & PENCAPAIAN UTAMA 2015

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

61.8%

aspek pengajaran menerapkan elemen KBAT dalam aktiviti seperti kerja berkumpulan, permainan, pembentangan dan soal jawab.

63.2%

aspek pembelajaran murid merangkumi elemen KBAT dalam menjawab soalan dan menyiapkan tugasan.

PELIBATAN SEKTOR SWASTA

Perkongsian Awam Swasta (PPP) dalam pendidikan meliputi 3 aliran kerja

PROGRAM
ONE-OFF

sumbangan

36

syarikat

PROGRAM SEKOLAH ANGKAT

483

pada tahun 2014

539

pada tahun 2015



PROGRAM SEKOLAH AMANAH

2015

62

10

sekolah dipilih untuk program ini semenjak

2011



	BM	BI	NUMERASI
TAHUN 1	81.8%	74.4%	91.4%
TAHUN 2	92.0%	83.5%	95.2%
TAHUN 3	98.7%	94.1%	99.1%



LINUS

PENCAPAIAN LINUS PADA TAHUN 2015

Penilaian prestasi pemimpin sekolah dan guru menggunakan *Unified Instrument*

KUALITI PEMIMPIN SEKOLAH

CEMERLANG	80.0%
TINGGI	17.7%
SEDERHANA	2.2%
RENDAH	0.1%

KUALITI GURU

CEMERLANG	55.1%	TINGGI	39.9%
SEDERHANA	4.8%	RENDAH	0.2%



PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI

Peratus kehadiran 6 aktiviti utama sekolah (sasaran kehadiran: 65%)



HARI PENDAFTARAN	92.0%
HARI PELAPORAN	80.8%
HARI PENETAPAN SASARAN PRESTASI	78.7%
HARI KECEMERLANGAN	75.5%
HARI SUKAN	64.3%
MESYUARAT TAHUNAN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU	56.5%

Keperluan untuk menghasilkan sumber manusia global yang mampu bersaing untuk memenuhi permintaan ekonomi liberal merupakan salah satu cabaran utama bagi mana-mana negara. Tumpuan utama adalah untuk menyediakan sistem pendidikan berkualiti yang setanding dengan sistem pendidikan terbaik di dunia. Sistem pendidikan yang berkualiti akan melengkapkan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk maju dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Pada tahun 2015, Kementerian memberikan tumpuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan melalui pelaksanaan usaha yang berikut:

- Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)
- Menggalakkan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)
- Meningkatkan literasi dan kemahiran berbahasa
- Memperkukuh kualiti guru
- Meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah
- Memperluas pelibatan ibu bapa dan komuniti
- Menggalakan pelibatan sektor swasta

MENERAPKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Majikan pada masa kini memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran tinggi dan menunjukkan kemampuan menguasai kemahiran berfikir yang merangkumi kemahiran menyelesaikan masalah, berfikir secara kritis, kreatif serta inovatif. Bagi menentukan murid menguasai kemahiran yang betul, guru perlu memudah cara dan menggalakkan perkembangan KBAT dalam kalangan murid.

Pada tahun 2015, Kementerian terus memperkasa pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran melalui Kursus i-THINK Dalam Talian (KiDT) kepada guru daripada 8,893 buah sekolah menggunakan 25 modul latihan akses sendiri. Sebanyak 227,036 orang guru menerima latihan i-THINK dalam talian

dan Pusat Kecemerlangan KBAT telah ditubuhkan di IPG Kampus Ilmu Khas, IPG Kampus Tun Abdul Razak dan IPG Kampus Pulau Pinang bagi memberi latihan dan sokongan kepada guru.

Bagi memastikan penyampaian KBAT yang dilaksanakan dalam bilik darjah berkualiti, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) telah melakukan pemeriksaan ke atas 847 sesi pengajaran dan pembelajaran di 36 buah sekolah. Pemerhatian oleh JNJK menunjukkan pelibatan guru dan murid menggalakkan, iaitu lebih daripada 60% pengajaran dan pembelajaran melibatkan KBAT.

Pemerhatian oleh JNJK juga menunjukkan bahawa pentaksiran yang dijalankan di sekolah telah menerapkan lebih daripada 40% item KBAT dalam kertas Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Tahap kognitif yang paling dominan yang diperhatikan semasa aktiviti murid ialah tahap Aplikasi. Walau bagaimanapun, kemahiran Kreatif, Kritis dan Inovatif yang merupakan tahap kognitif lebih tinggi kurang dilihat dalam tugas murid dan oleh itu, lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk menerapkan kemahiran kognitif tersebut.

Untuk mengukur perkembangan KBAT dalam kalangan murid, Kementerian telah menetapkan 10% item KBAT dimasukkan dalam peperiksaan awam merentas semua mata pelajaran pada tahun 2013 dan 20% pada tahun 2014 dan 2015. Peratusan ini akan meningkat secara beransur-ansur pada tahun seterusnya. Melalui kaedah peningkatan peratusan item KBAT secara beransur-ansur dalam peperiksaan awam, sistem dapat dibiasakan dan distabilkan sebelum peningkatan peratusan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Bagi membantu guru mengenal pasti dan mengukur penguasaan KBAT dalam kalangan murid, Kementerian telah memperkenalkan buku yang mengandungi contoh terbaik KBAT, manual bagi penilaian skrip, dan latihan kepada guru mengenai penskoran item KBAT.

Prestasi Murid dalam Menjawab Soalan KBAT

Skrip jawapan murid bagi kertas Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam UPSR 2015 telah dianalisis bagi memahami tindak balas murid dalam menjawab item KBAT dan bukan KBAT. Dapatan menunjukkan bahawa tindak balas murid adalah sama bagi item KBAT dan bukan KBAT. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pada tindak balas murid, terutamanya berdasarkan tahap penguasaan dan tahap kesukaran item. Umumnya, murid yang lebih berkebolehan dapat memberi tindak balas yang lebih baik kepada item KBAT dan bukan KBAT. Lebih ramai murid dapat memberi tindak balas kepada item lebih mudah, sama ada KBAT atau bukan KBAT.

Antara isu yang dihadapi oleh murid dalam menjawab item KBAT adalah kesukaran untuk memberi penerangan lengkap berserta bukti logik dan ketidakupayaan untuk berfikir secara kritis dan logik.



Ekshibit 2-1

Contoh Soalan KBAT dalam Peperiksaan SPM

Contoh Soalan
KBAT Matematik
SPM

10 Diagram 5 shows the plan of students table in class of 3 Mawar.
Rajah 5 menunjukkan pelan meja murid dalam Kelas 3 Mawar.




Diagram 5
Rajah 5

At the beginning of the year, Cikgu Siti placed Suraya at the position three rows and four columns from the entrance. A week later, the mathematics teacher, Cikgu Ali, changed Suraya's place using a translation of $\begin{pmatrix} -2 \\ -1 \end{pmatrix}$. Due to Suraya's poor result in a test, the class teacher changed her place again. Suraya is directed to move one place to the right and then three places to the front.

Where is Suraya's position now?

Pada awal tahun, Cikgu Siti telah menempatkan Suraya pada kedudukan baris ke tiga dan lajur ke empat dari kedudukan pintu masuk. Seminggu kemudian, guru matematik, Cikgu Ali, memindahkan kedudukan Suraya kepada translasi $\begin{pmatrix} -2 \\ -1 \end{pmatrix}$.

Oleh kerana pencapaian Suraya merosot dalam satu ujian, guru kelasnya telah memindahkan kedudukannya sekali lagi. Suraya telah diarahkan bergerak satu tempat ke kanan dan kemudian tiga tempat ke hadapan.

Di manakah kedudukan Suraya sekarang?

- A W
- B X
- C Y
- D Z

Sumber:
Lembaga Peperiksaan

Contoh Soalan
KBAT Biologi SPM

15 Diagram 9.1 shows two classes of food.

Rajah 9.1 menunjukkan dua kelas makanan.



Diagram 9.1
Rajah 9.1

Diagram 9.2 shows the human digestive system.

Rajah 9.2 menunjukkan sistem pencernaan manusia.




Diagram 9.2
Rajah 9.2

Which part A, B, C or D digests both the classes of food shown in Diagram 9.1?

Antara bahagian A, B, C dan D yang manakah mencernakan kedua-dua kelas makanan yang ditunjukkan dalam Rajah 9.1?

Sumber:
Lembaga Peperiksaan

i-THINK di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Marudu

Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Marudu, Marudu, Sabah merupakan salah sebuah sekolah daripada 10 buah sekolah yang terpilih sebagai wadah untuk mempamerkan i-THINK. Pelbagai program berasaskan i-THINK telah dijalankan di SMK Kota Marudu seperti Bengkel Memperkenalkan 8 Peta Pemikiran kepada murid dan guru baharu, Perayaan i-THINK dan Perkhemahan KOKUM berkonsepkan i-THINK.

Menurut Cikgu Jaisin Jotori, i-THINK turut diterapkan dalam sesi pembelajaran harian di dalam kelas. “Sejak i-THINK dilaksanakan, murid Kelas 5 Harapan berasa lebih seronok untuk berbincang dan membuat pembentangan di hadapan kelas. Mereka juga lebih berani melontarkan soalan berkaitan kepada pembentang,” tambah beliau.

Cikgu Jaisin Jotori
Guru
SMK Kota Marudu, Sabah



Murid melaksanakan aktiviti i-THINK




MENGALAKKAN PENDIDIKAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)

Kementerian komited dalam menggalakkan literasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*, STEM) pada semua peringkat pendidikan dengan memperkenalkan Kerangka Konseptual Pendidikan STEM. Usaha ini bakal menyediakan negara dengan bilangan graduan STEM yang berkelayakan dan mencukupi untuk memenuhi keperluan pekerjaan dan sumber manusia berinovatif bagi memacu ekonomi negara.

Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menggalakkan pendidikan STEM dalam kalangan murid seperti berikut:

- Memperkenalkan *Blended Learning Open Source for Science or Mathematics Studies* (BLOSSOMS) iaitu pusat sumber bagi STEM
- Melaksanakan pendekatan pembelajaran secara praktikal dan kemahiran dalam pendidikan STEM
- Menyediakan infrastruktur dan kemudahan pendidikan STEM.

Kerangka Konseptual Pendidikan STEM



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Perkembangan Pendidikan STEM

Blended Learning Open Source for Science or Mathematics Studies (BLOSSOMS) merupakan program kerjasama antara Kementerian dengan Universiti Teknologi Malaysia dan Massachusetts Institute of Technology, Amerika Syarikat. BLOSSOMS menyediakan perpustakaan dalam talian yang mengandungi koleksi video pengajaran Sains dan Matematik secara percuma untuk menyokong idea dan keperluan untuk memupuk pendidikan STEM. Pada tahun 2015, para pendidik Malaysia telah mencipta dan menghantar sebanyak 10 buah video pengajaran Sains dan Matematik. Melalui penggunaan video BLOSSOMS, pengajaran dan pembelajaran menjadi suatu sesi yang lebih aktif, kreatif dan kritis.



Sila layari laman web BLOSSOMS di <https://blossoms.mit.edu/>

National Blue Ocean Strategy (NBOS) dalam pendidikan STEM

Kerjasama dalam pendidikan STEM memanfaatkan kepakaran antara kerajaan, industri dan dunia akademik. Kementerian, dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan pemain industri, telah melaksanakan satu program inovatif bagi menyediakan Makmal Sains Modular.

Pada tahun 2015, melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan, projek rintis Program Inisiatif Libat Sama (NBOS-PILS) telah dijalankan di Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hisamuddin, Klang. Projek ini telah berjaya membangunkan sebuah Makmal Sains Modular dalam tempoh dua minggu dengan peruntukan berjumlah RM100,000.00. Projek ini membolehkan pembelajaran STEM secara amali dengan kaedah penyediaan makmal dengan lebih murah dan pantas.

Pelaksanaan konsep pembelajaran dari “bilik darjah-makmal-bilik darjah”, telah dapat mencapai matlamat penyediaan makmal yang lebih tahan lama, luwes serta pelbagai fungsi yang dapat diubah



suai kepada pelbagai makmal sains yang berbeza untuk Fizik, Kimia mahupun Biologi. Pada akhir tahun 2015, sebanyak tujuh buah sekolah telah mendapat manfaat daripada pembinaan Makmal Sains Modular. Pendekatan ini akan diperluaskan kepada lebih banyak sekolah.

Pembelajaran Abad ke-21 (PA21)

PA21 ialah satu program yang dilaksanakan untuk menggalakkan persekitaran bilik darjah yang lebih dinamik bagi mencetus perkembangan pemikiran tahap tinggi dan mengukuhkan kemahiran penyelesaian masalah.

Sehingga kini, sebanyak 1,249 buah sekolah rendah dan 665 buah sekolah menengah telah melaksanakannya di seluruh negara. Impak, kemajuan dan peluasan program ini dipantau oleh setiap Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di negeri masing-masing.



SJKT Bandar Springhill, Negeri Sembilan – Teknologi sebagai pengupaya kerjasama antara murid



SMK Bukit Saujana, Negeri Sembilan – Pengajaran melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek

MENINGKATKAN LITERASI DAN KEMAHIRAN BERBAHASA

Literasi dan kecekapan berbahasa Melayu (BM) dan Inggeris (BI) adalah penting bagi mencapai salah satu aspirasi murid, iaitu dwibahasa. Sejak pelaksanaan Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS 1.0) pada tahun 2010 sebagai salah satu usaha untuk memastikan murid menguasai asas literasi dalam BM dan numerasi pada akhir Tahun 3, usaha giat telah dilakukan untuk

meneruskan kejayaan kohort rintis. LINUS 2.0 telah diperkenalkan pada tahun 2013 untuk memastikan penguasaan literasi BM dan BI serta numerasi. Pada tahun 2015, peratusan murid Tahun 3 yang berjaya menguasai literasi BM dan numerasi adalah sebanyak 99% dan 94% dalam literasi BI. Kementerian akan melipat gandakan usaha bagi memastikan semua murid menguasai literasi dan numerasi pada peringkat awal supaya mereka terus berjaya dan dapat menamatkan persekolahan.

Ekshibit 2-2

Pencapaian LINUS, 2015

		Bahasa Melayu (%)	Bahasa Inggeris (%)	Numerasi (%)
Pencapaian murid daripada kohort yang sama setiap tahun	Murid memulakan Tahun 1 (2013)	81.8	74.4	91.4
	Murid yang sama dalam Tahun 2 (2014)	92.0	83.5	95.2
	Murid yang sama dalam Tahun 3 (2015)	98.7	94.1	99.1

Bagi memastikan murid mencapai tahap literasi dan numerasi seperti yang dihasratkan, Kementerian akan memberi sokongan kepada guru untuk melaksanakan program LINUS 2.0 dengan menyediakan:

- Modul pengajaran dan pembelajaran LINUS 2.0 yang digunakan di seluruh negara;
- Melatih 7,000 orang guru BM dan Matematik Tahun 2 untuk menjajarkan program LINUS 2.0 dengan kurikulum kebangsaan;
- Melatih 350 guru pendidikan khas dalam melaksanakan LINUS 2.0
- Meningkatkan kemahiran 850 orang guru pemulihan;
- Melatih sebanyak 7,750 orang guru Tahun 1 dan 7,750 orang guru Tahun 4 mengenai pemulihan BI; dan
- Kursus Pengurusan LINUS untuk Guru Besar (KPLUGB) dan Konsultasi LINUS 2.0 yang diadakan setiap tahun untuk 10 orang guru besar yang mempunyai ramai murid yang tidak menguasai asas literasi dan numerasi.

Kaedah 'Fonik Akhiran eTAM' Membantu Murid Menguasai Kemahiran KV+KVK

Kaedah 'Fonik Akhiran eTAM' (*e-Teaching Aids Multimedia*) merupakan satu bentuk perisian interaktif berkomputer yang telah dibangunkan hasil daripada sebuah kajian tindakan dalam membantu murid menguasai kemahiran mengeja, membatang dan menulis perkataan KV+KVK. Kaedah ini mengkaji keberkesanan kaedah, kefahaman dan penguasaan jangka masa panjang serta kemahiran membunyikan suku kata "KVK" yang menjadi masalah utama kepada murid pemulihan. Kaedah ini terhasil daripada ujian awal dan pemerhatian terhadap beberapa permasalahan murid pemulihan terutama dalam konstruk 4 dan 5 Literasi Bahasa Melayu.

Kaedah 'Fonik Akhiran eTAM' mengajar perkataan yang mempunyai fonik akhiran yang sama dalam satu waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) berbanding sebelum ini, yakni satu P&P hanya mengajar perkataan tanpa perkaitan fonik. Kaedah baharu ini ternyata berkesan menangani masalah dalam menguasai konstruk 4 dan 5 Literasi Bahasa Melayu".

Encik Muhamad Bastami bin Zakaria
Pengasas Kaedah Fonik Akhiran eTAM
Guru, SK Sungai Haji Dorani

Saya & i-Think - Literasi (Versi Pemulihan dan LINUS)

“Pada peringkat awal percubaan i-Think, murid pemulihan menghadapi kesukaran kerana laman peta minda yang digunakan sukar untuk diikuti. Bermula daripada masalah ini, satu inovasi mesti dihasilkan melalui konsep i-Think dengan membuat pengubahsuaian pemudah cara kepada penggunaan setiap peta minda tersebut. Setiap peta minda dipermudahkan penggunaannya dan lebih terarah kepada kemahiran membina ayat serta kemahiran guru untuk mempelbagaikan teknik dan kaedah pengajaran.

Program Saya & i-Think ini bermatlamat untuk guru agar mempelbagaikan teknik serta kaedah pengajaran supaya murid menguasai kemahiran membaca, menulis dan menaakul. Kelebihan inovasi ini ialah kecekapan murid untuk membina ayat berdasarkan tajuk atau gambar yang diaplikasikan terlebih dahulu dalam bentuk peta minda. Murid lebih menumpukan perhatian dan fokus kepada apa-apa yang sedang mereka pelajari. Murid akan lebih yakin dan berkeupayaan untuk melontarkan daya pemikiran yang lebih kreatif serta mampu memberi kerjasama dalam kumpulan. Modul ini juga mampu melonjakkan keupayaan murid pemulihan untuk membina ayat yang lebih baik dengan struktur ayat yang tersusun”.

Encik Roslee bin Abdul @ Mohd
Guru, SK LKTP Nitar 1
Mersing, Johor



Contoh: Peta dakap digunakan sebelum membina ayat berdasarkan gambar.



Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)

Dasar MBMMBI diperkenalkan pada tahun 2009 bertujuan untuk memartabatkan status bahasa Melayu (BM) dalam pendidikan dan untuk memperkukuh kemahiran berbahasa Melayu dan Inggeris dalam kalangan murid.

Pembelajaran dan pengajaran BM yang berkualiti adalah penting bagi tujuan penguasaan kemahiran dan kecekapan berbahasa. Oleh itu, guru yang mengajar mata pelajaran BM perlu kompeten dan menguasai kemahiran berbahasa. Pada tahun 2015, tahap kemahiran berbahasa 9,672 orang guru bukan opsyen BM telah diukur dengan menggunakan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu

(UKBM). Dapatan menunjukkan bahawa 21.4% guru berkenaan berkelayakan mengajar BM manakala 37.8% berkelayakan tetapi memerlukan latihan tambahan supaya mereka mencapai standard tinggi yang ditetapkan oleh Kementerian. Walaubagaimanapun, 40.9% daripada guru bukan opsyen tidak memenuhi standard UKBM untuk mengajar BM.

Kementerian telah menyediakan peruntukan yang besar bagi meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan guru dan murid. Usaha ditumpukan pada bidang berikut termasuklah latihan guru, kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran (Ekshibit 2-3).

Ekshibit 2-3

Program Bahasa Inggeris


Kurikulum	Penandaarasan kurikulum Bahasa Inggeris												
	Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia (KSSR dan KOMSAS)												
Pentaksiran	Penandaarasan Peperiksaan Awam dengan CEFR											MUET	
Pembangunan Profesionalisme Keguruan	Kelayakan masuk untuk Guru Pelatih Bahasa Inggeris												
	ProELT												
	SISC+												
	PITO (Program Intervensi Tambah Opsyen)						ICELT (<i>In-Service Certificate in English Language Teaching</i>)						
Pengajaran dan Pembelajaran	Penutur Jati								Sistem Set		Pengukuhan Bahasa Inggeris		
	LINUS 2.0								OPS-English				
Program Sokongan	NILAM												
	Pengintegrasian TMK dalam Pengajaran dan Pembelajaran ETA												
									ETA (<i>English Teaching Assistant</i>)				
PS	Y1	Y2	Y3	Y4	Y5	Y6	F1	F2	F3	F4	F5	F6	

Latihan *Professional Upskilling of English Language Teachers* (ProELT) telah dilaksanakan untuk meningkatkan sekurang-kurangnya satu band kemahiran berbahasa guru Bahasa Inggeris berdasarkan CEFR. Jumlah keseluruhan guru

Bahasa Inggeris yang telah dilatih sejak 2013 ialah sebanyak 16,012 orang, manakala sebanyak 1,500 orang guru Bahasa Inggeris telah berdaftar pada tahun 2015.

Ekshibit 2-4

Kemahiran Berbahasa Inggeris Guru Pasca ProELT



Nota: C2 merupakan band tertinggi bagi kemahiran berbahasa dan A1 adalah band terendah berdasarkan CEFR.

Berdasarkan keputusan ujian bagi tiga kohort guru yang menyertai ProELT, sebahagian besar guru Bahasa Inggeris berada dalam Band B2 (Ekshibit 2-4). Kementerian telah menyediakan sokongan untuk terus meningkatkan kemahiran berbahasa guru kepada Band C1 dengan menggunakan bahan pembelajaran akses sendiri.

Kesan ProELT terhadap Keberhasilan Murid

Pada tahun 2015, *English Language Training Centre* (ELTC) telah menjalankan kajian untuk menilai kesan ProELT terhadap keberhasilan

murid. Responden kajian terdiri daripada 242 orang guru yang telah tamat mengikuti ProELT dan 463 orang murid daripada 15 buah sekolah rendah dan 5 buah sekolah menengah. Berdasarkan pemerhatian di bilik darjah, didapati sebahagian besar guru bermotivasi menggunakan pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang lebih kreatif. Murid menunjukkan peningkatan pencapaian sebanyak 4% berdasarkan ujian pra dan pasca yang merangkumi item *cloze passages* dan penulisan karangan yang ditadbir dalam tempoh tiga bulan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ProELT memberi kesan langsung terhadap pembelajaran murid.


Kementerian juga telah menjalankan program peningkatan bahasa Inggeris untuk sekolah menengah pada tahun 2013, yang merangkumi program *School Support Plan* dan aktiviti *Out-of-Class Component*. *School Support Plan* merupakan pendekatan yang digunakan untuk meningkatkan prestasi sekolah hotspot, iaitu sekolah yang menunjukkan pencapaian yang rendah dalam kertas SPM Bahasa Inggeris (Ekshibit 2-5). Melalui program ini, Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) menyediakan latihan dan bimbingan kepada guru Bahasa Inggeris daripada 300 buah sekolah hotspot. Latihan dan bimbingan yang disediakan ini memberi fokus kepada peningkatan kemahiran mereka bentuk intervensi terbeza berdasarkan kemahiran berbahasa murid.

Kesan Pelaksanaan *School Support Plan*

Guru yang telah menyertai *School Support Plan* menyatakan bahawa program ini berjaya membantu mereka supaya lebih berfokus dan pengajaran di bilik darjah lebih berkesan. Hampir 85% guru melaporkan bahawa murid menunjukkan maklum balas dan pelibatan yang baik disebabkan penggunaan pendekatan pembelajaran terbeza di dalam bilik darjah. Kesan positif dapat dilihat melalui tugas yang disiapkan terutama dalam penulisan karangan iaitu terdapat pengurangan bilangan kesalahan yang dilakukan dan karangan yang dihantar adalah lebih panjang.

Ekshibit 2-5

Prestasi Sekolah *Hotspot* bagi Kertas Bahasa Inggeris SPM 2015



English-In-Camp

Komponen *Out-of-Class* menyokong peningkatan keberhasilan murid melalui aktiviti kokurikulum, khususnya melalui program *English-In-Camp*. Kem ini memberi tumpuan kepada pengukuhan pemahaman komponen kesusasteraan yang terdapat dalam kertas Bahasa Inggeris SPM. Aktiviti seperti drama terbukti berkesan dalam menerapkan keyakinan pada diri murid dan guru untuk menghargai sastera. Sebanyak tujuh program *English-In-Camp* yang melibatkan penyertaan 680 orang murid telah dijalankan pada tahun 2015. Kementerian akan meneruskan sokongan kepada program yang meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris dalam persekitaran yang ceria dan memberangsangkan.

Makmal Bahasa Inggeris

Dua faktor utama yang dinyatakan oleh majikan yang menyebabkan graduan baharu tidak mendapat pekerjaan ialah penguasaan bahasa Inggeris yang lemah dan kurang kemahiran berkomunikasi. Kajian telah menunjukkan bahawa 46% calon yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar hanya memperoleh Band 1 atau 2 (paling rendah) dalam *Malaysian University English Test* (MUET). Bagi pelajar yang bercita-cita untuk mengikuti bidang profesional seperti perubatan dan perundangan, sukar bagi mereka memenuhi syarat kemasukan disebabkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris yang rendah.

Ekshibit 2-6

Kelayakan MUET untuk Bidang Pengajian yang Berbeza

Bidang Pengajian	Kelayakan Tamat Pengajian
Sastera & Sains Sosial	Band 3
Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM)	Band 4
Perundangan	Band 5
Perubatan	Band 5

Pada tahun 2015, Majlis Ekonomi telah meminta Kementerian untuk mencadangkan pelan yang radikal bagi meningkatkan pencapaian murid bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Oleh itu, Makmal Bahasa Inggeris telah dianjurkan bermatlamat untuk menyediakan strategi bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Makmal ini dilaksanakan dalam dua fasa dan dianggotai oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti universiti awam dan swasta, yayasan pendidikan, kumpulan ibu bapa, kesatuan dan kementerian lain.

Dua inisiatif telah dihasilkan daripada makmal tersebut dan dimasukkan di bawah dasar MBMMBI, iaitu Program Dwi Bahasa (*Dual Language Programme - DLP*) dan Program Imersif Tinggi (*Highly Immersive Programme - HIP*).


“ Oleh kerana Bahasa Inggeris amat penting dalam persaingan global semasa, maka dua lagi inisiatif, iaitu *Dual Language Programme* dan *Highly Immersive Programme* akan dilaksanakan secara optional dengan kos 38.5 juta ringgit. Dalam hal ini, 300 buah sekolah telah dikenal pasti sebagai projek perintis. ”

23 Oktober 2015
 YAB Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
 Perdana Menteri Malaysia
 Ucapan Belanjawan 2016



Ekshibit 2-7

Inisiatif di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)



Program Imersif Tinggi

Program Dwi Bahasa

<ul style="list-style-type: none"> Sarana yang mengandungi instrumen penilaian sendiri dan buku panduan mengenai amalan terbaik di sekolah untuk membantu sekolah yang mempunyai tahap imersif dan kesediaan yang berbeza. Tindakan khusus mengenai aktiviti imersif Sokongan antara rakan sekolah melalui perkongsian dan pembelajaran Sokongan berterusan oleh SIPartners+, SISC+, JPN dan PPD 	<p>Program rintis 2016:</p> <ul style="list-style-type: none"> Tahun 1 dan 4 (SK) Tingkatan 1 (SMK)
<p>Sekolah akan menyesuaikan amalan terbaik mengikut tahap imersif dan kemampuan.</p>	<p>Mata pelajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> Matematik Sains
<p>Meningkatkan tahap persekitaran imersif bahasa Inggeris di sekolah.</p>	<p>Kriteria Sekolah</p> <p>Sekolah perlu memenuhi kriteria yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Sumber yang mencukupi Kesediaan sekolah Persetujuan ibu bapa Sekolah menunjukkan penguasaan kemahiran berbahasa dalam BM
	<p>Pilihan Pelaksanaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pendekatan seluruh bilik darjah atau sistem set Kedua-duanya atau hanya beberapa bilik darjah melaksanakan DLP

Bahasa Tambahan Di Sekolah

Kementerian telah memperkenalkan program bahasa tambahan di sekolah sejak tahun 2005 bagi menyediakan negara dengan penutur pelbagai bahasa yang mampu bersaing pada peringkat global. Sebanyak 142 buah sekolah kebangsaan menawarkan kelas bahasa ketiga, iaitu 79 buah sekolah menawarkan bahasa Jepun, 27 buah sekolah bahasa Jerman dan 39 buah sekolah menawarkan bahasa Perancis, manakala 69 buah sekolah berasrama penuh menawarkan kombinasi ketiga-tiga bahasa.

Kemahiran berbahasa murid diuji melalui peperiksaan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa seperti *Japanese Language Proficiency Test* (JLPT) untuk bahasa Jepun, *Zertifikat Deutsch Als Fremdsprache* (ZdaF) untuk bahasa Jerman dan *Diplome Etudiant En Langue Francaise* (DELFL) untuk bahasa Perancis.

Pelbagai aktiviti dijalankan untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tambahan di sekolah termasuklah menempatkan sukarelawan penutur jati Jepun di 10 buah sekolah berasrama penuh dan 10 buah sekolah menengah kerajaan melalui usaha sama Yayasan Jepun Kuala Lumpur (JFKL).

Program yang menyokong kurikulum dilaksanakan dengan kerjasama:

1. Yayasan Jepun Kuala Lumpur
2. Alliance Francaise Kuala Lumpur
3. Institut Goethe Kuala Lumpur

Program sokongan bagi mempromosikan pendidikan bahasa tambahan:

1. Festival Bahasa Jepun
2. Pertandingan Pengucapan Awam bahasa Jepun
3. Minggu Bahasa Perancis
4. Minggu Bahasa Jerman
5. Program Tajaan bahasa Jerman
 - iaitu Program *Pramien* -Tiga orang murid tinggal bersama-sama keluarga angkat selama tiga minggu di Jerman

MEMPERKUKUH KUALITI GURU

Kementerian teguh dalam usaha untuk menyediakan guru berkualiti melalui penetapan standard

tinggi dalam bidang keguruan. Kementerian juga mengekalkan syarat kemasukan yang ketat untuk ambilan ke program ijazah sarjana muda di Institut Pendidikan Guru (IPG) seperti dalam Ekshibit 2-8.

Ekshibit 2-8

Pencapaian SPM Guru Pelatih, 2013 -2015


Kohort Pencapaian SPM	2013	2014	2015
Minimum 5A	90%	98.7%	99.0%
Minimum 7A	48.0%	77.1%	78.4%
Minimum 9A	42%	21.9%	20.9%

Sebagai sumber bekalan utama guru baharu sekolah rendah kepada Kementerian, IPG perlu mempunyai keupayaan dan infrastruktur bagi menyediakan pendidikan keguruan berkualiti dan diiktiraf pada peringkat global. Walaupun IPG mempunyai kekuatannya, masih terdapat bidang yang memerlukan perubahan signifikan dalam

transformasi IPG. Hala Tuju Transformasi IPG dibangunkan pada tahun 2015 untuk pelaksanaan bagi tempoh 10 tahun akan datang. Transformasi ini memerlukan pelaburan yang besar dan perubahan ketara serta menuntut perancangan rapi dan penyampaian yang berkesan.

Ekshibit 2-9

Pelan Hala Tuju Transformasi IPG



Ekshibit 2-10

Kekuatan dan Bidang Utama Pengukuhan IPG

Penandaarasan telah dilakukan antara IPG dengan institut latihan guru terkemuka di dunia seperti di Singapura, Korea Selatan, Hong Kong, Finland, United Kingdom, Kanada dan Poland.

Kekuatan	Bidang Pengukuhan
Kriteria ketat bagi kemasukan ke IPG sejak 2014	Ketelitian dalam proses pemilihan calon
Reka bentuk kurikulum setanding dengan negara yang ditanda aras	Pemantapan praktikum
Pensyarah IPG memiliki lebih pengalaman mengajar berbanding sistem yang ditanda aras	Penyelarasan standard pengoperasian bagi proses pengambilan pensyarah di semua kampus IPG
Pihak yang berkepentingan berpuas hati dengan infrastruktur akademik dan sumber pembelajaran	Penyediaan infrastruktur yang konsisten di semua kampus di IPG

Ibarat Lilin Menyinari yang Lain

Kerjaya sebagai seorang guru memerlukan komitmen tinggi, nyala rasa yang tidak pernah padam, kegigihan dan pengorbanan yang tiada henti, serta ketabahan dan ketekunan yang tidak berbelah bagi untuk mengharungi hari-hari yang penuh mencabar dalam mendidik insan bergelar seorang murid. Kerjaya sebagai seorang guru melangkaui tugas harian dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Nur Fikrah binti Jamil adalah graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) berkelulusan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Selepas tamat pengajian, beliau telah memilih untuk menabur bakti sebagai seorang guru dan telah meneruskan pengajian pada peringkat diploma dalam bidang pengkhususan Pengajian Pendawaian Setempat (*Localised Wiring Studies*). Setelah dilantik sebagai seorang guru, Cikgu Nur Fikrah yang berasal dari Port Dickson, Negeri Sembilan, telah dihantar ke SMK Pasoh 2, Simpang Pertang, Negeri Sembilan, sebuah sekolah yang terletak jauh di luar bandar dalam kawasan penempatan Felda. Beliau telah ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran yang julung kalinya diperkenalkan di SMK Pasoh 2, iaitu Pengajian Pendawaian Setempat.

Pada awalnya, Cikgu Nur Fikrah memilih untuk tinggal di kuarters guru di sekolah. Namun, selepas beberapa tahun, beliau memutuskan untuk kembali

tinggal di Port Dickson dan memohon pertukaran ke sebuah sekolah berhampiran rumahnya. Walau bagaimanapun, permohonan beliau ditolak. Penolakan tersebut menyebabkan beliau mengambil keputusan penting dalam kerjayanya, iaitu terus kekal mengajar di SMK Pasoh 2 yang terletak 100km dari rumahnya di Port Dickson.

Walaupun beliau boleh membuat pilihan lain atau mengajar kursus lain di sekolah yang berdekatan, minat yang mendalam dan kehairahan beliau terhadap bidang elektrik dan elektronik menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk terus menjadi guru vokasional kerana yakin murid akan mendapat lebih manfaat dalam bidang ini.

“Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk mendidik dan berkongsi pengetahuan dengan mereka yang dapat menggunakan pengetahuan yang diberikan. Sekolah ini menyediakan persekitaran yang selesa dan saya berterima kasih kepada keluarga yang sentiasa menyokong keputusan yang saya buat. Saya rasa mata pelajaran yang saya ajar adalah sangat baik dan sesuai dengan masa depan murid di SMK Pasoh 2. Selain itu, Pengajian Pendawaian Setempat ialah satu mata pelajaran yang sayang untuk saya lepaskan. Saya akan terus berkhidmat dengan ikhlas dan gigih dan akan bertanggungjawab atas keputusan yang telah saya buat untuk terus kekal bertugas di sekolah ini”.

Cikgu Nur Fikrah Jamil
SMK Felda Pasoh 2
Negeri Sembilan



Semenjak 2008, SMK Pasoh 2 telah mencatatkan kelulusan 100% dalam mata pelajaran Pengajian Pendawaian Setempat selain pencapaian Gred Purata Mata Pelajaran yang semakin baik dari tahun ke tahun. Atas usaha dan kegigihan yang telah ditunjukkan oleh Cikgu Nur Fikrah sebagai guru mata pelajaran vokasional, beliau telah diberikan beberapa anugerah berdasarkan pencapaian beliau. Antara anugerah yang telah diperoleh ialah

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 2011, Anugerah Guru Inovatif pada 2012, dan Anugerah Khas Guru Inovatif pada 2013.

Cikgu Nur Fikrah telah menjadi kebanggaan murid dan sekolah. Kini, beliau masih terus berulang alik dari Port Dickson ke Felda Pasoh 2 sejauh 200km setiap hari dan masih gembira serta terus ceria bersama-sama anak-anak murid beliau.

Kementerian juga menyediakan sokongan kepada guru dalam perkhidmatan bagi mengekalkan standard tinggi dalam profesionalisme keguruan. Antara langkah yang telah diambil ialah penyediaan garis panduan yang standard kepada guru yang merangkumi Huraian Kerja, Standard Prestasi dan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Berterusan (*Continuing Professional Development, CPD*).

Kementerian juga menggalakkan pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (*Professional Learning Community, PLC*) sebagai salah satu program untuk mempertingkatkan profesionalisme keguruan. Pada tahun 2015, Kementerian telah meneruskan peluasan PLC kepada 356 buah sekolah baharu di seluruh negara, menjadikan jumlah keseluruhan sekolah yang melaksanakan PLC kepada 1,548 sejak tahun 2011. Semua JPN dan PPD juga bertindak aktif dalam menjayakan PLC di sekolah.

PLC dijalankan secara kolaboratif dalam kalangan guru bagi menambah baik kualiti dan amalan pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai aktiviti sedang dilaksanakan seperti perkongsian pengetahuan dan kepakaran, kerja berkumpulan dan kerjasama dalam membimbing.



Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) di Sekolah Kurang Murid

PLC di Sekolah Kurang Murid (SKM) merupakan satu program memperkasa dan membudayakan PLC yang telah dianjurkan dan dilancarkan pada 8 Ogos 2015 oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu. Pendedahan konsep PLC dalam SKM dan pelaksanaan alat kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) diberi kepada warga sekolah daripada 10 buah sekolah kurang murid di daerah Kota Kinabalu.



Pelbagai program PLC telah dilaksanakan oleh SKM yang terlibat, antaranya:

1. Program “KONATO” di SK Natai, SK Kokol, dan SK Tombongon. Tiga buah sekolah bekerjasama melaksanakan program perkongsian Amalan P&P terbaik dalam bilik darjah, Teknik menjawab, *Lesson Study* dan Peningkatan Profesional Keguruan.
2. Program Permata Gemilang di SK Babagon Toki. Pemimpin sekolah, guru dan ibu bapa bekerja secara kolaboratif dalam membantu peningkatan akademik dan sahsiah murid di sekolah tersebut.

Pelaksanaan Program Transformasi Daerah (*District Transformation Programme*, DTP) telah menyediakan kaedah alternatif untuk guru meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui bimbingan SISC+. Pada masa kini, bilangan SISC+ yang telah dilantik di seluruh negara adalah sebanyak 1,190 orang untuk membimbing sebanyak 40,710 orang guru BM, BI dan Matematik dari sekolah yang memerlukan sokongan bagi meningkatkan prestasi murid.

Meningkatkan Prestasi Guru

Pada tahun 2015, Kementerian telah menjalankan 27 sesi CPD kepada 598 orang guru berprestasi rendah. Matlamat sesi latihan ini adalah untuk meningkatkan prestasi, profesionalisme, kewibawaan dan kemahiran pedagogi.

Memantapkan Penguasaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Kalangan Guru

Pada tahun 2015, sebanyak 19,562 orang guru telah berjaya menamatkan kursus Literasi TMK dalam talian anjuran KPM. Kursus ini menggabungkan modul kurikulum Literasi Digital Microsoft bagi meningkatkan kemahiran penguasaan guru dalam TMK. Kementerian berharap guru yang telah mengikuti kursus ini berupaya mengaplikasikan pengetahuan TMK untuk memperkaya pengalaman pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.



Bagaimanakah seseorang mentransformasikan sebuah sekolah?

“Saya telah dilantik sebagai Pengetua SMK Tropicana pada tahun 2012. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah Band 5, dengan kedudukan dalam peratusan 12% terendah antara semua sekolah menengah di seluruh negara. Kebanyakan murid merupakan murid berprestasi rendah daripada kawasan perumahan yang berhampiran. Harapan untuk mengubah sekolah berkenaan agak tipis, dan merupakan cabaran yang hampir mustahil. Bagi murid yang berkemampuan dan berprestasi tinggi, terdapat pilihan bagi menyambung pengajian mereka di lima buah sekolah berprestasi tinggi yang lain di dalam daerah tersebut. Kebanyakan ibu bapa juga tidak yakin untuk mendaftarkan anak mereka di sekolah berkenaan kerana tidak ingin memperjudikan masa depan anak-anak mereka.

Masalah sosial seperti gangsterisme dan vandalisme merupakan isu harian. Guru pula tidak bermotivasi untuk ke sekolah, dan pencapaian akademik murid berada pada tahap yang terendah. Masa depan sekolah ini sukar dengan kadar masalah disiplin yang meningkat, guru yang resah dan terpaksa berhadapan dengan murid yang kurang sopan dan terabai, yang hanya memandang sekolah sebagai tempat untuk berehat. Ramai dalam kalangan murid terpaksa bekerja dari petang hingga lewat malam gara-gara latar belakang ekonomi dan sosial yang berbeza.

Tanpa membuang masa, saya memulakan analisis berkenaan faktor pencapaian sekolah ini yang kurang memberangsangkan. Saya mengambil langkah drastik dengan menempatkan semula guru yang tidak melaksanakan tugas yang sepatutnya. Kesemua guru kanan telah dilibatkan dalam bidang yang memerlukan kepakaran mereka.

Pelbagai inisiatif telah diambil untuk memperbaiki situasi di sekolah ini. Gril besi telah dipasang pada bahagian bawah setiap tangga untuk mengawal pergerakan murid yang bermasalah, dan lampu limpah kini menerangi sekolah bagi memupuk tabiat membaca dalam kalangan murid yang tiba awal di sekolah. Persekitaran yang baharu amat diperlukan bagi memupuk budaya sihat dalam kalangan guru dan murid. Suis dan pintu

yang rosak telah digantikan dengan bantuan daripada pihak luar. Sokongan pihak swasta dalam meningkatkan motivasi serta mengubah pemikiran murid telah membantu menyedarkan mereka tentang kepentingan pencapaian akademik di sekolah. Slogan “Datang ke Sekolah dengan Harapan, Pulang dengan Kejayaan”, merupakan satu peringatan dan dorongan kepada murid SMK Tropicana.

Pada penghujung tahun 2013, prestasi sekolah telah meningkat dalam semua aspek dan kedudukan sekolah telah melonjak 431 anak tangga dalam kedudukan keseluruhan sekolah menengah di Malaysia. Saya juga menerima Anugerah Tawaran Baharu bagi Pemimpin Sekolah ekoran kejayaan SMK Tropicana. Sekolah ini terus meningkat dari segi pencapaian akademik dan apabila keputusan SPM 2014 diumumkan, SMK Tropicana tercalon sebagai wakil negeri Selangor untuk sekolah yang mencatatkan peningkatan tertinggi, iaitu Lonjakan Saujana Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS) Mengikut Negeri. Pada tahun 2015, sekolah ini sekali lagi telah dicalonkan dan berjaya memenangi Anugerah Tawaran Baharu buat kali kedua. SMK Tropicana juga telah meningkat sebanyak 788 anak tangga lagi dan menjadikan SMK Tropicana berada pada band yang lebih tinggi dalam ranking sekolah menengah di Malaysia”.

Puan Ruth Cheah
Pengetua (2012-2015)
SMK Tropicana, Petaling Jaya



MENINGKATKAN KUALITI KEPIMPINAN SEKOLAH

Kepimpinan merupakan tunjang utama bagi kejayaan sesebuah sekolah. Kajian telah menunjukkan bahawa kepemimpinan cemerlang dapat memacu prestasi sekolah dan murid. Oleh itu, Kementerian komited dalam memastikan pemimpin berkualiti ditempatkan di setiap sekolah.

Sebagai persediaan untuk memegang jawatan pemimpin sekolah, program latihan *National Professional Qualification for Educational Leaders* (NPQEL) telah diperkenalkan bagi menyediakan bakal pemimpin sekolah dengan kemahiran yang diperlukan untuk menerajui sekolah. Program NPQEL ini telah diiktiraf oleh agensi pusat sebagai program pensijilan latihan dan dijadikan sebagai prasyarat bagi pelantikan sebagai pemimpin sekolah.

Pada tahun 2015, sebanyak 1,371 orang calon telah dilatih. Dengan adanya kumpulan calon yang berkelayakan NPQEL, Kementerian telah berjaya mengisi dengan pantas 99.1% kekosongan jawatan pemimpin sekolah dengan calon yang berkelayakan. Tempoh masa pengisian kekosongan jawatan telah dikurangkan secara purata daripada 88.1 hari kepada 9.5 hari.

Kementerian juga telah menyediakan program sokongan kepada pemimpin sekolah untuk meningkatkan daya kepemimpinan. Antara program sokongan yang telah dilaksanakan pada 2015 ialah:

- Program Residensi dan Imersif (PRLme), iaitu program pementoran untuk pemimpin sekolah yang baharu dilantik menjalani tempoh transisi ke jawatan baharu. Sebanyak 689 orang pemimpin sekolah baharu menyertai program

ini;

- Bimbingan dan pementoran oleh Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartners+) di bawah DTP. Sebanyak 15,979 orang kepimpinan sekolah telah dibimbing oleh 323 orang SIPartners+ berkaitan pengurusan dan kepimpinan sekolah yang lebih baik; dan
- Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) untuk kepimpinan sekolah yang berprestasi rendah oleh Institut Aminuddin Baki (IAB). Sebanyak 18 orang pemimpin sekolah mengikuti dua kursus CPD dan sesi bimbingan bagi meningkatkan tahap kecekapan.

Kementerian akan meneruskan usaha untuk menilai prestasi guru dan pemimpin sekolah secara tahunan bagi memastikan perkhidmatan di sekolah adalah berkualiti.

Penilaian Prestasi Guru dan Pemimpin Sekolah Menggunakan UI

Data asas penilaian prestasi bagi tahun 2015 mendapati 55.1% guru berada pada kategori cemerlang, 39.9% pada kategori tinggi, 4.8% pada kategori sederhana, dan 0.2 % pada kategori rendah.

Penilaian prestasi pemimpin sekolah pula menunjukkan bahawa 80.0% berada dalam kategori cemerlang, 17.7% pada kategori tinggi, 2.2% pada kategori sederhana dan 0.1% pada kategori rendah.

Kementerian akan meneruskan usaha untuk menilai prestasi guru dan pemimpin sekolah secara tahunan bagi memastikan perkhidmatan di sekolah adalah berkualiti.

Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (*Unified Instrument – UI*)

Pada tahun 2015, Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan atau *Unified Instrument (UI)* telah mendapat kelulusan agensi pusat untuk menggantikan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT). UI akan digunakan sebagai instrumen penilaian prestasi dan kompetensi guru dan pemimpin sekolah. Penilaian prestasi ini juga akan digunakan bagi tujuan kemajuan kerjaya dan dasar pemisah.

MEMPERLUAS PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI

Kementerian percaya bahawa tanggungjawab untuk mendidik kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama semua pihak yang melangkaui ruang lingkup bilik darjah. Oleh itu, ibu bapa dan komuniti perlu terlibat secara aktif bersama-sama guru dalam menyediakan pendidikan yang holistik kepada semua kanak-kanak.

Pada tahun 2013, Kementerian telah menghasilkan dan merintis Sarana Sekolah sebagai panduan untuk meningkatkan pelibatan ibu bapa serta komuniti dalam pendidikan. Matlamat utama Sarana Sekolah adalah untuk mengukuhkan kerjasama yang terjalin antara sekolah dengan pelbagai pihak berkepentingan. Bagi menggalakkan penyertaan ibu bapa dan komuniti, Sarana Ibu Bapa telah diperkenalkan bagi tujuan menjelaskan kaedah pelibatan secara langsung di sekolah. Pada tahun 2015, Kementerian telah melatih sebanyak 130,098 orang guru dan pemimpin sekolah di seluruh negara bagi memastikan sarana ini digunakan secara berkesan.

Sepakat Membawa Berkah - Pelibatan Ibu Bapa Membawa Perubahan

SK Setiawangsa, Kuala Lumpur merupakan salah satu contoh terbaik PIBG proaktif yang mampu membentuk karakter sebuah sekolah. SK Setiawangsa terletak di kawasan setinggan dan mempunyai kekurangan infrastruktur serta tidak mempunyai padang bagi menjalankan aktiviti Pendidikan Jasmani. Oleh itu, PIBG telah berusaha mendapatkan kelulusan daripada pihak perbandaran dan berjaya menjadikan kawasan terbiar bersebelahan sekolah sebagai sebuah padang. Namun begitu, kejayaan sekolah ini bukanlah semata-mata terletak atas padang yang baharu ini, tetapi kejayaan membawa masuk ramai rakan strategik yang bersama-sama membawa perubahan kepada sekolah ini.

PIBG telah berjaya menjemput pihak tentera, syarikat sanitasi Alam Flora serta wakil Parlimen Setiawangsa untuk turut menyumbang kepada pembangunan sekolah. Kerjasama ini telah menghasilkan pembinaan sebuah gelanggang futsal, bola tampar dan bola jaring, serta sebuah padang bola sepak yang telah dimanfaatkan oleh pihak sekolah bagi menganjurkan pelbagai aktiviti seperti Kejohanan Futsal bagi murid Tahun 6. PIBG dan pengurusan SK Setiawangsa telah membuktikan bahawa kecemerlangan akademik murid boleh dicapai melalui permuafakatan yang menyeluruh daripada semua pihak. Ini terbukti apabila sekolah menerima pengiktirafan sebagai PIBG Terbaik Keseluruhan dalam Majlis Anugerah PIBG Kebangsaan 2014.

“PIBG dan sekolah saling memerlukan dan membantu dalam pembentukan ilmu dan keperibadian anak-anak kita secara keseluruhan. Apa-apa yang murid pelajari di sekolah perlu diperkukuh di rumah dan di luar sekolah. Oleh yang demikian, ibu bapa dan masyarakat mesti memainkan peranan, demi masa hadapan anak-anak kita”.



Encik Amir bin Sahudi
Yang Dipertua PIBG SK Setiawangsa
Merangkap Jurulatih Utama PIBG Kebangsaan

Sarana Sekolah


Sarana Sekolah memperkenalkan enam elemen yang menyokong dan mengukuhkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran.

1. Iklim sekolah	Aspek fizikal : Mewujudkan suasana sekolah yang selamat, kondusif, dan mengalu-alukan kedatangan murid dan guru ke sekolah. Aspek sosial : Menggalakkan komunikasi dan interaksi antara guru dan murid, antara guru dan ibu bapa, penjaga, dan antara sekolah dan komuniti. Aspek emosi : Menerapkan perasaan kepunyaan dan keyakinan diri. Aspek akademik : Menggalakkan pembelajaran sendiri.
2. Komunikasi berkesan	Mewujudkan komunikasi berkesan dengan murid, staf, ibu bapa, alumni dan komuniti.
3. Sokongan kepada kejayaan murid	Bekerjasama dengan ibu bapa untuk membantu murid menetapkan matlamat dan merancang masa hadapan mereka.
4. Tanggungjawab bersama	Berkongsi pengetahuan dan kemahiran dan memberi fokus kepada pembangunan pelan pendidikan yang memenuhi keperluan murid.
5. Keputusan bersama	Melibatkan ibu bapa, alumni dan komuniti dalam membuat keputusan yang memberi kesan kepada keberhasilan murid.
6. Kumpulan Sokongan Ibu Bapa	Mewujudkan platform untuk sokongan dan membolehkan mereka berkongsi amalan terbaik berkaitan pembelajaran anak-anak dalam kalangan ibu bapa.

Pelibatan ibu bapa di sekolah telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan. Pada tahun 2015, peratus kehadiran ibu bapa dalam enam aktiviti utama di sekolah telah meningkat dengan ketara daripada 57.0% kepada 74.6%. Pelibatan ibu bapa diukur melalui kehadiran mereka dalam aktiviti sekolah, iaitu Hari Pendaftaran, Hari Penetapan Sasaran Prestasi, Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Hari Pelaporan, Hari Sukan dan Hari Kecemerlangan.

Ekshibit 2-11

Peratus Kehadiran Ibu Bapa dalam Enam Aktiviti Sekolah, 2015



Intervensi bagi Menggalakkan Penyertaan dalam Aktiviti Sekolah

- Menyelaras semula aktiviti sekolah seperti menggabungkan mesyuarat PIBG dengan aktiviti sekolah yang lain;
- Melibatkan ibu bapa dalam jawatankuasa kerja bagi acara seperti Hari Sukan;
- Mengambil bahagian dalam program komuniti bagi meningkatkan pendedahan kepada sekolah; dan
- Menambah baik komunikasi melalui pelbagai kaedah seperti media sosial.

Sukarelawan Ibu Bapa dan Komuniti di Sekolah

Sebanyak 421,554 orang ibu bapa daripada Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) di bawah PIBG telah terlibat dalam aktiviti sekolah sebagai sukarelawan. Jumlah ini mewakili 15.3% daripada jumlah ibu bapa yang mempunyai anak-anak di sekolah kerajaan.

KSIB di sekolah seperti SK Muzaffar Syah, Kota Tinggi, Johor; SK Beseri, Perlis dan SMK Taman Fajar, Sabah, telah membuktikan diri mereka sebagai aset penting bagi sekolah. Kumpulan ibu bapa ini telah membantu menjana kewangan tambahan, menggunakan bakat dan kemahiran mereka sebagai pembimbing dan jurulatih, dan menganjurkan program komuniti.

Mari Tuju Jaya - SMK Seri Kota Paloh, Kluang, Johor

SMK Seri Kota Paloh mula beroperasi pada tahun 2011 merupakan sebuah sekolah yang dikelilingi oleh hampir 20 buah ladang kelapa sawit dengan majoriti penduduk sekitarnya bekerja dalam sektor peladangan. Pada tahun 2013, SMK Seri Kota Paloh berada dalam Band 6 dengan peratus kelulusan SPM hanya pada 37.1% dan purata kehadiran murid pada 85.2% sahaja. Keadaan ini meletakkan sekolah tersebut dalam kedudukan yang tercorot dalam kalangan sekolah di Johor.

Namun, laungan padu moto SMK Seri Kota Paloh, 'Mari Tuju Jaya' akhirnya disambut baik oleh ibu bapa dan komuniti setempat untuk sama-sama berganding bahu dalam meningkatkan prestasi murid dan sekolah. Maka bermulalah titik bersejarah pada tahun 2014, apabila ibu bapa dan komuniti nekad untuk memikul tanggungjawab sosial dan meletakkan transformasi sekolah sebagai agenda utama. Pelbagai inisiatif telah diadakan oleh PIBG bersama-sama warga sekolah seperti kunjungan ke rumah murid yang sakit, ditimpa kemalangan, bermasalah disiplin atau menunjukkan tanda-tanda terjebak dengan gejala sosial.

Ternyata komitmen PIBG yang gigih dalam membantu sekolah membuahkan hasil. Pada tahun 2015, SMK Seri Kota Paloh telah berjaya mencatat purata kehadiran murid sebanyak 94.6%, iaitu peningkatan sebanyak 11%, jauh mengatasi sasaran yang diletakkan oleh pihak sekolah, iaitu peningkatan sebanyak 5%. Kehadiran ibu bapa dalam mesyuarat PIBG telah meningkat daripada 19 orang pada tahun 2014 kepada 168 orang pada tahun 2015. Berkat usaha gigih PIBG dan sekolah secara kolektif, sekolah telah berjaya meningkatkan peratus lulus SPM kepada 66.7% dan telah berjaya meningkat ke Band 5 hanya dalam tempoh satu tahun.





YBhg Dato' Izzaddin bin Idris,
Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif,
Kumpulan UEM Berhad

“Kami di Kumpulan UEM bukan sahaja memberi tumpuan kepada prestasi kewangan tetapi berusaha untuk menjajarkan objektif perniagaan dan tanggungjawab terhadap komuniti. Pendidikan merupakan tonggak utama dalam inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat. Saya percaya ia merupakan komponen penting dalam pembentukan modal sosial dan ekonomi negara kerana pendidikan mampu mencetuskan kreativiti dan memupuk inovasi.

Setelah melihat cara program Sekolah Amanah beroperasi, saya dapat melihat penerapan nilai positif dalam kalangan murid, guru dan komuniti. UEM akan terus memberi sokongan kepada inisiatif ini. Inisiatif ini berjaya mengubah budaya pengajaran dan pembelajaran, iaitu memberi penekanan terhadap pembentukan generasi masa hadapan secara holistik.”



Encik Airulamri bin Amran,
Pengurus, Bantuan Pendidikan,
Yayasan Pahang

“Kami tertarik dengan budaya pembelajaran di bilik darjah Sekolah Amanah. Sistem pembelajaran berpusatkan murid telah mengupayakan mereka untuk menentukan hala tuju pembelajaran masing-masing. Pada masa yang sama, keyakinan diri murid dapat ditingkatkan. Kami di Yayasan Pahang juga menyasarkan untuk membantu sekolah dan komuniti setempat sekitar Sekolah Amanah. Kami berharap limpahan kesan positif Sekolah Amanah mempengaruhi komuniti untuk bekerja secara kolektif bagi masa depan anak-anak kita.”

MENGALAKKAN PELIBATAN SEKTOR SWASTA

Kementerian memperakui bahawa perkongsian awam swasta (PPP) membuka lebih banyak ruang dan peluang bagi membantu sekolah melonjakkan prestasi.

PPP dalam pendidikan meliputi tiga aliran kerja, iaitu Program *One-Off*, Program Sekolah Angkat dan Program Sekolah Amanah.



Program *One-Off* merupakan program yang dijalankan bagi tempoh satu tahun atau kurang dan memanfaatkan bidang kepakaran dan minat penganjur. Sehingga kini, Kementerian telah menerima sumbangan daripada 36 buah syarikat melalui program ini.




Ibu bapa dan penjaga di SK USJ 20, Selangor yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah menggunakan motosikal diberikan topi keledar secara percuma oleh Shell.

Program Sekolah Angkat menyediakan pendekatan bersepadu dan berstruktur untuk membolehkan sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan alumni mengambil sekolah angkat bagi tempoh satu hingga tiga tahun. Jenis dan tempoh pemberian sokongan ditentukan melalui persetujuan antara Kementerian, sekolah angkat dan organisasi penyumbang. Bilangan sekolah angkat telah meningkat kepada 539 buah sekolah pada tahun 2015 daripada 483 buah sekolah pada tahun 2014 (Ekshibit 2-12).

Ekshibit 2-12

Bilangan Sekolah (kumulatif) di bawah Program Sekolah Angkat, 2013-2015



Kecemerlangan akademik dan bukan akademik dipupuk dalam kalangan murid daripada komuniti terpinggir melalui aktiviti bersasaran. Antara program yang dilaksanakan ialah seperti yang berikut:

1. Program *Aflateen Financial Literacy* oleh Yayasan Pintar
 - Sebanyak 1,000 orang murid berpeluang mempelajari mengenai perancangan kewangan, penyediaan bajet, menyimpan dan berbelanja secara berhemah
2. Program *English Literacy* oleh Kumpulan UEM dan Yayasan Pintar
 - Sebanyak 15,000 orang murid dan 116 orang guru daripada 50 buah sekolah terlibat dalam program ini selama tiga tahun
3. Program *Setia Caring School* oleh Yayasan SP Setia
 - Murid menyediakan Taman Bunga Raya di sekolah masing-masing

Program Sekolah Amanah membolehkan sekolah diurus bersama-sama oleh rakan penganjur dan pemimpin sekolah bagi tempoh lima tahun untuk merealisasikan keberhasilan sekolah dan murid. Sebanyak 32 buah sekolah telah dipilih untuk menyertai Program Sekolah Amanah pada tahun 2015, menjadikan jumlah keseluruhan sekolah sebanyak 62 buah sejak pelancarannya pada tahun 2011.

Ekshibit 2-13

Bilangan Sekolah Amanah mengikut Negeri dan Kohort

Pilot [10]	Johor	<ol style="list-style-type: none"> 1. SK Bandar Uda 2 2. SK Kg Layau 3. SJK(T) Kangkar Pulai 4. SMK Gelang Patah 5. SMK Semenchu 	Sarawak	<ol style="list-style-type: none"> 1. SK Tabuan 2. SK Combined 3. Sk Empila 4. SMK Seri Setia 5. SM Sains Kuching 		
C2013 [3]	K.Lumpur	<ol style="list-style-type: none"> 1. SK Desa Pandan 2. SK Sultan Hisamuddin Alam Shah 3. SK Convent Jalan Peel 				
C2014 [17]	Johor	<ol style="list-style-type: none"> 1. SK Medini 2. SMK Medini 3. SK Ladang Pendas 4. SK Jeram Batu 5. SJK(C) Yu Ming 2 6. SK Pekan Nenas 7. SM Agama Bugisiah 8. SMK Pekan Nanas 9. SK Pasir Gudang 1 10. SK Pasir Gudang 3 11. SK Pasir Gudang 4 12. SMK Pasir Gudang 2 13. SMK Pasir Gudang 3 		Kuala Lumpur	<ol style="list-style-type: none"> 1. SJK(T) Vivekananda 	
	Selangor	<ol style="list-style-type: none"> 1. SK Cyberjaya 2. SMK Cyberjaya 3. SK Lembah Subang 4. SMK Lembah Subang 5. SK Bandar Sunway 6. SMK Bandar Sunway 7. SMK BB Salak Tinggi 8. SK KLIA 		Selangor	<ol style="list-style-type: none"> 1. SK Pulau Indah 2. SK Pulau Indah 2 3. SMK Pulau Indah 	
C2015 [32]	Negeri Sembilan & Perak		Sarawak	<ol style="list-style-type: none"> 1. SMK Muara Tuang 2. SMK Sg Maong 3. SMK Lundu 4. SK Siar Campuran 5. SK Stunggang Melayu 6. SK Sampadi 7. SK Bumiputera 	Terengganu	<ol style="list-style-type: none"> 1. SMK Kijal 2. SK Kijal 3. SK Bukit Anak Dara 4. SK Ibok 5. SK Telok Kalong
			Sabah	<ol style="list-style-type: none"> 1. SK Kimanis 2. SK Pekan Kimanis 3. SK Mandahan 4. SMK Bongawan 2 5. SMKA Limauan 	Pahang	<ol style="list-style-type: none"> 1. SK Kempadang 2. SK Tanjung Lumpur 3. SMK Tanjong Lumpur
						Kuala Lumpur

62 buah Sekolah Kerajaan dijadikan Sekolah Amanah di 9 negeri

Sebagai usaha untuk memperluaskan PPP, Kementerian telah mewujudkan satu unit khas yang berperanan sebagai pusat hubungan bagi membantu bakal penyumbang mengetahui mengenai mekanisme usaha sama dengan sekolah. Untuk maklumat lanjut mengenai pelibatan pihak swasta di sekolah, sila hubungi Unit Pengurusan Penajaan, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian melalui talian 03-8884 9356.
<http://moe.gov.my/en/pemberitahuan-view?id=5017&>

Sarana Penajaan mengandungi maklumat mengenai mekanisme perkongsian dalam pendidikan dan juga saluran komunikasi serta pusat hubungan dalam Kementerian.

Majlis *CEO Breakfast with Education Foundations* telah diadakan pada Oktober 2015 sebagai satu platform komunikasi bagi pelibatan pihak swasta dalam pendidikan. Semasa majlis ini, Sarana Penajaan telah diedarkan kepada para wakil daripada pelbagai yayasan pendidikan.



MENCAPAI KEBERHASILAN MURID DAN SEKOLAH

Dalam tempoh tiga tahun pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), apakah yang telah dapat dicapai?

Adakah sekolah menunjukkan prestasi yang semakin baik?

Kualiti sekolah tidak hanya diukur berdasarkan pencapaian dalam peperiksaan awam, tetapi juga dari segi kualiti kepimpinan sekolah, pengajaran dan pembelajaran, pencapaian kokurikulum dan keberhasilan murid seperti yang dijelaskan dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM).

Dalam mengukur prestasi, sekolah dikategorikan mengikut tujuh band bertujuan untuk meningkatkan bilangan sekolah pada Band 1 dan 2 (berprestasi tinggi), dan mengurangkan bilangan sekolah pada Band 6 dan 7 (berprestasi rendah). Pada tahun 2015, peratus sekolah dalam Band 1 dan 2 telah meningkat sebanyak 3.1% iaitu daripada 36.8% kepada 39.9%. Namun begitu, peratus sekolah Band 6 dan 7 telah bertambah kepada 2% berbanding 1% disebabkan penurunan prestasi SPM 2015 secara menyeluruh hampir di semua negeri. Bilangan sekolah rendah mengikut Band sekolah ditunjukkan Ekshibit 2-14, manakala bilangan sekolah menengah adalah seperti Ekshibit 2-15. Kementerian akan terus meningkatkan prestasi sekolah bagi memastikan tidak ada sekolah dikategorikan pada Band 6 atau 7 menjelang 2020.

Ekshibit 2-14

Bilangan Sekolah Rendah mengikut Band Sekolah

Band	2013	2014	2015	2016
1	324	363	469	494
2	2,352	2,518	3,039	3,334
3	3,273	3,232	3,049	2,972
4	1,343	1,236	946	778
5	319	271	151	96
6	70	65	48	30
7	15	10	7	2
Tiada band*				15

Ekshibit 2-15

Bilangan Sekolah Menengah mengikut Band Sekolah

Band	2013	2014	2015	2016
1	70	72	26	17
2	145	152	153	135
3	188	209	226	201
4	715	802	866	544
5	1,070	1,013	990	1,207
6	85	64	38	166
7	2	0	2	1
Tiada band*				72

Nota:

Band sekolah dihasilkan dalam tahun semasa (2016) menggunakan keputusan peperiksaan awam pada tahun sebelumnya (2015)

*Tiada band merujuk kepada sekolah yang tidak mempunyai calon SPM 2015 dan sekolah vokasional.



Murid di SK Sri Ganda menyertai Program Platinum UPSR DTP 2.0 Zon Pulau di SK Tundun Bohagin

SK Sri Ganda mencatat peningkatan membanggakan hasil daripada aktiviti berteraskan murid

SK Sri Ganda terletak sejauh 190 km dari Kinabatangan, di sebalik rimbunan hutan paya bakau. Namun, kisah sekolah ini sangat membanggakan. Dikategorikan sebagai sekolah P3 (Pedalaman 3), sekolah ini ternyata jauh daripada sebarang pembangunan dan kemajuan kota. Para murid dan guru terpaksa menaiki bot, mengharungi sungai, serta meredah hutan di dalam kereta pacuan empat roda hanya untuk hadir ke sekolah setiap hari. Tiada siapa yang menyangka bahawa sekolah pedalaman seperti SK Sri Ganda, dengan sumber yang terhad dapat memberikan inspirasi kepada seluruh negara.

SK Sri Ganda merupakan antara sekolah yang mencatatkan peningkatan yang tertinggi di negeri Sabah, melonjak dari Band 6 ke Band 2 dalam masa lima tahun sahaja. Guru Besar sekolah tersebut, En Adnan bin Joseph yang baru sahaja ditempatkan di sekolah berkenaan sejak tiga tahun lepas menyatakan kejayaan sekolah tersebut adalah hasil daripada dua strategi yang dilaksanakan. Pertama, menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi semua warga sekolah dan kedua, menyesuaikan program sekolah bagi memberi fokus kepada pencapaian akademik murid.

Pihak sekolah, dengan kerjasama komuniti setempat telah melancarkan projek bagi memperbaiki kawasan persekitaran sekolah, dan mengubah landskap sekolah menjadi kawasan yang cantik dan indah bagi murid dan guru sekolah. Secara tidak langsung, persekitaran yang kondusif menjadi inspirasi bagi murid untuk terus hadir ke sekolah, dan telah terbukti apabila rekod kehadiran bagi SK Sri Ganda bagi tahun 2015 meningkat sebanyak 95%. Selain daripada kelas persediaan dan kelas malam, program akademik berfokuskan murid seperti Program Platinum UPSR bagi murid Tahun 6 juga telah berjaya meningkatkan minat murid untuk cemerlang dalam UPSR. Menurut En. Adnan juga, antara elemen penting dalam kejayaan sekolah ini adalah pihak sekolah sering mengambil kira pendapat murid dalam perancangan aktiviti sekolah bagi mengubah persepsi serta pengalaman persekolahan mereka.

Hasilnya, SK Sri Ganda telah berjaya mengubah kedudukan Band sekolah mereka setiap tahun, dari Band 6 pada tahun 2010 kepada Band 2 pada tahun 2015. Kejayaan ini juga diikuti dengan Anugerah Guru Besar Cemerlang (Kategori Pedalaman) pada 2013 dan Anugerah Tawaran Baharu pada tahun 2014.

Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

SBT adalah sekolah yang mempunyai etos, karakter dan identiti unik yang membolehkan sekolah untuk cemerlang dalam setiap aspek pendidikan. Sekolah ini mempunyai budaya kerja cemerlang dan sumber manusia yang dinamik yang membolehkan mereka untuk bertanding pada peringkat antarabangsa.

Ekshibit 2-16

Bilangan SBT mengikut Kohort dan Negeri

	Kohort 1	Kohort 2	Kohort 3	Kohort 4	Kohort 5	Kohort 6	Jumlah
Johor	2	2	9	3	-	-	16
Kedah	2	2	5	1	1	1	12
Kelantan	1	2	1	1	2	-	7
Melaka	1	-	4	2	-	-	7
Negeri Sembilan	2	2	1	1	1	1	8
Pahang	-	4	3	1	3	-	11
Perak	2	1	1	4	-	1	9
Perlis	1	-	1	-	-	-	2
Pulau Pinang	1	1	5	3	2	-	12
Sabah	-	1	1	-	1	1	4
Sarawak	-	4	-	-	-	-	4
Selangor	3	6	1	5	1	1	17
Terengganu	-	2	6	-	1	-	9
WP Kuala Lumpur	3	4	-	2	-	-	9
WP Labuan	-	-	1	-	-	-	1
WP Putrajaya	1	-	-	1	1	1	4
Jumlah	19	31	39	24	13	6	132

Antara pencapaian SBT pada tahun 2015 ialah seperti berikut :

- Pemenang Platinum Keseluruhan untuk Belia, *the International European Women Inventors and Innovators Network Awards 2015*, London – SMK Sains Hulu Selangor
- Pingat Emas, *the International European Women Inventors and Innovators Network Awards 2015*, London – SBPI Rawang
- Juara, *the World Robot Olympiad (WRO) 2015*, Qatar - SK Bandar Uda 2
- Pingat Perak, *the New York Wind Band Festival*, Carnegie Hall - Sekolah Seri Puteri Cyberjaya



Pencapaian SBT Tahun 2015



Bagaimanakah prestasi murid dalam peperiksaan awam?

Pencapaian dalam peperiksaan awam, iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) ialah salah satu petunjuk keberhasilan murid. Pada tahun 2015, pencapaian murid dalam UPSR telah meningkat, namun pencapaian murid dalam SPM dan STPM 2015 kekal pada tahap memuaskan.

Ekshibit 2-17

Prestasi Murid dalam Peperiksaan Awam, 2013 - 2015

	2013	2014	2015
UPSR			
Gred Purata Kebangsaan	2.27	2.29	2.27
Peratus calon pada tahap minimum	65.4%	66.9%	66.3%
SPM			
Gred Purata Kebangsaan	4.93	5.08	5.15
Peratus murid yang mendapat sijil*	85.3%	84.8%	84.8%
STPM			
Purata Gred Mata Kumulatif	52.3%	55.0%	55.0%

* Murid mendapat sijil apabila lulus pada tahap minimum (Gred E) dalam Bahasa Melayu dan Sejarah

Anakmu Anakku Jua: Ibu bapa menyerahkan anak kepada guru demi kelangsungan pencapaian yang lebih cemerlang dalam UPSR 2015

Puan Laela binti Asenan, Guru Besar SK Buso, Bau, Sarawak merupakan satu testimoni kepada penghayatan aspirasi Anjakan 9 PPPM yang membuktikan bahawa keterbukaan sekolah terhadap pelibatan ibu bapa dan komuniti adalah penting dalam membangunkan potensi murid secara menyeluruh. Langkah pertama yang diambil oleh beliau apabila ditempatkan di sekolah yang terletak kira-kira 50km dari bandar Kuching adalah untuk membuka pintu seluas-luasnya kepada penduduk kampung untuk bersama-sama memberikan pandangan serta cadangan mengenai pendidikan anak-anak mereka.

Beliau turut mendorong guru di SK Buso untuk turun padang dan beramah mesra dengan penduduk kampung yang berhampiran, dengan membawa slogan "Sharing is Caring". Hasilnya, guru lebih akrab dengan komuniti setempat. Pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh sekolah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan ibu bapa semakin mengambil berat kemajuan pendidikan anak mereka.


Antara kemuncak aktiviti ini ialah Program Sayang Disayang, iaitu guru menjadi ibu bapa angkat kepada calon UPSR 2015 dengan slogan "Anakmu Anakku Jua". Program ini menjadi pemangkin kepada peningkatan prestasi akademik sekolah yang membolehkan SK Buso mencatatkan lonjakan saujana dari segi pencapaian Gred Purata Sekolah (GPS) UPSR daripada 2.63 pada tahun 2014 kepada 1.98 pada tahun 2015. Sekolah ini telah berjaya melonjakkan kedudukan sekolah daripada tempat ke-22 kepada tempat ke-6 daripada keseluruhan 40 buah sekolah dalam daerah Bau. Melalui kerjasama erat antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti setempat, semua murid sekolah, ibu bapa, guru serta komuniti mendapat manfaat daripada pelibatan yang berkesan dan berterusan.



Bagaimanakah pencapaian murid dalam aktiviti bukan akademik?

Perkembangan holistik seseorang murid terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, penekanan kejayaan murid tidak hanya tertumpu kepada prestasi akademik tetapi pencapaian dalam aktiviti kokurikulum, sukan dan permainan.

Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) diperkenalkan pada tahun 2011 untuk menilai keupayaan fizikal dan tahap kecergasan murid selain penyertaan dan pelibatan dalam aktiviti sukan, kokurikulum dan aktiviti tambahan bagi kurikulum. Pada tahun 2015, peratus murid Tingkatan 5 yang memperoleh gred A atau B adalah 61% menunjukkan tahap penyertaan yang baik dalam aktiviti kokurikulum.



Pada tahun 2015, sebanyak 105 aktiviti kokurikulum dan pertandingan telah diadakan pada peringkat kebangsaan. Murid Malaysia terus menunjukkan kebolehan mereka dalam arena antarabangsa melalui peningkatan penyertaan daripada 67 pertandingan pada tahun 2014 kepada 187 pertandingan pada tahun 2015.

Ekshibit 2-18

Pencapaian Murid dalam Pertandingan Antarabangsa, 2015

	Juara / Pingat Emas	Tempat ke-2 / Pingat Perak	Tempat ke-3 / Pingat Gangsa	Anugerah Lain
Akademik dan Kokurikulum	38	4	26	19
Sukan	45	47	40	12
Kebudayaan dan Seni	1	1	1	4

RINGKASAN

Pada tahun 2015, Kementerian menumpukan kepada peningkatan kualiti pendidikan melalui pengukuhan KBAT, literasi dan kemahiran berbahasa. Kualiti guru dan pemimpin sekolah juga terus dimantapkan melalui pelbagai bentuk latihan untuk menyokong pencapaian matlamat pendidikan berkualiti. Selain itu, sekolah disediakan dengan lebih sumber melalui peluasan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam pendidikan.



BAB 3

MEMASTIKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN



“Sistem pendidikan yang berkualiti menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak tanpa mengira etnik, tempat, atau latar belakang sosioekonomi. Sistem pendidikan yang direncanakan bagi Malaysia ialah semua kanak-kanak warganegara, tanpa mengira siapa ibu bapa mereka, atau tempat mereka belajar, akan dilengkapi keperluan untuk membuka segala peluang bagi masa depan mereka.”



MEMASTIKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN UTAMA 2015

PROGRAM TRANSFORMASI

DAERAH

jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar
dikurangkan sebanyak

UPSR 23.5%

SPM 9.1%



PENDIDIKAN KHAS

23.2%

16,899

murid berkeperluan khas dalam
pendidikan inklusif



MURID ORANG ASLI

40,676

murid prasekolah
hingga Tingkatan 6
berada di sekolah

Bagi tempoh 2013-2015
kadar kehadiran di Sekolah
Orang Asli meningkat dari

78.8%
(2013)

KEPADA

79.1%
(2015)



Dalam usaha memastikan ekuiti dalam pendidikan untuk setiap kanak-kanak, Kementerian telah menetapkan sasaran yang tinggi untuk merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar sebanyak 25% dalam tiga tahun pertama transformasi pendidikan negara. Untuk mencapai objektif ini, penyelesaian yang berfokus diperlukan untuk menyokong murid berkeperluan khusus, termasuk murid luar bandar, murid Orang Asli dan kumpulan minoriti lain, termasuk Murid Berkeperluan Khas (MBK).

Pada tahun 2015, Kementerian memberi tumpuan kepada pelaksanaan tiga program utama untuk merapatkan jurang pencapaian, iaitu:

- Program Transformasi Daerah
- Pendidikan Orang Asli dan Pribumi
- Pendidikan Inklusif

PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)

DTP atau *District Transformation Programme* menyasarkan peningkatan keberhasilan murid di sekolah berprestasi rendah menerusi sokongan dan bantuan terbeza daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Sebagai entiti paling dekat dengan sekolah, PPD memainkan peranan strategik dalam proses penyampaian pendidikan. PPD bukan sahaja berperanan sebagai cabang pentadbiran Kementerian, malah kini diberi pengupayaan dari segi autonomi dan keluwesan operasi dalam membuat keputusan dan kebertanggungjawaban terhadap keberhasilan murid. PPD kini berupaya mengenal pasti isu, membuat analisis punca isu, interpretasi data serta memberi sokongan terbeza kepada sekolah berdasarkan keutamaan impak dan keberhasilan (Ekshibit 3-1; 3-2; dan 3-3).

Ekshibit 3-1

Empat komponen Program Transformasi Daerah



Ekshibit 3-2


Perancangan Pelan Intervensi Lima Langkah (PILL)



1. Mengenal pasti kumpulan sasaran khusus
2. Melaksanakan analisis punca masalah
3. Sumbang saran intervensi
4. Menetapkan keutamaan intervensi
5. Membangunkan pelan tindakan
 - Melaksanakan intervensi

Ekshibit 3-3

Matriks Keutamaan untuk Intervensi



PPD dibekalkan dengan peruntukan berdasarkan keberhasilan bagi melaksanakan penyelesaian berfokus di daerah masing-masing. Bagi memastikan ekuiti dalam penyampaian pendidikan, Kementerian telah mengambil kira faktor geografi, keperluan khusus negeri serta kualiti perancangan dalam memberikan peruntukan. Sebagai contoh, Sarawak mempunyai 9.3% daripada jumlah murid di seluruh negara dan diberi peruntukan sebanyak 26.3% daripada peruntukan DTP kebangsaan. Begitu juga Sabah yang mempunyai 9.7% daripada murid di Malaysia telah diberikan dana sebanyak 20.8% daripada peruntukan DTP. Hal ini menunjukkan keprihatinan Kementerian dalam memberi pendidikan berkualiti untuk semua murid di negara ini dengan memahami latar belakang dan situasi hidup kanak-kanak yang berbeza.


Sejak dilaksanakan pada tahun 2013, DTP telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan dalam meningkatkan keberhasilan murid di Kedah dan Sabah dan kemudiannya telah diperluaskan di seluruh negara pada tahun 2014. Selain itu,

lima negeri dan 30 daerah yang berprestasi rendah telah dikenal pasti dan diberi sokongan terbeza. Kementerian juga telah memperkenalkan pemantauan indikator utama secara langsung, dialog prestasi serta memberikan bimbingan dan pementoran kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan PPD.

Selain daripada dialog prestasi kebangsaan melibatkan semua negeri, Kementerian telahpun memulakan dialog prestasi berfokus melibatkan beberapa negeri yang dipilih berdasarkan cabaran dan keadaan geografi atau budaya yang dihadapi. Pada tahun 2015, dialog prestasi berfokus telah diadakan sebanyak empat kali di zon utara, zon selatan, Sabah dan Sarawak. Dialog prestasi secara berkala didapati berkesan menerapkan kebertanggungjawaban dalam kalangan PPD. Perbincangan ditumpukan kepada isu tempatan yang dikenal pasti dan membantu PPD merangka dan melaksanakan intervensi bagi menghasilkan kemajuan berlipat ganda (Ekshibit 3-4).

Ekshibit 3-4

Kitaran Sokongan Terbeza oleh PPD



Pembangunan profesional berterusan untuk 1,757 orang Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (*School Improvement Specialist Coach, SISC+*) dan Rakan Peningkatan Sekolah (*School Improvement Partners, SIPartners+*) adalah penting bagi memastikan mereka dimaklumkan mengenai kurikulum dan inisiatif terkini Kementerian supaya mereka boleh terus memberikan bimbingan dan pementoran berkualiti kepada guru dan pemimpin sekolah. Pada tahun 2015, sebagai tambahan kepada modul peningkatan kemahiran generik dan Bahasa Inggeris sedia ada, Kementerian membangunkan modul peningkatan kemahiran kandungan mata pelajaran untuk Matematik dan

Bahasa Melayu. Kesemua SISC+ Matematik telahpun melalui latihan peningkatan kemahiran kandungan mata pelajaran dan akan diteruskan untuk SISC+ Bahasa Melayu pada tahun 2016, manakala semua SIPartners+ telahpun selesai melalui latihan peningkatan kemahiran.

Pada tahun 2015, Kementerian telah membangunkan matriks untuk menetapkan penarafan berdasarkan pencapaian KPI dan mengenal pasti bidang yang boleh ditambah baik di PPD (Ekshibit 3-5). Kementerian telah mengukur garis asas penarafan PPD dan akan menjejak penarafan tersebut mulai tahun 2016.

Ekshibit 3-5

Matriks Penarafan PPD



Kes untuk Perubahan: Meningkatkan Prestasi Akademik di Perlis

Pada tahun 2015, Kementerian telah memberi fokus dan meningkatkan sokongan di Perlis yang mempunyai median pendapatan isi rumah terendah di Malaysia dan telah menunjukkan prestasi akademik yang semakin merosot. Dengan kerjasama pihak JPN Perlis, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) menerajui beberapa siri khidmat rundingan bagi negeri Perlis termasuk perbincangan mendalam dengan pemimpin sekolah bagi memahami cabaran dan kekangan yang dihadapi. Antara isu utama yang mengekang keberhasilan murid ialah guru yang berada dalam zon selesa, pengurusan akibat (*consequence management*) yang lemah dan kadar tukar ganti guru yang tinggi.


Beberapa sesi refleksi dalam kalangan pegawai JPN telah dijalankan mengenai kejayaan, kekangan dan pengajaran yang dipelajari pada tahun-tahun terdahulu dengan tujuan untuk membawa setiap pegawai JPN ke arah mencapai satu matlamat. Dengan mengambil kira kewangan, masa dan sumber manusia yang terhad, sumber yang ada perlu disalurkan secara strategik bagi memaksimumkan impak. Pegawai JPN Perlis secara kolektif telah mengenal pasti empat faktor yang dapat memacu perubahan di negeri tersebut, iaitu usaha kolaboratif pegawai JPN, kepimpinan sekolah, pengajaran dan pembelajaran berkualiti dalam bilik darjah dan kehadiran murid. Setiap bidang fokus ini diterjemahkan dalam bentuk item tindakan.

Satu kaji selidik keberkesanan organisasi yang khusus telah ditadbir secara objektif bagi mengenal pasti kekangan dalam amalan pengurusan JPN dari aspek kepimpinan, kebertanggungjawaban dan pengupayaan, pengurusan bakat, mekanisme sokongan dan komitmen barisan hadapan. Kaji selidik ini telah ditadbir kepada setiap staf JPN memandangkan setiap individu memainkan peranan berbeza dalam mencapai visi yang dikongsi bersama. Kaji selidik ini dapat mengenal pasti tema yang berulang dan telah membantu pengurusan JPN memahami cara terbaik untuk mengurus setiap kumpulan atau lapisan staf.

JPN Perlis juga telah menjalankan analisis kiraan kepala (*headcount*) dengan terperinci dan membangunkan intervensi bersasaran bagi mencapai kejayaan segera dan berimpak tinggi. Kumpulan murid UPSR yang disasarkan telah menyertai Gerak Gempur dan Kem Pecutan. Hasilnya, negeri Perlis menunjukkan peningkatan terbesar dalam UPSR 2015 berbanding negeri lain (Ekshibit 3-6), daripada gred purata 2.41 pada tahun 2014 kepada 2.32 pada tahun 2015.

Ekshibit 3-6

Trend Pencapaian UPSR Negeri Perlis Berbanding Purata Kebangsaan, 2012 - 2015




Setelah tiga tahun DTP dilaksanakan, sokongan terbeza yang diberikan kepada daerah telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Dalam UPSR 2015, jurang pencapaian bandar dan luar bandar kebangsaan

telah dapat dirapatkan dengan ketara sebanyak 23.5% berbanding tahun sebelumnya. Jurang pencapaian SPM juga telah dapat dirapatkan sebanyak 9.1% pada tahun 2015 berbanding tahun 2014, dan sebanyak 18% dalam tempoh 3 tahun (Ekshibit 3-7).

Ekshibit 3-7

Trend Jurang Pencapaian Bandar dan Luar Bandar Kebangsaan UPSR dan SPM, 2012 - 2015




Dua negeri perintis bagi DTP, iaitu Kedah dan Sabah telah menunjukkan peningkatan signifikan sejak program ini dimulakan. Dalam UPSR 2015, Sabah berjaya mencapai peningkatan gred purata sebanyak 0.21 sejak tahun 2012, iaitu peningkatan

7.4% dalam tempoh tiga tahun. Kedah mencapai peningkatan gred purata sebanyak 0.09, bersamaan dengan peningkatan sebanyak 3.9% sejak tahun 2012 (Ekshibit 3-8).

Ekshibit 3-8

Peningkatan Gred Purata Negeri UPSR 2015 Berbanding UPSR 2012




Gred purata kebangsaan merosot sebanyak 0.07 dalam SPM 2015, bersamaan dengan penurunan sebanyak 1.4% berbanding tahun 2012. Walaupun prestasi SPM merosot secara keseluruhan, Kedah

berjaya mengekalkan pencapaian dalam SPM manakala Sabah merosot dengan skala yang lebih kecil berbanding purata kebangsaan, iaitu sebanyak 1.3% atau gred purata sebanyak 0.07 (Ekshibit 3-9).

Ekshibit 3-9


Peningkatan Gred Purata Negeri SPM 2015 Berbanding SPM 2012



Jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar dalam kedua-dua negeri rintis ini telah dapat dirapatkan dengan ketara dalam tempoh tiga tahun untuk UPSR (Ekshibit 3-10) dan SPM (Ekshibit 3-11).


Ekshibit 3-10

Jurang Antara Bandar dengan Luar Bandar UPSR dalam Negeri, 2012-2015



Ekshibit 3-11

Jurang Antara Bandar dengan Luar Bandar SPM dalam Negeri, 2012-2015



Negeri Prioriti DTP

Kelima-lima negeri yang diberi keutamaan telah menunjukkan peningkatan dalam UPSR berbanding tahun 2012, terutamanya negeri Kedah, Sabah dan Sarawak. Pada peringkat SPM, walaupun terdapat sedikit kemerosotan pencapaian secara keseluruhan, semua negeri prioriti menunjukkan kemerosotan yang lebih kecil berbanding purata kebangsaan.

Kehadiran

Keberadaan murid di sekolah merupakan prasyarat kepada pembelajaran. Dalam Gelombang 1 transformasi pendidikan, DTP menetapkan sasaran peningkatan kehadiran murid kepada 95%. Pada tahun 2015, kadar kehadiran murid peringkat rendah meningkat daripada 92.1% kepada 92.4%. Kehadiran murid pada peringkat menengah juga meningkat daripada 88.6% pada tahun 2014 kepada 89.8%.

Banding Sekolah

DTP bermatlamat untuk meningkatkan keberhasilan murid di sekolah yang berprestasi rendah dan mengurangkan jumlah sekolah Band 7 kepada sifar pada akhir Gelombang 1. Penetapan *banding* sekolah memberi ruang kepada Kementerian dan sekolah untuk mengenal pasti

bidang yang boleh ditambah baik bagi memastikan persekitaran pembelajaran holistik untuk murid. Aspek yang diberi tumpuan adalah seperti berikut:

- Kepimpinan dan Hala Tuju;
- Pengurusan Organisasi;
- Kurikulum, Kokurikulum, Sukan dan Pengurusan Hal Ehwal Murid;
- Pengajaran dan Pembelajaran; dan
- Keberhasilan Murid.

Sehingga tahun 2015, terdapat 95 buah sekolah berada pada Band 6 dan 7 di seluruh negara. Kementerian sedar bahawa sokongan terbeza diperlukan untuk sekolah memenuhi keperluan murid berkeperluan khusus, terutamanya murid Orang Asli dan komuniti minoriti serta murid berkeperluan khas (MBK).

Melangkah ke hadapan, PPD akan terus memainkan peranan utama yang strategik dalam menyampaikan penyelesaian terbeza untuk sekolah, dengan memberi fokus kepada mengurangkan jurang sosioekonomi dan gender. Usaha ini memerlukan PPD untuk menyediakan perancangan intervensi dan pengurusan kewangan yang mantap.

Kini, Kementerian sedang merasionalisasi struktur organisasi untuk menempatkan lebih ramai kakitangan di lapangan. Anjakan ini diperlukan untuk memenuhi permintaan sumber manusia bagi memantapkan pelaksanaan.



PPD Kota Marudu: Mencabar Kemustahilan Mencipta Keunggulan

“Pada tahun 2012, PPD Kota Marudu mencatatkan prestasi yang sangat rendah di dalam peperiksaan awam. Antara 24 PPD di Sabah, PPD Kota Marudu adalah yang tercorot sekali! Kami kemudiannya telah ke sekolah untuk membuat pemerhatian dan menjalankan kajian. Kami mendapati bahawa kebanyakan pemimpin sekolah lemah dari sudut kepimpinan dan pengurusan, yakni pemimpin kurang fokus dan tidak menekankan aspek kecemerlangan sekolah masing-masing. Perkara ini merupakan sesuatu yang sangat membimbangkan dan harus kami tangani dengan segera.

Dengan menggunakan slogan kata “Beyond Thinking: Mencabar Kemustahilan Mencipta Keunggulan”, kami memperkenalkan pelbagai program peningkatan profesionalisme bagi guru dan pemimpin sekolah, serta pelbagai program untuk murid. Program ini diterima dengan baik oleh semua dan telah membantu dalam mempertingkatkan pengurusan sekolah serta berhasil ke arah peningkatan prestasi akademik sekolah berkenaan. Di samping itu, kami juga telah membuat penempatan semula guru besar dan penolong kanan bagi mengoptimumkan pengurusan sekolah berkenaan”.

Encik Jidin Janaun
Pegawai Pendidikan Daerah
Kota Marudu

“Tiada perkara yang mustahil walau tak tercapai dek akal. Setelah pelbagai intervensi dan usaha daripada semua pihak yang terlibat, Gred Purata Daerah telah meningkat daripada 3.20 pada tahun 2012 kepada 2.71 pada tahun 2015. Peratus lulus juga telah meningkat daripada 39.2% pada tahun 2014 kepada 53% pada 2015. Kita juga berjaya mengurangkan bilangan sekolah berprestasi rendah, dari 17 buah pada tahun 2014 kepada hanya 8 buah sahaja pada tahun 2015.”

“Di samping itu, pada 2015, tiada sekolah rendah yang berada pada Band 5, 6 atau 7. Seramai 39 orang murid mendapat 5A dalam UPSR berbanding 11 orang pada tahun sebelumnya. Malah, peratus SKPM bagi guru sekolah rendah juga meningkat kepada 98.9%, daripada 96.5% tahun sebelumnya.”

Encik Abdul Rahim bin Tapah
Ketua Unit Akademik
PPD Kota Marudu



Baharu bukan bererti lemah

Keputusan UPSR pada tahun 2014 telah diumumkan. SK Selat Bagan Nyior, Langkawi mencatatkan peratus 47.6%, dengan Gred Purata Sekolah (GPS) sebanyak 2.96%. Bagi Puan Fatimah binti Kassim, Guru Besar SK Selat Bagan Nyior, pencapaian ini sememangnya kurang memuaskan. Beliau yang tidak berpuas hati dengan prestasi tersebut percaya bahawa murid beliau mempunyai potensi untuk lebih berjaya. Beliau dan pasukan pengurusan sekolah kemudiannya memulakan langkah bagi merangka strategi yang lebih baik bagi UPSR pada tahun 2015.

Perbincangan intensif berdasarkan data dan maklumat sedia ada menunjukkan bahawa untuk mencapai prestasi yang lebih baik pada tahun 2015, sekolah perlu 'disegarkan' dengan amalan baharu. Oleh yang demikian, dengan bantuan JPN Kedah, sekumpulan guru baharu telah ditempatkan di SK Selat Bagan Nyior. Kumpulan guru ini telah menggunakan pendekatan dan gaya pengajaran dan pembelajaran yang baharu serta budaya kerja yang berbeza di sekolah. Kumpulan guru baharu ini juga ditugaskan menerajui pasukan UPSR. Di samping itu, Puan Fatimah juga menekankan disiplin dalam kalangan murid.

Sekolah juga turut berkolaborasi dengan agensi luar seperti UUM dan YAPEIM, serta memberi peluang untuk murid mengalami pembelajaran di luar bilik darjah. Hasilnya, murid SK Selat Bagan Nyior dapat mengaitkan pengalaman luar bilik darjah dengan pengetahuan yang dipelajari. Aktiviti luar bilik darjah juga telah dapat mengeratkan hubungan antara murid dengan guru dan meningkatkan motivasi murid untuk mencapai prestasi yang lebih baik. Strategi Puan Fatimah ternyata membuahkan hasil apabila pada tahun 2015, pencapaian UPSR SK Selat Bagan Nyior meningkat kepada 77.8%, dengan pencapaian GPS pada 1.99% yang merupakan pencapaian terbaik UPSR antara sekolah-sekolah di negeri Kedah.

"Alhamdulillah, berkat usaha semua pihak yang terlibat, daripada staf sokongan, guru, murid, ibu bapa, serta komuniti setempat, sekolah ini berjaya mencatatkan pencapaian terbaik pada tahun 2015. Terima kasih kepada semua dan kejayaan ini merupakan kejayaan semua pihak yang terlibat".

Puan Fatimah binti Kassim
Guru Besar
SK Selat Bagan Nyior



PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PRIBUMI

Kumpulan pribumi dan minoriti lain merangkumi 4% daripada jumlah keseluruhan murid di Malaysia. Kementerian komited untuk memastikan semua murid mendapat peluang kepada pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan masing-masing.

Menyediakan Akses dan Mengurangkan Keciciran

Kini terdapat 93 buah sekolah Orang Asli dan 31 buah sekolah yang memberi peluang pendidikan kepada penduduk pribumi di Sabah dan Sarawak dengan jumlah enrolmen murid sebanyak 40,676. Isu utama berkaitan murid Orang Asli dan pribumi adalah kadar peralihan dan kadar tamat persekolahan pada peringkat pendidikan rendah dan menengah.

Dalam usaha meminimumkan kadar kecaciran semasa transisi daripada pendidikan rendah ke peringkat menengah, Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) telah dibangunkan. Sekolah K9 memberi peluang kepada murid Orang Asli dan pribumi untuk bersekolah dari Tahun 1 hingga Tingkatan 3 bagi memastikan mereka menerima sekurang-kurangnya pendidikan selama sembilan tahun. Sehingga kini, tujuh buah sekolah K9 beroperasi di seluruh negara dengan 265 orang guru bagi 3,240 orang murid Orang Asli dan pribumi. Empat sekolah K9 kini menawarkan Pendidikan Asas Vokasional bagi murid Orang Asli dan pribumi berusia 13 hingga 15 tahun, iaitu:

1. SK RPS Kemar, Hulu Perak, Perak
2. SK RPS Banun, Hulu Perak, Perak
3. SK RPS Betau, Kuala Lipis, Pahang
4. SK (Asli) Bukit Kemandol, Kuala Langat, Selangor

Murid berpeluang untuk meneruskan pendidikan dan latihan vokasional di Kolej Vokasional (KV), Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) atau Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS).

Bagi memastikan murid lepasan Tingkatan 3 di sekolah K9 dapat menamatkan persekolahan peringkat menengah atas, Kementerian telah menempatkan murid ini di sekolah berdekatan yang mempunyai kemudahan asrama. Pada tahun 2015, murid ini telah meneruskan persekolahan Tingkatan 4 di SMK Sultan Idris Shah 2, Perak, Kolej Vokasional Gerik, Perak, SMK Sungai Koyan, Kuala Lipis, Pahang dan SMK Kuala Lanar, Pahang.

Kementerian merancang untuk membina empat lagi sekolah K9 di negeri Sabah dan satu lagi di negeri Pahang bagi memenuhi keperluan murid Orang Asli dan pribumi. Isu teknikal seperti memastikan bekalan elektrik untuk kegunaan mesin dalam kelas vokasional serta bekalan guru terlatih untuk mengajar Pendidikan Asas Vokasional (PAV) perlu diselesaikan untuk memastikan sekolah K9 dapat menawarkan PAV.

Sokongan untuk Guru dalam Bilik Darjah

Kementerian telah membangunkan empat modul pengajaran dan pembelajaran bagi menyokong guru yang ditugaskan untuk mendidik murid Orang Asli dan pribumi. Ambilan guru pelatih dalam kalangan Orang Asli diteruskan melalui Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi memastikan sumber bekalan tenaga guru yang memahami konteks dan budaya Orang Asli dan pribumi. Beberapa kampus IPG telah dikenal pasti untuk menawarkan PISMP, iaitu IPGK Tg. Ampuan Afzan, Pahang, IPGK Sultan Abdul Halim, Kedah, IPGK Kota Bharu, IPGK Keningau, Sabah, IPGK Rajang, Sarawak dan IPGK Sarawak, Miri, Sarawak. Pada tahun 2015, jumlah guru pelatih yang mengikuti

program kebitaraan Orang Asli dan Pendidikan Pribumi meningkat kepada 121 orang, tiga kali ganda daripada sasaran awal sebanyak 40 orang. Kementerian akan terus meningkatkan kadar pengambilan guru pelatih Orang Asli dan pribumi berdasarkan unjuran keperluan guru pada masa hadapan.

Mengukuhkan Kepimpinan Sekolah

Selain daripada memastikan prasarana yang lengkap untuk pendidikan Orang Asli dan pribumi, Kementerian juga mengukuhkan penyampaian pendidikan di sekolah Orang Asli dan K9. Kementerian telah mula memantau kepimpinan sekolah menggunakan komponen kepimpinan dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Pada tahun 2015, hanya 80% pemimpin sekolah Orang Asli dan K9 mencapai standard minimum dalam aspek kepimpinan. Pemimpin sekolah yang tidak mencapai prestasi yang ditetapkan akan dipantau dan dibimbing oleh Kementerian dan PPD.

Meningkatkan Kadar Literasi dalam Komuniti

Kementerian sentiasa melibatkan Orang Asli dan komuniti pribumi dengan menawarkan Kelas Dewasa Orang Asli dan Pribumi (KEDAP). Program ini bermatlamat untuk mengurangkan kadar keciciran dengan meningkatkan kadar literasi komuniti secara menyeluruh. Kementerian menggunakan kaedah andragogi dalam melaksanakan modul KEDAP bagi memenuhi

keperluan pendidikan dewasa Orang Asli. Pada tahun 2015, sejumlah 119 kelas telah dilaksanakan, peningkatan daripada 109 kelas yang dibuka pada 2014. Kadar kehadiran ibu bapa Orang Asli dan pribumi sangat menggalakkan, iaitu 95%, mengatasi sasaran kehadiran 92%. Ibu bapa yang berjaya menamatkan program dianugerahkan sijil dalam satu majlis graduasi peringkat kebangsaan anjuran Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Usaha Kolaboratif dengan Sektor Swasta

Kementerian meneruskan usaha kolaboratif dengan pihak swasta untuk memberikan pendidikan berkualiti kepada masyarakat Orang Asli dan pribumi. Pada tahun 2015, usaha kolaboratif telah dijalankan oleh 12 buah sekolah dengan pelbagai agensi kerajaan, rakan korporat, universiti dan badan bukan kerajaan. Sebagai contoh, Yayasan Emkay telah membantu membina perpustakaan permainan di SK Chenein, Sg Siput, Perak dan SK Sg. Berua, Kuala Berang, Terengganu. Alam Flora dan UNIKL pula telah bekerjasama dengan SK Sungai 2, Bentong, Pahang dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Teknologi.

Pencapaian Pendidikan Orang Asli dan Pribumi dalam Enrolmen, Kehadiran dan Kadar Peralihan

Usaha kolektif yang dilaksanakan telah menyumbang ke arah memastikan komuniti Orang Asli dan pribumi mendapat akses kepada pendidikan berkualiti. Pada tahun 2015, sejumlah 40,676 orang murid Orang Asli berdaftar di sekolah (Ekshibit 3-12).

Ekshibit 3-12


Enrolmen Murid Orang Asli, 2011-2015

	2011	2012	2013	2014	2015
Pendidikan rendah (Prasekolah hingga Tahun 6)	28,177	28,567	28,619	27,978	28,985
Pendidikan Menengah (Kelas Peralihan hingga Tingkatan 6)	99,79	10,304	10,530	13,229	11,691
Jumlah	38,156	38,871	39,149	41,207	40,676

Kadar kehadiran murid di Sekolah Orang Asli semakin meningkat daripada 78.8% pada tahun 2014 kepada 79.1% pada tahun 2015 ditunjukkan dalam Ekshibit 3-13.

Ekshibit 3-13


Kadar Kehadiran Murid Orang Asli, 2013-2015



Kadar peralihan murid Orang Asli dari peringkat rendah ke menengah juga telah meningkat daripada 78% pada tahun 2014 kepada 79% pada 2015 seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 3-14.

Ekshibit 3-14

Kadar Peralihan Murid Orang Asli daripada Tahun 6 ke Tingkatan 1, 2008-2015.




Pencapaian Akademik Sekolah Orang Asli dan K9

Pencapaian akademik Sekolah Orang Asli dan K9 telah menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Dalam UPSR 2014, pencapaian Sekolah Orang Asli dan K9 meningkat daripada gred purata 3.77 pada tahun 2014 kepada 3.65 pada tahun 2015 (Ekshibit 3-15). Kadar penguasaan minimum bagi kertas dalam UPSR juga telah menunjukkan peningkatan signifikan daripada 41.2% pada tahun 2014 kepada 45.6% pada tahun 2015 (Ekshibit 3-16). Walau bagaimanapun, kadar penguasaan ini masih ketinggalan berbanding murid sebaya mereka pada tahap purata kebangsaan, iaitu 84.9%, yang menunjukkan tahap penguasaan 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) yang rendah dalam kalangan murid Orang Asli.


Ekshibit 3-15

Perbandingan Purata Mata Gred antara SK dan Sekolah Orang Asli, 2012-2015



Ekshibit 3-16

Perbandingan Kadar Lulus UPSR Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Orang Asli K9, 2012-2015



Kualiti Sekolah Orang Asli dan K9 seperti yang digambarkan dalam Band sekolah juga telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Pada tahun 2015, empat Sekolah Orang Asli telah diklasifikasi sebagai sekolah kategori baik seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 3-17.

Ekshibit 3-17


Senarai Sekolah Orang Asli/K9 yang Berada pada Band 1 dan Band 2

Sekolah / Negeri	Band
SK Punan, Johor	Band 1
SK Tasik Cini, Pekan (JHEOA), Pahang	Band 2
SK Seri Sedohok, Johor	Band 2
SK Runchang, Pahang	Band 2

Sejumlah 74 buah sekolah kini berada dalam kategori sederhana (Band 3, 4 dan 5), peningkatan sebanyak 13.8% daripada tahun 2014 (Ekshibit 3-18).

Ekshibit 3-18

Bilangan Sekolah Orang Asli/K9 yang Lulus Mengikut Band, 2012-2015



Yea Ce'en Tet Sekolah: Mengatasi Masalah Keciciran di Sekolah Orang Asli di Bera, Pahang

Purata kehadiran murid di tiga sekolah Orang Asli di Bera, Pahang, iaitu SK Iskandar, SK Bukit Rok dan SK Bukit Gemuruh ialah 70% pada tahun 2014. Kadar kehadiran tersebut bawah 80%, iaitu KPI kebangsaan yang ditetapkan. Antara faktor yang menyumbang kepada murid tidak hadir ke sekolah adalah kurangnya persekitaran pembelajaran yang kondusif termasuk terlalu fokus kepada peperiksaan, kurangnya pemahaman dan kemahiran guru dalam menangani cabaran pembelajaran murid Orang Asli, kurangnya sokongan ibu bapa dan kurang penekanan terhadap pendidikan mengikut budaya masyarakat Orang Asli.

Beberapa langkah intervensi di bawah kawalan PPD telah dilaksanakan termasuk meningkatkan kemahiran pengajaran guru, memperkenalkan program Yea Ce'en Tet Sekolah (Saya seronok ke Sekolah) yang memberi fokus kepada Bedindang (muzik), Beceher (makan) and Besukaq-sukaq (bermain). Elemen dalam program ini diilhamkan daripada budaya yang ketara dalam komuniti Semelai. Yea Ce'en Tet Sekolah telah dijalankan pada sebelah pagi di dalam dan di luar bilik darjah dan diasimilasi dalam aktiviti kokurikulum, semasa di asrama dan dalam komuniti.

Yea Ce'en Tet Sekolah menunjukkan impak positif apabila kehadiran murid meningkat kepada 90%; keputusan UPSR semakin baik, pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam aktiviti sekolah meningkat termasuk usaha perkongsian pintar dan strategik dengan agensi-agensi luar.

Keberhasilan positif daripada program ini ialah murid lebih seronok untuk ke sekolah dan pemimpin sekolah menghargai budaya komuniti Orang Asli. Budaya penyayang telah diterapkan kepada guru untuk menghargai dan menghormati sensitiviti budaya masyarakat Orang Asli. Program ini juga telah meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pelibatan komuniti dalam aktiviti di sekolah. Selain itu, pihak sekolah juga telah memasukkan nilai budaya Orang Asli dalam aktiviti sekolah serta mewujudkan lebih peluang kepada perkongsian pintar dengan pihak luar. Hasilnya sekolah Orang Asli di kawasan ini telah menjadi rujukan oleh pihak Kementerian mengenai amalan terbaik pendidikan Orang Asli.



Program Khas PPD Gua Musang, Kelantan Melonjak Kualiti Murid Orang Asli

Pada tahun 2014, terdapat lima buah sekolah Orang Asli yang berada pada Band 7. Pencapaian GPMP Sains dan Matematik pula masing-masing berada pada paras 4.64 dan 4.62. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang lemah dan kurangnya akses murid terhadap bahan pengayaan dan pengukuhan dilihat sebagai antara punca kepada pencapaian yang kurang memberangsangkan. Melihat kepada perkara ini, program khas telah dilaksanakan untuk melonjakkan kualiti pencapaian murid Orang Asli di bawah pemantauan PPD Gua Musang. Antara program tersebut ialah Kem Menjulung Aspirasi Pelajar Asli, Program Nyah Gred D dan E dan Membudayakan PLC. Pasukan Petugas Sekolah Murid Orang Asli juga telah dibentuk demi memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan teliti.

Program KEDAP turut diperluaskan di sembilan buah sekolah rendah dengan bilangan ibu bapa seramai 270 orang. Daripada program ini, ibu bapa yang telah menguasai kemahiran membaca, menulis, dan mengira (3M) telah dapat membantu pembelajaran anak-anak mereka di rumah.

Hasilnya, berdasarkan keputusan UPSR 2015, GPMP Sains telah meningkat sebanyak 21.12% kepada 3.66 dan Matematik melonjak sebanyak 22.51% kepada 3.58. Lebih membanggakan, tiada lagi sekolah Orang Asli di daerah Gua Musang yang berada pada Band 7.



SK Tasik Cini, Pekan diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan

Pada tahun 2009, pencapaian UPSR SK Tasik Cini adalah setara dengan pencapaian sekolah Orang Asli yang lain di seluruh negara. Pada tahun tersebut pencapaian GPS UPSR berada pada 3.44 dengan peratus lulus hanya 20%. Pada ketika itu tahap kesedaran terhadap kepentingan pendidikan dalam kalangan masyarakat setempat masih rendah. Tahap kehadiran murid juga berada di bawah 80%. Segelintir keluarga di kawasan sekitar turut mengalami masalah keciciran murid. Faktor geografi tempat tinggal murid yang jauh di seberang Tasik Cini yang memerlukan murid melalui jalan darat dan air untuk ke sekolah turut menyumbang kepada tahap kehadiran murid yang rendah.

Guru Besar SK Tasik Cini, En. Akit bin Huat memainkan peranan secara proaktif dan holistik dalam memberi kesedaran dan motivasi kepada masyarakat setempat tentang kepentingan pendidikan. Program Jejak Warisan telah dilaksanakan dan SK Tasik Cini telah berjaya mencapai sifar keciciran dan menunjukkan peningkatan dalam peratus kehadiran. SK Tasik Cini juga telah berjaya menjadi sekolah Orang Asli terbaik dalam pencapaian UPSR sejak tahun 2010. Pada tahun 2015, kejayaan diteruskan dengan sekolah diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan.



PENDIDIKAN INKLUSIF

Dalam memastikan hak kepada pendidikan berkualiti, Kementerian beriltizam memastikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) tidak dipinggirkan dalam masyarakat. MBK diberi peluang untuk belajar bersama-sama rakan sebaya dalam pendidikan arus perdana. Program sekolah dan inisiatif yang memenuhi keperluan MBK akan memberi peluang kepada mereka untuk mendapat manfaat daripada sistem pendidikan negara ini.

Kementerian meneruskan usaha untuk melibatkan masyarakat bagi meningkatkan tahap kesedaran terhadap pendidikan khas. Pada tahun 2015, kempen kesedaran telah dijalankan pada peringkat sekolah dan negeri di WP Putrajaya, WP Labuan, Sabah, Negeri Sembilan, Perlis dan Perak. Kempen ini merupakan penutup kepada siri kempen ke seluruh negara yang bermula sejak

tahun 2013 yang melibatkan seluruh komuniti sekolah termasuk ibu bapa dan masyarakat setempat berhampiran dengan sekolah.

Penempatan yang sesuai adalah penting untuk menyokong MBK bagi mengoptimumkan kemahiran mereka untuk cemerlang dalam pembelajaran. Kementerian menyasarkan 30% MBK berdaftar dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI) pada tahun 2015 dan MBK akan belajar bersama-sama murid dalam kelas arus perdana. MBK juga dilibatkan dalam aktiviti sekolah seperti perhimpunan mingguan, hari kemahiran, saringan LINUS, kokurikulum dan pentaksiran sekolah.

Seminar kesedaran pendidikan inklusif telah dilaksanakan melibatkan guru, ibu bapa dan murid serta masyarakat setempat. Pihak berkepentingan telah dilatih menggunakan Modul Latihan Pembangunan Profesional bagi meningkatkan



pengetahuan dan kemahiran menguruskan MBK. Modul ini termasuk pengurusan tingkah laku, pembelajaran dan penilaian, pedagogi, kesihatan dan cara hidup. Latihan Pendidikan Inklusif juga telah dilaksanakan untuk 1,005 orang guru arus perdana dan 1,005 orang guru pendidikan khas, dengan memberi fokus kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran MBK. Dalam

Gelombang 1 PPPM, sejumlah 8,190 orang guru telah melalui latihan asas Pendidikan Inklusif.

Instrumen Menentu Penempatan Murid Berkeperluan Khas (IMPak) yang dibangunkan pada tahun 2014 dan dimurnikan pada tahun 2015 telah digunakan bagi membantu Kementerian menempatkan MBK berumur 4-6 tahun mengikut

kebolehan dan potensi mereka. Instrumen ini juga dapat membantu sekolah mengenal pasti, merancang dan memberi sokongan kepada murid tersebut. Sejak instrumen ini dilaksanakan, sejumlah 181 orang MBK prasekolah telah menerima pelbagai khidmat sokongan termasuk pembangunan motor, komunikasi dan kemahiran sosial.


Pada tahun 2015, Kementerian telah merintis Program Pendidikan Inklusif Holistik di daerah Larut Matang Selama, Perak yang melibatkan lima buah sekolah rendah. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan standard pendidikan khas di sekolah dengan memperkenalkan dan menerapkan amalan terbaik dalam pengurusan dan operasi pendidikan inklusif. Sebagai sebahagian daripada program rintis ini, guru pendidikan khas dilatih menggunakan Senarai Semak Pengesanan Murid Bermasalah dalam Pembelajaran. Senarai semak ini merangkumi elemen tanda masalah pendengaran, penglihatan,

penguasaan kemahiran asas perkembangan individu, penguasaan mengeja, membaca dan menulis, serta penguasaan nombor. Terdapat tiga tahap dan aspek pendidikan inklusif yang berbeza dari segi akademik, bukan akademik dan sosialisasi di sekolah, berdasarkan tahap kesediaan kanak-kanak. Guru arus perdana dan pendidikan khas juga telah dilatih menggunakan Senarai Semak Kesediaan MBK. Diagnostik pelbagai disiplin telah dilaksanakan di sekolah rintis oleh pediatrik, ahli terapi pekerjaan, ahli terapi pertuturan, pakar IQ (*Intelligence Quotient*), psikiatri, pakar telinga, hidung dan mulut serta pakar mata.

Pada tahun 2015, sejumlah 23.2% atau 16,899 orang MBK telah berdaftar di bawah PPI berbanding 18.4% atau 10,700 orang MBK pada tahun 2014. Jumlah sekolah yang menawarkan PPI juga telah meningkat kepada 4,884 buah pada tahun 2015, penambahan sebanyak 74.6% daripada 2,798 sekolah pada tahun 2014.

Ekshibit 3-19

Enrolmen MBK dalam Program Pendidikan Inklusif, 2012-2015




Wan Amiruddin bin Wan Mohd Asri – Yakin Boleh Pasti Boleh

Wan Amiruddin bin Wan Mohd Asri, seorang murid kelainan upaya telah membuktikan bahawa dirinya mampu berjaya dan berdikari seperti orang lain. Bekas murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SMK Sultan Omar Dungun ini telah mengikuti program Murid Berkeperluan Khas (MBK) Vokasional pada bulan November 2013 atas dorongan ibu bapa, penyelar PPKI SMK Sultan Omar, iaitu Cikgu Azran Ibrahim dan guru PPKI beliau.

Wan Amiruddin telah berjaya menamatkan program Sijil Kemahiran Malaysia dalam Sistem Komputer (Pembantu Juruteknik) hingga ke Tahap 3 selama dua (2) tahun di Kolej Komuniti YPJ kerana semangat untuk menambah ilmu dalam bidang kemahiran komputer yang sangat diminatinya sejak kecil lagi. Pada masa ini, Wan Amiruddin telah memulakan perniagaan di bawah syarikatnya sendiri, iaitu *Wan Amin Services* secara kecilan yang menawarkan perkhidmatan servis komputer. Skop perniagaan diperluaskan dalam bidang pencetakan kemeja-T dan terkini, Wan Amiruddin telah berjaya mendapat bantuan kewangan dan peralatan mencetak kemeja-T daripada MARA. Ujar Wan Amiruddin, “Saya nekad untuk buktikan bahawa OKU juga boleh berdikari dan berjaya seperti insan lain.”

Menurut Wan Amiruddin, program MBK bukan sahaja mengasah kemahiran teknikal tetapi jauh lebih penting ialah kemahiran sosial yang membentuk keyakinan dan nilai diri. Mengenalinya kawan-kawan daripada negeri lain dengan latar belakang yang berbeza telah membekalkan beliau dengan pengalaman baharu kerana setiap seorang daripada mereka mempunyai isu dalam pergaulan. Wan Amiruddin juga telah diberi tanggungjawab untuk menganjurkan Program Orientasi untuk MBK pada tahun 2015 serta menjadi mentor kepada MBK yang baharu. Wan Amiruddin turut aktif dalam aktiviti sekolah serta memegang beberapa tanggungjawab sebagai Ketua Dorm, Bendahari Kelab, ahli jawatan kuasa beberapa kelab. Pengalaman ini telah meningkatkan keyakinan diri beliau untuk berjaya dalam hidup.



Sistem sokongan yang diberikan kepada MBK di Kolej Vokasional sangat baik yang mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh MBK termasuk pembentukan kumpulan belajar secara bersama-sama. Menurut Wan Amiruddin, untuk mendapat kejayaan, semangat yang tidak mengenal erti mengalah antara resepi kejayaan. Wan Amiruddin juga tidak lupa untuk sentiasa berdoa dan memohon restu daripada kedua ibu bapanya. Tambah beliau, “Percaya kepada potensi diri sendiri. Setiap orang mempunyai kelebihan masing-masing. Tidak semestinya kita dilahirkan sebagai orang kurang upaya bermakna kita tidak boleh berjaya seperti orang normal yang lain. Yang penting ialah semangat yang tinggi untuk memajukan diri sendiri”.

Menurut ibu bapa Wan Aminuddin banyak perubahan positif yang dapat dilihat dalam diri beliau. Perkara yang paling ketara ialah anak mereka boleh berinteraksi dengan masyarakat luar dan mampu berdikari semasa dan selepas menamatkan program MBK vokasional ini. Sebagai ibu bapa, mereka sangat berpuas hati dengan program yang dilaksanakan oleh pihak KPM ini dan berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi untuk memberi peluang kepada anak-anak istimewa yang lain. Ibu Wan Amiruddin menyarankan agar ibu bapa lain merebut peluang yang diberikan oleh pihak KPM demi masa depan anak-anak istimewa mereka.



RINGKASAN

Kementerian terus meningkatkan usaha untuk memastikan jurang pencapaian murid antara bandar dan luar bandar terus dikurangkan selaras dengan hasrat untuk meningkatkan ekuiti dalam pendidikan. Peluang pendidikan untuk murid berkeperluan khusus seperti murid Orang Asli dan murid berkeperluan khas terus diberi tumpuan demi memastikan pendidikan berkualiti terus diberikan tanpa mengira latar belakang anak-anak warganegara.

BAB 4

MENGGALAKKAN PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN



“ Identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara, diperlukan untuk kejayaan dan masa depan Malaysia. Setiap murid akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi. ”



MENGGALAKKAN PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN

KEJAYAAN & PENCAPAIAN UTAMA 2015

SEKOLAH DI SELURUH NEGARA
MELAKSANAKAN AKTIVITI

RIMUP

PADA
2015



1,641

Perpaduan diterapkan melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum:

- Akademik
- Seni dan Kebudayaan
- Khidmat Masyarakat
- Patriotisme
- Sukan dan Permainan



**Buku Panduan –
Pelaksanaan Memperkukuhkan Perpaduan
Melalui Mata Pelajaran Pendidikan Islam
dan Pendidikan Moral Dalam Kurikulum**
...untuk digunakan di sekolah di seluruh negara



**Pelan Tindakan Perpaduan dalam
Pendidikan untuk tempoh**

5

**Tahun
sedang dibangunkan**



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 berhasrat untuk melahirkan warganegara yang dipacu oleh nilai-nilai teras yang sejagat dengan identiti Malaysia yang kukuh. Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum, budaya dan agama, adalah penting untuk rakyat Malaysia memahami kepelbagaian dan bersatu padu ke arah mewujudkan keharmonian antara kaum. Perpaduan adalah amat penting bagi kemajuan dan pembangunan negara. Oleh itu pendidikan kekal sebagai platform terbaik untuk memupuk perpaduan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja untuk mengukuhkan semangat “Muhibah”.

Pada tahun 2015, Kementerian memberi fokus kepada lima inisiatif utama untuk menerapkan perpaduan di sekolah.

- Mengukuhkan kurikulum Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.
- Menerapkan perpaduan melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum.
- Mengukur perpaduan dalam kalangan murid dan guru di sekolah.
- Membangunkan Pelan Tindakan Perpaduan dalam pendidikan.
- Mengukuhkan pelibatan dengan rakan strategik.

MENGUKUHKAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DAN PENDIDIKAN MORAL

Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral menyediakan peluang kepada murid untuk

memahami nilai-nilai berkaitan perpaduan dan menjalinkan hubungan yang baik antara murid. Kementerian telah menghasilkan sebuah buku panduan untuk rujukan guru bagi menerapkan unsur perpaduan melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral - Pelaksanaan Memperkuh Perpaduan Melalui Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral Dalam Kurikulum. Buku Panduan ini memberi tumpuan kepada pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti di dalam bilik darjah bagi memupuk perpaduan melalui kurikulum. Tiga konstruk perpaduan – menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian menjadi asas kepada perpaduan di sekolah.

Pada tahun 2015, sebanyak lima buah sekolah rendah dan lima sekolah menengah telah dipilih untuk menjalankan kajian rintis penggunaan buku panduan ini. Ketiga-tiga konstruk perpaduan yang dicadangkan dalam buku panduan telah diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Dapatan daripada kajian rintis menunjukkan bahawa guru dapat menyepadukan konstruk perpaduan dalam pengajaran bilik darjah dengan menggunakan pelbagai pendekatan seperti pembelajaran koperatif, kolaborasi, konstruktivisme dan kajian masa depan. Majoriti guru yang terlibat dalam kajian rintis berpuas hati dengan penerbitan buku panduan ini sebagai nilai tambah kepada aktiviti bilik darjah bagi menggalakkan perpaduan.

“Saya mengajar Pendidikan Moral dalam satu kelas dengan 26 orang murid daripada pelbagai bangsa. Sebelum ini, saya tidak menghadapi isu mengenai perpaduan di sekolah saya. Walau bagaimanapun, terdapat kelompok murid yang memerlukan lebih pemahaman dalam penggunaan beberapa istilah dalam perbualan harian mereka”.

“Saya telah cuba untuk melaksanakan garis panduan yang terdapat dalam Buku Panduan ini untuk mengukuhkan perpaduan dalam bilik darjah dan ianya berkesan dalam meningkatkan interaksi antara kaum. Saya percaya aktiviti ini akan lebih menarik jika dilaksanakan dengan penggunaan teknologi LCD untuk menunjukkan dengan lebih jelas elemen perpaduan yang boleh diaplikasikan ke dalam mata

pelajaran tersebut. Murid saya kini lebih tertarik untuk belajar budaya komuniti lain, khususnya melalui tarian, acara budaya, permainan tradisional dan sebagainya.

Saya rasa buku panduan tersebut juga boleh digunakan dalam mata pelajaran lain dan elemen perpaduan perlu diberi penekanan dan tumpuan secara lebih berkesan supaya lebih makna kepada murid.

Puan Nor Juwaini binti Arshad
Guru mata pelajaran Pendidikan Moral
SMK St. Paul, Negeri Sembilan


MENERAPKAN PERPADUAN MELALUI AKTIVITI KURIKULUM DAN KOKURIKULUM

Kementerian memberikan tumpuan bagi menggalakkan integrasi yang lebih erat antara murid di sekolah dan merentas beberapa jenis sekolah melalui pelaksanaan aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang dijalankan bersama-sama. Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) kekal sebagai satu program penting yang memberi tumpuan terhadap pengukuhan interaksi antara kumpulan murid daripada etnik yang

berbeza. RIMUP menggalakkan murid daripada pelbagai jenis sekolah untuk mengambil bahagian dalam lima kategori utama aktiviti RIMUP, iaitu aktiviti untuk kecemerlangan akademik, sukan dan permainan, aktiviti kokurikulum, khidmat masyarakat dan aktiviti untuk meningkatkan patriotisme. Guru yang terpilih telah dilatih mengenai pelaksanaan RIMUP untuk menjadi jurulatih RIMUP dan menyokong guru lain dalam melaksanakan aktiviti RIMUP di daerah masing-masing. Guru juga digalakkan untuk mereka bentuk lebih banyak aktiviti yang bersesuaian dengan keadaan sekolah masing-masing.


Sekolah dikelompokkan mengikut kluster bagi aktiviti yang digabungkan:

KLUSTER A



**3 BUAH SEKOLAH DARIPADA
3 JENIS SEKOLAH**

KLUSTER B



**3 BUAH SEKOLAH DARIPADA
2 JENIS SEKOLAH**

Lima kategori utama pelaksanaan aktiviti RIMUP adalah seperti berikut:

Akademik – Untuk menggalakkan murid daripada pelbagai kaum dan etnik bekerjasama melalui aktiviti kreatif; meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata, kemahiran bertutur dan menulis murid pelbagai kaum; mewujudkan

semangat saling membantu antara murid pelbagai latar belakang budaya untuk meningkatkan prestasi akademik; berkongsi pengetahuan dan teknik pembelajaran secara berkesan untuk menjawab soalan peperiksaan.

Seni dan Kebudayaan – Untuk memahami budaya pelbagai etnik; menghargai seni dan kebudayaan

pelbagai etnik di Malaysia; mewujudkan interaksi sosial dan pemahaman dalam kalangan murid; memupuk muhibah, perpaduan dan kerjasama.

Khidmat Masyarakat - Untuk mengamalkan kerjasama, toleransi dan empati melalui aktiviti kemasyarakatan; memberi peluang kepada murid berinteraksi dengan masyarakat setempat; membantu murid meraikan kepelbagaian dalam kehidupan.

Patriotisme – Untuk mendidik generasi muda agar menghargai dan memelihara maruah agama, kaum dan negara; meningkatkan kesediaan murid bekerjasama dan bertoleransi; menghayati lima prinsip Rukun Negara; mengamalkan lima prinsip Rukun Negara; mengukuhkan kefahaman terhadap prinsip Rukun Negara untuk dijadikan panduan oleh rakyat Malaysia; meningkatkan integriti dan identiti murid; meningkatkan semangat kekitaan kepada negara Malaysia; menghormati pemimpin daripada pelbagai etnik di Malaysia; memupuk patriotisme

dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai budaya.

Sukan dan Permainan – Untuk memupuk muhibah dan perpaduan antara kumpulan etnik; mewujudkan perasaan saling memerlukan di antara satu sama lain melalui sukan dan permainan; memupuk kualiti kepimpinan.

Pada tahun 2015, RIMUP telah dilaksanakan di seluruh negara dan lebih berfokus kepada 7 negeri; Johor, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan Sarawak (Ekshibit 4-1). Kementerian telah mengelompokkan pelbagai jenis sekolah mengikut kluster untuk memberi lebih peluang kepada murid daripada sekolah yang populasinya lebih homogen berinteraksi dan menghargai kepelbagaian melalui pelibatan dalam pelbagai aktiviti RIMUP. Melalui pelaksanaan aktiviti RIMUP, murid dan guru dapat terus mempelajari, menghormati dan menerima budaya, cara hidup dan amalan etnik yang lain.

Ekshibit 4-1

Bilangan Sekolah yang Melaksanakan Aktiviti RIMUP di Seluruh Negara pada Tahun 2015



Tarian Integrasi Mengeratkan Perpaduan

Tarian integrasi merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan di bawah Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang melibatkan murid berbilang kaum daripada sekolah kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Bagi menjayakan aktiviti Tarian Integrasi, murid perlu menjalani latihan bersama-sama sekurang-kurangnya sekali sebulan atau lebih untuk meningkatkan kemahiran yang diperlukan dalam pertandingan tersebut. Sepanjang proses persediaan untuk tarian ini, mereka berinteraksi dan saling mengenali sesama mereka, daripada tidak mengenali sehinggalah mereka menjadi kawan yang rapat walaupun program tarian integrasi sudah tamat.

“Mereka masih berhubung sesama mereka, berkawan dalam Facebook, keluar makan dan menyambut hari jadi bersama-sama. Program integrasi tarian ini dapat mengeratkan hubungan kaum dan terbukti lebih berjaya jika dibandingkan dengan program RIMUP yang lain. Saya pernah terserempak murid daripada kumpulan tarian RIMUP keluar makan bersama-sama di pasaraya. Saya terkejut kerana tidak mungkin kemesraan ini boleh berlaku jika murid-murid ini tidak terlibat dalam tarian RIMUP. Ibu bapa yang mempunyai anak yang terlibat dalam Tarian juga mula berkenalan disebabkan anak-anak mereka telah menjadi kawan.”

“Semangat perpaduan sebegitulah yang harus dipupuk pada peringkat awal sebelum murid memasuki sekolah menengah. Sehingga ke hari ini, kumpulan tarian RIMUP saya masih aktif membuat persembahan dan keadaan ini membolehkan mereka kekal bekerjasama dan mengeratkan lagi hubungan persahabatan. Program seumpama tarian RIMUP ini perlu diperluaskan. Saya dengan yakinnya menyatakan bahawa program Tarian Integrasi yang dicadangkan oleh KPM adalah sangat baik dan perlu diteruskan.”

Encik Tham Chon Pik

Guru

SK Port Dickson, Negeri Sembilan




‘Kem Perpaduan’ : Bersatu Padu Sebagai 1Malaysia

Kok Ting Zhi mengikuti Kem Perpaduan kerana yakin ia memberi peluang kepadanya untuk bergaul dan berinteraksi dengan kaum lain bagi mengukuhkan semangat perpaduan. Beliau terkejut tetapi gembira ketika dipilih untuk menyertai kem perpaduan tersebut. Pengalaman manis yang telah mengubah persepsi beliau terhadap erti perpaduan ialah aktiviti menangkap ikan keli dengan tangan. Walaupun agak kekok dan enggan mencuba pada mulanya, Ting Zhi berfikiran terbuka dan nekad untuk mencuba sesuatu yang baharu. Ujar Ting Zhi sambil mengimbuai pengalaman tersebut, “Sepanjang aktiviti menangkap ikan keli dan bergelumang dengan selut dan lumpur, semua peserta berbilang kaum saling bekerjasama, bantu membantu, berpegangan tangan dan duduk rapat dalam kumpulan masing-masing. Kenangan ini sangat menyentuh perasaan.”

Ting Zhi mengakui penerimaan beliau terhadap kaum lain menjadi lebih terbuka dan hingga ke hari ini beliau masih mengekalkan hubungan erat dengan rakan yang dikenali semasa di kem.

Murid cilik ini mencadangkan agar sekolah menganjurkan lebih banyak program dan aktiviti yang dapat memupuk nilai perpaduan dan patriotisme dalam kalangan murid pelbagai kaum.



Kok Ting Zhi
Suurya A/L Sivabalan
SMK King George V
Seremban, Negeri
Sembilan

Suurya a/l Sivabalan mengikuti Kem Perpaduan kerana ia dapat memberi kesedaran kepada beliau mengenai pentingnya perpaduan antara kaum di Malaysia. Suurya tidak menyangka bahawa beliau antara murid bertuah yang terpilih untuk menyertai Kem Perpaduan. Perasaan gembira ketika nama beliau dicalonkan masih sukar digambarkan. Ternyata pertandingan menyanyi lagu patriotik bertajuk “Gemuruh Jiwa” semasa Kem Perpaduan tersebut, telah mengubah persepsi beliau tentang perpaduan.

Dalam aktiviti tersebut, beliau telah belajar untuk bekerjasama dengan rakan daripada kaum yang lain supaya lagu yang dinyanyikan mengikut rentak dan irama. Sesetengah aktiviti nampak mudah dilakukan tetapi di sebalik aktiviti ini terdapat banyak nilai murni seperti bertolak ansur, bekerjasama dan menghormati perbezaan yang dipelajarinya.

Ujar beliau, “Saya amat selesa bergaul mesra dengan kaum yang lain kerana kami menghargai pendapat masing-masing. Semasa menyanyi kami berpegangan tangan dan melaungkan MERDEKA bersama-sama.” Kini beliau lebih berfikiran terbuka dan sangat gembira kerana memiliki lebih ramai rakan daripada pelbagai kaum.

Suurya, bersemangat 1Malaysia kini mengesyorkan, “Kementerian perlu memperluaskan Kem Perpaduan ini supaya generasi muda masa hadapan sedar bahawa nilai perpaduan amat penting untuk dihayati dan diterjemahkan dalam kehidupan harian”.



Kem Perpaduan - lawatan ke Muzium Negara. Lawatan sambil belajar adalah salah satu platform terbaik untuk memupuk rasa hormat dan semangat kekitaan dalam kalangan murid. Program sebegini dapat mengukuhkan semangat perpaduan di samping memberi peluang kepada murid untuk mempelajari cara hidup dan budaya masyarakat lain supaya dapat menerima, menghormati dan menghargai kepelbagaian di Malaysia.



Permainan dalaman seperti permainan karom antara SK LKTP Ayer Hitam, SJKC Layang, SJKT Jalan Bukir Renggam, SJKT Ladang Layang dan SK Sungai Linau menggalakkan perkukuhan dalam kalangan murid semasa program dua hari.



Murid SJKT Maha Ganesa Viddyalai, SK Seri Selamat dan SJKC Chung Cheng sedang mengambil bahagian dalam acara membuat "Kolam". Aktiviti ini menggalakkan persefahaman dan toleransi antara murid sekolah.



Sambutan perayaan Gawai-Raya di SMK Tebedu. Program RIMUP ini membantu mengukuhkan hubungan antara murid dan guru serta mengekalkan perpaduan dalam kalangan pelbagai etnik di Sarawak.



Murid Orang Asli SK Sepri, Rembau, Negeri Sembilan menyambut Hari Kebangsaan dan perayaan Hari Raya.



Murid Tahun 4 dan Tahun 5 daripada pelbagai kaum di SK Mak Mandin, SJKC Mak Mandin dan SK Kuala Perlis, Pulau Pinang bekerjasama untuk mencetak tapak tangan mereka bagi membentuk Bendera Malaysia daripada tapak tangan.



Kumpulan Kebudayaan Malaysia dari Sekolah Seni Sarawak, Kuching mengambil bahagian dalam *International Children Folklore*, Sliven – Bulgaria dengan tema “Persahabatan Tanpa Sempadan.”



Murid SMK Majakir, Sabah melukis mural di tiga Tadika Perpaduan sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan komuniti.



Festival Tarian Kebudayaan peringkat Kebangsaan.




Persembahan RIMUP di Keningau, Sabah mendapat penyertaan daripada 5,000 murid, warga sekolah, pemimpin masyarakat, kaki tangan kerajaan dan pihak swasta. Program ini turut mempersembahkan tarian Mansayau dan nyanyian lagu-lagu daripada 10 bahasa etnik dari Sabah dan Sarawak di samping lagu yang disampaikan dalam bahasa Melayu, India dan Cina.



INDEKS KEAMANAN GLOBAL DAN PENDIDIKAN 2015

Indeks Keamanan Global (*Global Peace Index*) telah diwujudkan oleh Institut Antarabangsa bagi Ekonomi dan Keamanan pada tahun 2007 sebagai ukuran tahap kedamaian dunia. Indeks keamanan global melihat tahap kawalan dan keselamatan dalam masyarakat, konflik domestik dan antarabangsa serta ketenteraan. Pada tahun 2015, Malaysia berada pada kedudukan 28 daripada 162 negara 'ketiadaan keganasan'. Di Asia Pasifik, Malaysia berada di tempat ke-5 selepas New Zealand, Jepun, Australia dan Singapura.

Laporan itu menyatakan bahawa kepelbagaian boleh disatukan dan berupaya menyumbang kepada pembangunan negara. Inilah kunci utama ke arah mengekalkan keamanan dan perpaduan terutamanya bagi sebuah negara seperti Malaysia. Sebagai kumpulan terbesar yang akan memasuki alam dewasa, adalah penting bagi belia Malaysia dipupuk dengan semangat perpaduan sejak awal lagi.



Sumber: Global Peace Index 2015

MENGUKUR INDEKS PERPADUAN DALAM KALANGAN MURID DAN GURU DI SEKOLAH

Pada tahun 2014, buat julung kalinya Kementerian telah menjalankan satu kajian untuk menentukan tahap perpaduan di sekolah di seluruh negara. Tahap perpaduan diukur dengan menggunakan Instrumen Indeks Perpaduan yang telah dibangunkan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan universiti awam. Responden kajian

terdiri daripada 4,639 orang murid dan 4,467 orang guru daripada pelbagai komuniti di sekolah kebangsaan, swasta dan antarabangsa. Hasil kajian menunjukkan indeks perpaduan berada pada paras indeks 6.9 iaitu dalam kategori 'sederhana tinggi' (Ekshibit 4-2). Walaupun skor 6.9 dianggap agak tinggi, wujud keperluan untuk meningkatkan lagi tahap keterbukaan, tolak ansur, kerjasama serta kepercayaan terhadap kaum yang lain. Nilai ini adalah penting untuk membolehkan mereka bukan sahaja menerima tetapi juga menghormati dan menguruskan kepelbagaian.

Ekshibit 4-2

Jadual Definisi Indeks

Pengukuran Indeks	Definisi
0.00 - 2.50	Sangat Rendah (Sangat Longgar)
2.51 - 5.00	Rendah (Longgar)
5.01 - 7.50	Sederhana Tinggi (Erat)
7.51 - 10.00	Sangat Tinggi (Sangat Erat)

Kajian ini dijalankan dua tahun sekali. Pada masa ini, Kementerian dengan sokongan daripada panel pakar dalam proses perancangan kajian indeks perpaduan untuk 2016. Kajian ini menyasarkan sebanyak 2,988 orang guru dan murid sekolah rendah serta 3,684 orang guru dan murid sekolah menengah. Oleh yang demikian, kajian ini adalah bersesuaian dan bertepatan bagi mengukur dan memahami tahap perpaduan dalam kalangan murid dan guru di sekolah. Kementerian juga boleh menggunakan Indeks Keamanan Global (GPI) untuk meramalkan tahap perpaduan dalam kumpulan masyarakat yang lebih besar.

menyediakan maklumat yang jelas mengenai pelaksanaan inisiatif perpaduan kepada pihak berkepentingan iaitu sekolah, PPD, JPN dan komuniti. Makmal Perpaduan yang pertama telah dijalankan pada 26 hingga 30 Oktober 2015 untuk membangunkan pelan strategi yang praktikal dan berkesan bagi mengukuhkan perpaduan di dalam dan di luar bilik darjah. Seramai 34 orang peserta yang sangat berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang perpaduan daripada Kementerian dan organisasi seperti Yayasan 1Malaysia, Institut Kajian Etnik, Persatuan Buddha Malaysia, Sangam Hindu Malaysia, Yayasan Keamanan Global dan Pemuda menghadiri makmal tersebut.

MEMBANGUNKAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN DALAM PENDIDIKAN

Kementerian sedang membangunkan Pelan Tindakan Perpaduan dalam Pendidikan untuk tempoh lima tahun. Pelan Tindakan ini akan

Makmal ini telah mengenal pasti 29 isu yang menjadi faktor penyumbang kepada tahap perpaduan yang rendah di sekolah dan komuniti. Makmal Fasa 2 akan memberi tumpuan kepada pembangunan penyelesaian peringkat tinggi dan cadangan berdasarkan pelan tindakan yang strategik.

Dirancang dan dilaksanakan dengan baik untuk menjana idea yang bernas dan berguna.

-Shangar Singodayan
(JU RIMUP SMK King George V)

Penyertaan dalam makmal ini merupakan suatu penghormatan kepada saya dan merupakan suatu pengalaman yang menyenangkan. Makmal ini memberi kesedaran dan membuka mata mengenai dasar dan amalan Kementerian. Terdapat banyak idea yang boleh digunakan oleh kumpulan NGO.

-Faiz Suberi
(Youth on Unity)

Makmal ini harus dijadikan contoh kepada semua. Kami mengalu-alukan lebih banyak makmal yang dijalankan seperti ini untuk mencapai kefahaman dan menjalankan sumbang saran bagi meningkatkan pelaksanaan pendidikan.

-Venerable Shi Xian Kai
(Malaysian Buddhist Association)



Peserta mengadakan perbincangan kumpulan semasa Makmal Perpaduan

Semua murid dan staf daripada latar belakang sosioekonomi, agama, etnik dan lokasi yang berbeza bersatu padu untuk memahami, menerima dan menghargai kepelbagaian untuk membentuk satu identiti nasional selaras dengan Perlembagaan, Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

(Makmal Perpaduan, 2015)



Mesyuarat antara Kementerian dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)

MENGUKUHKAN PELIBATAN DENGAN RAKAN STRATEGIK

Kementerian dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) terus bekerjasama ke arah mencapai perpaduan di negara ini. JPNIN merupakan agensi utama Kerajaan yang menerajui usaha untuk mengekalkan, meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat di Malaysia berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Gagasan 1Malaysia.

Pada Disember 2015, perbincangan lanjut telah diadakan untuk meneliti hasil makmal perpaduan serta menyediakan strategi untuk mengukuhkan lagi inisiatif perpaduan selaras dengan Pelan Perpaduan Negara. Kementerian juga bercadang untuk memperluas jaringan kerjasama dengan agensi dan organisasi di dalam dan luar Kementerian untuk memastikan usaha menggalakkan perpaduan di sekolah diberi keutamaan.

RINGKASAN


Murid menghabiskan satu perempat daripada masa mereka di sekolah bermula seawal umur empat tahun hingga 17 tahun. Oleh itu, sekolah merupakan tempat terbaik untuk memupuk perpaduan. Inisiatif yang bertindak sebagai pemangkin untuk menerapkan perpaduan dari dalam bilik darjah sehingga dalam aktiviti kokurikulum membantu mengukuhkan kefahaman murid terhadap pelbagai budaya di negara ini. Kefahaman ini akan mewujudkan suatu sistem yang memberi peluang kepada murid untuk berkongsi pengalaman yang akan membentuk asas kepada perpaduan.

Tahun 2015 telah menyediakan Kementerian dengan indikator penting untuk meningkatkan usaha mengukuhkan perpaduan ke tahap yang lebih tinggi. Usaha ini akan direalisasikan melalui pengukuhan kurikulum Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, penerapan perpaduan melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum, pengukuran tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid di sekolah, membangunkan Pelan Tindakan Perpaduan dalam pendidikan, dan pengukuhan pelibatan dengan rakan strategik.



BAB 5

MEMPERKUKUH KECEKAPAN



“ Transformasi Kementerian akan mengukuhkan lagi dua bidang utama, iaitu kapasiti dan keupayaan sumber. Perubahan ini akan membolehkan Kementerian memberi tumpuan dan mampu menyampaikan perkara yang paling utama, iaitu pembelajaran dan keberhasilan murid. ”



MEMPERKUKUH KECEKAPAN

KEJAYAAN & PENCAPAIAN UTAMA 2015

6,366

PROJEK NAIK TARAF

5,008

KERJA PEMBAIKAN
SELESAI DILAKSANAKAN DI SEKOLAH



INFRASTRUKTUR



PENSTRUKTURAN SEMULA KEMENTERIAN 2013-2015



pegawai
JPN dan PPD melaksanakan
*Supervised Project
Development Programme
(SPDP)*



pegawai
JPN dan PPD melalui
Program
*Accelerated Leadership
Development (ALD)*



98

kepimpinan utama pada peringkat Kementerian telah diprofil dan akan mengikuti program *Visionary Leadership Development (VLD)*.

Kementerian meletakkan kepentingan kepada mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian bagi memastikan sistem pendidikan negara berjaya ditransformasikan. Usaha gigih dilaksanakan untuk mentransformasi kepimpinan pada peringkat Kementerian dan sekolah supaya dapat melaksanakan fungsi dan peranan baharu. Kementerian juga komited untuk menyediakan persekitaran sekolah dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.

Pada tahun 2015, Kementerian terus memberi fokus kepada perkara yang berikut:

- Mengukuhkan keupayaan kepimpinan bagi jawatan utama
- Menjajarkan semula dan mengoptimumkan bajet bagi memaksimumkan keberhasilan murid
- Menyediakan infrastruktur asas dan penyenggaraan di sekolah
- Meningkatkan akses kepada internet dan persekitaran pembelajaran maya
- Menambah baik pangkalan data pendidikan melalui pengintegrasian pelbagai sistem

MENGUKUKKAN KEUPAYAAN KEPIMPINAN BAGI JAWATAN UTAMA

Sejak tahun 2013, Kementerian telah memulakan proses penstrukturan semula bagi mewujudkan sebuah organisasi yang kejut dan lebih berkesan. Penstrukturan ini melibatkan usaha menyelaraskan proses utama, memperjelaskan peranan dan mengelakkan pertindihan fungsi antara bahagian dan agensi pada pelbagai peringkat pendidikan. Matlamat ini terus dikekalkan walaupun Kementerian telah mengalami perubahan struktur, iaitu penggabungan dan kemudiannya pemisahan semula dengan Kementerian Pengajian Tinggi

dalam tempoh dua tahun yang lalu. Cadangan struktur organisasi yang baharu telah dikemukakan bagi mendapat kelulusan oleh agensi pusat dan pelaksanaannya dijangka secara berperingkat pada tahun 2016.

Sejajar dengan fungsi dan peranan baharu, Kementerian telah mula mengenal pasti dan meningkatkan kebolehan kepimpinan melalui program pembangunan profesional. Pemimpin bagi jawatan utama pada peringkat Kementerian, negeri dan daerah telah diprofil dan diperkukuh secara berperingkat. Sejak tahun 2013, sebanyak 231 orang pemimpin telah diprofil dalam dua fasa. Dalam Fasa Pertama, proses pemprofilan dilakukan terhadap 155 orang pegawai yang memegang jawatan penting di JPN dan PPD. Kumpulan pegawai ini telah mengikuti Program Peningkatan Pembangunan Kepimpinan (*Accelerated Leadership Development, ALD*). Sebagai tambahan 72 orang pegawai JPN dan PPD di jawatan utama telah diprofil dan melalui Program Pembangunan Projek Terselia (*Supervised Project Development Programme, SPDP*), dengan kadar tamat penyertaan sebanyak 90%. Dalam Fasa Kedua, tambahan sebanyak 98 orang kepimpinan utama Kementerian telah diprofil pada tahun 2015. Bagi memantapkan lagi profesionalisme kepimpinan, mereka akan mengikuti Program Pembangunan Kepimpinan Berwawasan (*Visionary Leadership Development, VLD*).

Kementerian juga telah menubuhkan *Talent Council* bagi mengenal pasti pegawai pengganti yang berpotensi untuk mengisi jawatan strategik di Kementerian, berdasarkan kompetensi kefungsi dan kepimpinan. *Talent Council* memainkan peranan penting dalam memastikan pelan pelapis Kementerian dilaksanakan (Ekshibit 5-1).

Program Peningkatan Pembangunan Kepimpinan (ALD) dan Program Pembangunan Projek Terselia (SPDP)


Program ini bermatlamat untuk menghasilkan pemimpin yang mempunyai ciri dan kompetensi berikut - berkeyakinan, kemahiran dalam membimbing dan pementoran, akauntabiliti, inovatif dan kreatif, mengadaptasi perubahan, memimpin perubahan, kesedaran organisasi, mengurus pihak berkepentingan,

memahami orang lain, dan matang emosi. Sebahagian daripada keperluan program ini ialah pemimpin perlu melaksanakan projek untuk meningkatkan kecekapan dalam bidang yang kurang dikuasai mereka berdasarkan proses pemprofilan yang dijalankan.

Lebih daripada 20 projek telah dijalankan oleh peserta ALD dan SPDP. Antara projek yang dijalankan adalah mengenal pasti punca sebenar dan mencari penyelesaian untuk menangani isu kadar kehadiran rendah murid Orang Asli di Pahang serta menyediakan reka bentuk program untuk meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid di Terengganu. Beberapa orang pegawai berjaya menamatkan program ALD dengan cemerlang dan telah dinaikkan pangkat.

Ekshibit 5-1

Sasaran Pemprofilan dan Pengukuhan Kepimpinan Kementerian bagi Gelombang 1



Projek ALD: Program *Trenglish*

Inisiatif untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid di Terengganu oleh Haji Shafruddin bin Haji Ali Hussin (PPD Hulu Terengganu 2014 – kini Pengarah JPN Terengganu).

Pada tahun 2014, peratus murid di Terengganu yang lulus Kertas Bahasa Inggeris SPM ialah 71.5%. Terdapat pelbagai faktor menyumbang kepada prestasi sederhana pada peringkat negeri; salah satu daripadanya ialah lemah penguasaan kemahiran berbahasa dan kurang pendedahan kepada penggunaan bahasa tersebut.

Bagi menangani isu ini, JPN bekerjasama dengan Yayasan Terengganu untuk mencari jalan penyelesaian dan menyediakan program intervensi bagi meningkatkan minat serta penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris murid. Sebanyak 32 buah sekolah luar bandar berenrolmen tinggi dan berprestasi rendah telah dipilih untuk menyertai program ini serta pelantikan 32 orang personel bahasa Inggeris Terengganu (*Terengganu Hired English Language Personnel - T-Help*). T-Help terdiri daripada graduan bidang Bahasa Inggeris daripada institusi pendidikan tinggi awam tempatan. T-Help dapat memotivasikan murid untuk meningkatkanelibatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti kokurikulum.

Melalui program ini, didapati bahawa murid seronok mengikuti pengajaran bahasa Inggeris dan menunjukkan keyakinan menggunakan bahasa Inggeris di dalam dan luar bilik darjah. Kejayaan program ini juga terbukti apabila terdapat peningkatan dalam keputusan kertas Bahasa Inggeris SPM 2015.



Perasmian Program *Trenglish*.



Murid Tingkatan 4 dan 5 di *EPIC English Camp*.

MENJAJARKAN SEMULA DAN MENOPTIMUMKAN PERUNTUKAN BAGI MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID

Kerajaan telah meletakkan keutamaan bagi pendidikan dan Kementerian telah menerima peruntukan yang besar daripada peruntukan tahunan Persekutuan. Berdasarkan usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mentransformasikan sistem pendidikan, adalah penting peruntukan diagihkan semula mengikut keutamaan yang telah ditetapkan dalam PPPM dengan memberi tumpuan kepada program inisiatif yang berimpak tinggi.

Pada tahun 2015, Kementerian telah berjaya menjajarkan semula sebanyak RM18 juta atau 29% peruntukan bukan emolumen kepada aktiviti yang memberi impak besar terhadap keberhasilan murid. Salah satu aktiviti utama yang dilaksanakan ialah menjajarkan semula peruntukan bagi memastikan semua sekolah di Malaysia adalah selamat, bersih dan dapat menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran.

Program Meningkatkan Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan Alam Sekitar Sekolah (3K) menyediakan peluang kepada sekolah yang menyertai untuk memberi tumpuan meningkatkan ketiga-tiga aspek utama program tersebut. Kementerian bermatlamat untuk menyediakan sekolah yang boleh menjadi rumah kedua kepada murid bagi membolehkan mereka belajar, bermain serta berasa selamat dan tenang. Sekolah juga sepatutnya menjadi tempat bagi guru, ibu

bapa dan komuniti setempat bekerjasama bagi menyumbang kepada pembangunan holistik kanak-kanak.

MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR ASAS DAN PENYELENGGARAAN DI SEKOLAH

Kementerian meneruskan usaha untuk menambah baik infrastruktur asas di sekolah bagi memenuhi standard minimum yang ditetapkan supaya dapat menyediakan persekitaran yang selamat, bersih dan kondusif untuk pembelajaran. Infrastruktur asas merangkumi bekalan air terawat, pembekalan elektrik sekurang-kurangnya selama 12 jam, tandas, bilik darjah, serta kerusi dan meja yang mencukupi.

Pada tahun 2015, sebanyak 6,366 projek penyelenggaraan dan tambah baik infrastruktur telah siap dilaksanakan di 5,008 buah sekolah. Sehingga kini, kemudahan asas elektrik dan air telah disediakan untuk semua sekolah di seluruh negara.

Penyediaan data asas yang telah diselaraskan adalah penting dalam menilai keperluan infrastruktur di sekolah. Kementerian bercadang untuk menambah baik sepenuhnya pangkalan data dalam talian yang digunakan sebagai satu alat komunikasi antara sekolah dan Kementerian untuk melaporkan hal berkaitan keperluan infrastruktur. Penambahbaikan pangkalan data akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyelenggaraan dan menaik taraf infrastruktur di sekolah.



Penyelenggaraan dan Naik Taraf Infrastruktur di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Dengkil

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Dengkil merupakan sekolah yang telah beroperasi sejak lebih 30 tahun. Sekolah ini mempunyai 4 buah blok bangunan, malangnya, 3 buah blok bangunan dalam keadaan daif. Bumbung bangunan bocor, tandas rosak dan ketiga-tiga bangunan berisiko untuk mengalami litar pintas. Keadaan ini hanyalah sebahagian kecil daripada isu infrastruktur yang memerlukan perhatian dan tindakan segera daripada pihak Kementerian.

Tindakan segera telah diambil untuk mengatasi isu berbangkit. Selain daripada pembaikan tandas dan pendawaian, dua buah bilik darjah dan satu dewan terbuka baharu telah dibangunkan untuk kegunaan sekolah melalui sistem KOTO IBS, iaitu satu sistem pembinaan bersepadu dan pantas. Sekolah ini telah mendapat manfaat daripada sistem KOTO IBS kerana kerja naik taraf dan penyelenggaraan mengambil masa hanya 40 hari untuk disiapkan.

Encik Roslan bin Jamil
Pegawai Arkitek Kanan
Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset



Sekolah di Kelantan cemerlang walaupun dilanda musibah

Sekolah di Jajahan Kuala Krai, Kelantan berhadapan dengan situasi yang amat mencabar pada akhir tahun 2014 apabila telah dilanda banjir paling buruk dalam sejarah negeri Kelantan. Sebahagian besar daripada sekolah ditenggelami banjir, termasuk sekolah yang menjadi Pusat Pemindahan Banjir di jajahan tersebut. Kemusnahan infrastruktur serta bahan pengajaran dan pembelajaran telah menjejaskan permulaan persekolahan pada tahun 2015. Namun, bencana ini tidak menghalang pentadbir sekolah dan guru meneruskan tugas memberi bantuan serta sokongan material dan emosi kepada murid untuk meneruskan pendidikan mereka.

Ternyata musibah banjir yang melanda berjaya didepani dengan jayanya oleh warga pendidikan Kuala Krai apabila dua buah sekolah di jajahan itu dinobatkan sebagai sekolah terbaik di Kelantan dalam keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2015. Sekolah tersebut ialah Sekolah Kebangsaan Biak dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Pasir Gajah, manakala seramai 25 orang murid daripada SK Banggol Guchil mendapat keputusan cemerlang 5A dalam UPSR 2015.

“Musibah banjir Disember tahun 2014 tidak dijadikan alasan oleh pihak sekolah untuk membuat persediaan menghadapi UPSR tahun ini. SK Biak dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM) Kategori Pedalaman dan sekolah telah lulus semua mata pelajaran selepas 2011 dan 2013. Kami telah membuat persediaan awal dengan memberikan bimbingan serta motivasi berterusan dan kami bersyukur kerana usaha ini mendatangkan hasil yang membanggakan”.

Encik Ismail bin Yaakob
Guru Besar
SK Biak, Kuala Krai, Kelantan



MENINGKATKAN AKSES KEPADA INTERNET DAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN MAYA

Kementerian telah melancarkan inisiatif 1BestariNet pada tahun 2013 untuk menyediakan akses internet berkelajuan tinggi kepada setiap sekolah di seluruh negara. Sehingga tahun 2015, sebanyak 6,695 buah sekolah telah dirangkaikan dengan akses internet berkelajuan tinggi, manakala 2,245 buah sekolah lagi dirangkaikan dengan menggunakan teknologi *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL) atau *Very Small Aperture Terminal* (VSAT). Bagi memastikan semua sekolah mendapat manfaat daripada capaian internet berkelajuan tinggi, Kementerian sedang menjalankan aktiviti pemetaan rangkaian untuk mengenal pasti peningkatan daripada ADSL kepada teknologi 4G.

Penyediaan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) melalui pelaksanaan inisiatif 1BestariNet membolehkan guru, murid dan ibu bapa mengakses secara dalam talian bahan pendidikan. Pada tahun 2015, lebih daripada 30,000 bahan kandungan telah dimuat naik dalam VLE dan hingga akhir tahun, bilangan mereka yang mendaftar masuk buat pertama kalinya ke VLE melebihi 2.7 juta orang. Peratus murid dan guru yang mendaftar masuk ke VLE sangat menggalakkan, iaitu 91.3%.

Melalui VLE, guru dapat membangunkan pengajaran yang menarik, memuat turun dan berkongsi sumber dengan guru lain. Murid pula mendapat manfaat daripada mengakses bahan pembelajaran dan ibu bapa dapat mengukuhkan pembelajaran murid serta memperoleh perkembangan terkini di sekolah.



MENAMBAH BAIK PANGKALAN DATA PENDIDIKAN MELALUI PENGINTEGRASIAN PELBAGAI SISTEM.

Pembekalan data pendidikan yang tepat adalah penting dalam membuat keputusan untuk penggubalan dasar, perancangan, pembangunan dan pelaksanaan program pendidikan.


Sejak tahun 2013, Kementerian telah menggunakan lebih daripada 100 aplikasi yang mengandungi data sekolah, murid dan guru. Aplikasi yang banyak ini menyebabkan berlakunya pertindanan maklumat dan ketidakstabilan data pada peringkat Bahagian, JPN dan PPD. Keadaan ini juga menyebabkan pertindihan kerja guru terutamanya dalam proses kemasukan data ke dalam aplikasi yang pelbagai.

Bagi menangani isu tersebut, Kementerian telah memulakan fasa pertama pengintegrasian data pada tahun 2015. Sebanyak 28 aplikasi telah dikenal pasti untuk diintegrasikan dan dibangunkan semula menjadi 22 aplikasi. Hasilnya, sebanyak 2,097 medan yang bertindan telah disingkirkan. Kemudahan Kata Kunci Tunggal (*Single Sign-On - SSO*) telah dibangunkan dan diperluas pada 1 Disember 2015. SSO membolehkan guru dan pentadbir sekolah mendapat akses kepada beberapa aplikasi yang relevan hanya dengan menggunakan satu identiti pengguna dan kata laluan.

Hasil positif yang diperoleh melalui pengintegrasian dan penggunaan SSO ialah pengurangan beban kemasukan dan ketakseragaman data dan secara tidak langsung telah meningkatkan kualiti data. Peningkatan kecekapan dalam tugas pentadbiran membolehkan guru memberi lebih tumpuan kepada pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah. Pada peringkat Kementerian, usaha ini telah dapat meningkatkan kecekapan dalam operasi, pelaporan dan membuat keputusan. Pengintegrasian sistem akan diteruskan pada tahun 2016.

Ekshibit 5-2

Pengintegrasian Data dan Penambahbaikan *Dashboard*



RINGKASAN

Pada tahun 2015, Kementerian meneruskan usaha menambah baik sistem penyampaian. Pemimpin berpotensi tinggi yang diprofil telah mendapat manfaat daripada program pembangunan kepimpinan dan meningkatkan kompetensi kefungsi dan kepimpinan. Lebih banyak infrastruktur sekolah telah dinaik taraf dan dibaik pulih bagi penyediaan persekitaran yang selamat, bersih dan kondusif untuk pembelajaran. Penjimatan terhadap peruntukan yang disediakan telah dijajarkan semula untuk memaksimumkan keberhasilan murid. Lebih banyak sekolah telah dirangkaikan dengan internet berkelajuan tinggi yang telah meningkatkan pedagogi guru dan pembelajaran murid dalam bilik darjah. Pelbagai sistem pangkalan data telah diintegrasikan bagi mewujudkan sistem penyampaian pendidikan yang terselaras.

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025

PENCAPAIAN GELOMBANG 1 (2013-2015)



“Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Pendidikan juga merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja, dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan perlu memastikan sistem pendidikan negara berfungsi secara berkesan untuk menjayakan Model Baharu Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan yang menjadi asas perkembangan ekonomi negara dalam persaingan ekonomi global.”

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025**



Perubahan dalam sistem pendidikan telah bermula dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan ia merupakan satu proses yang kompleks dan meluas. Oleh itu, Kementerian telah menyusun pelaksanaan transformasi dalam tiga gelombang. Gelombang 1 (2013-2015) memberi tumpuan kepada merubah sistem dengan memberi sokongan kepada guru dan penekanan kepada kemahiran teras. Dalam Gelombang 2 (2016-2020), matlamatnya adalah untuk mempercepatkan peningkatan kemajuan sistem melalui perubahan struktur. Apabila struktur dan sistem telah tersedia, Kementerian berhasrat untuk beranjak ke arah kecemerlangan dengan peningkatan keluwesan pengoperasian dalam Gelombang 3 (2021-2025).

Walaupun negara menghadapi krisis ekonomi pada akhir tahun 2014 yang menjejaskan peruntukan persekutuan dan perbelanjaan Kementerian terhadap inisiatif PPPM, usaha pelaksanaan inisiatif tetap diteruskan dan pencapaian yang diraih bagi Gelombang 1 amat membanggakan.

AKSES

Sistem pendidikan Malaysia bermatlamat menyediakan akses kepada semua kanak-kanak dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah atas, sama ada melalui laluan akademik atau laluan teknikal dan vokasional sejajar dengan prinsip Pendidikan Untuk Semua (*Education for*

All, EFA) dan berteraskan Matlamat Pembangunan Milenium (*Millennium Development Goals*, MDG).

Sejak pelaksanaan PPPM pada tahun 2013, kadar enrolmen prasekolah telah meningkat sebanyak 4% kepada 84.6% pada tahun 2015 berbanding 80.5% pada tahun 2012. Sejalan dengan pelaksanaan Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA), tumpuan Kementerian adalah untuk mengukuhkan asas dalam pendidikan dengan meningkatkan enrolmen kanak-kanak yang berumur 4+ dan 5+ tahun di prasekolah swasta. Kementerian telah menetapkan sasaran yang tinggi untuk meningkatkan kadar peratus tempat di prasekolah swasta daripada 48% pada tahun 2013 kepada 60% pada tahun 2020. Sehingga akhir Gelombang 1, peratus enrolmen prasekolah di sekolah swasta adalah sebanyak 50.8%. Melalui usaha yang gigih dalam mengukuhkan pelaksanaan aktiviti utama, sasaran yang ditetapkan mampu dicapai pada tahun 2020. Di samping Kerajaan memberi sokongan dan memastikan persekitaran yang kondusif kepada pembelajaran kanak-kanak, lebih banyak bantuan serta pelibatan pihak swasta sangat digalakkan untuk memenuhi tuntutan prasekolah. Usaha kolaboratif dengan sektor swasta adalah penting untuk memastikan tempat yang mencukupi disediakan bagi memenuhi permintaan.

Kadar enrolmen pada peringkat sekolah rendah telah meningkat sebanyak 2%, daripada 96%



pada tahun 2012 kepada 98%, iaitu sasaran yang ditetapkan bagi Gelombang 1. Pada masa yang sama, kadar enrolmen bagi menengah rendah adalah menggalakkan dengan peningkatan sebanyak 1.5%, daripada 91% pada tahun 2012 kepada 92.5% sehingga akhir Gelombang 1. Walau bagaimanapun, kadar enrolmen bagi menengah atas kekal pada 85% pada 2015 dan menjadi cabaran kepada Kementerian untuk meningkatkannya. Usaha yang lebih gigih sedang dijalankan untuk meningkatkan kadar enrolmen murid menengah atas untuk mencapai enrolmen sejagat pada tahun 2020.

Dalam usaha mentransformasi pendidikan vokasional, kadar enrolmen bagi murid yang berumur melebihi 16 tahun dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) telah meningkat kepada 5.3% pada tahun 2015 berbanding 4% pada tahun 2012. Bagi menyokong

agenda Kerajaan untuk menyediakan tenaga kerja mahir, Kementerian telah menyediakan pelbagai program bagi meningkatkan enrolmen TVET (16+ dan 17+ tahun) kepada 20% pada tahun 2020.

Walaupun kadar akses untuk pendidikan rendah di Malaysia telah mencapai tahap sejagat, usaha perlu dipergiat untuk pendidikan prasekolah dan pendidikan menengah atas. Kepentingan pendidikan prasekolah tidak boleh dipandang mudah kerana ia merupakan asas pembinaan kemahiran literasi dan numerasi serta menyediakan murid untuk pendidikan rendah. Sehubungan dengan itu, usaha meningkatkan enrolmen menengah atas perlu diberikan tumpuan yang lebih serius supaya murid mempunyai kelayakan yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran atau sebelum memasuki dunia pekerjaan. Secara ringkasnya, pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) keseluruhan bagi akses ialah 96.8% dan kesemua KPI mencapai sasaran Gelombang 1.

Ringkasan Pencapaian Gelombang 1

AKSES

Petunjuk

>90%

≥51-89%

Warna menunjukkan pencapaian KPI berbanding sasaran tahunan
Skor Pencapaian = Pencapaian 2015 / Sasaran Gelombang 1

No	KPI	Sasaran Gelombang 1	Pencapaian Sebenar			Skor Pencapaian	Sasaran Gelombang 2
			2013	2014	2015		
1	Peratus enrolmen kebangsaan prasekolah untuk kanak-kanak berumur 4+/5+ (Awam dan Swasta)	92%	81.70%	84.20%	84.63%	92%	Enrolmen Sejagat
2	Peratus enrolmen prasekolah swasta untuk kanak-kanak 4+ dan 5+	50%	47.98%	50.58%	50.75%	102%	58%
3	Peratus enrolmen rendah	98%	94.37%	97.90%	98.00%	100%	Enrolmen Sejagat
4	Peratus enrolmen menengah rendah	95%	93.53%	92.50%	92.45%	97%	Enrolmen Sejagat
5	Peratus enrolmen menengah atas	90%	84.44%	86.40%	84.95%	94%	Enrolmen Sejagat
6	Peratus enrolmen murid berumur 16+ dalam bidang Vokasional	5.5% ¹	4.60%	5.18%	5.29%	96%	20%

Nota: ¹Sasaran bagi #6 (Vokasional) dikaji semula daripada 10% kepada 5.5% kerana kekangan kewangan untuk pembelian tempat di institusi swasta seperti yang dipersetujui dalam Kajian Pertengahan Tahun.

KUALITI

Hasrat Kementerian adalah untuk sistem pendidikan negara berada setanding dengan negara yang berada pada kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti *Programme for International Student Assessment (PISA)* dan *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* dalam tempoh 15 tahun. Bagi memperoleh pengiktirafan global, murid Malaysia perlu menguasai kemahiran 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul) dan berupaya mengamalkan pengetahuan yang dipelajari. Bagi melahirkan generasi muda Malaysia yang mampu bersaing dalam ekonomi global, pendidikan perlu memberi penekanan kepada perkembangan dan pembentukan Pemikiran Kritis, Kemahiran Komunikasi, Kolaborasi dan Kreatif (4K). Semua kemahiran ini terbukti menjadi kemahiran yang diperlukan bagi tenaga kerja pada masa kini dan akan datang.

Salah satu usaha untuk menerapkan kemahiran berfikir adalah melalui gabung jalin Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kedua-dua

peperiksaan awam, iaitu UPSR dan SPM telah dirombak dengan memasukkan item KBAT sejak tahun 2013. Menjelang tahun 2015, peratus item KBAT dalam peperiksaan awam telah meningkat kepada 20% berbanding 10% pada tahun 2013.

Selain daripada keupayaan untuk membuat rumusan dan mengaplikasi pengetahuan secara kreatif dalam persekitaran baharu, setiap murid Malaysia perlu mahir dalam menguasai penggunaan bahasa kebangsaan dan antarabangsa untuk membolehkan mereka maju dalam ekonomi masa hadapan dan pada peringkat global. Selaras dengan wawasan ini, Kementerian memperkenalkan pelbagai inisiatif dan program untuk guru dan murid. Literasi Bahasa Inggeris (BI) telah diperkenalkan pada tahun 2013 melalui perluasan Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS). Program ini telah menunjukkan hasil yang amat baik dengan peningkatan peratus murid menguasai LINUS BI ialah sebanyak 31% bagi Kohort 1, iaitu daripada 63.3% pada tahun 2013 kepada 94.1% pada tahun 2015. Bagi membolehkan guru memainkan dua peranan, iaitu sebagai guru Bahasa Inggeris arus perdana dan guru pemulihan, Kementerian telah menyediakan



latihan bahasa Inggeris pemulihan kepada guru Bahasa Inggeris. FasiLINUS juga telah dilatih supaya mereka boleh berperanan sebagai fasilitator dalam memberi latihan dan bimbingan kepada guru yang lain. Dalam Gelombang 1, sebanyak 23,250 orang guru Bahasa Inggeris dan 327 orang FasiLINUS mendapat manfaat daripada latihan tersebut.

Pada peringkat menengah, sebanyak 1,191 buah sekolah tumpuan (hotspot) telah dikenal pasti iaitu sekolah yang menunjukkan prestasi yang rendah daripada purata kebangsaan dalam kertas Bahasa Inggeris SPM. Kementerian telah memperkenalkan Program Pengukuhan Bahasa Inggeris untuk meningkatkan prestasi sekolah ini dalam Bahasa Inggeris. Program ini menyediakan

sokongan tambahan kepada guru melalui latihan dan bimbingan oleh SISC+. Pada tahun 2014, sebanyak 106 orang SISC+ diberi latihan mengenai Pengajaran dan Pembelajaran Terbeza dan ditugaskan untuk membimbing guru dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada pelaksanaan program ini, pada tahun 2015, sebanyak 621 buah sekolah telah berjaya meningkatkan pencapaiannya dan 128 buah sekolah telah berjaya meningkatkan pencapaian mengatasi purata kebangsaan dalam kertas Bahasa Inggeris SPM.

Kementerian amat prihatin terhadap kepentingan bahasa Inggeris dan kewajaran menempatkan guru mahir yang mencukupi di dalam kelas. Oleh itu, program *Professional Upskilling of English*



Language Teachers (ProELT) telah dilaksanakan sebagai langkah intervensi untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dan meningkatkan kemahiran pedagogi guru. Pencapaian guru yang dilatih adalah konsisten iaitu lebih daripada 90% guru pada profisiensi tahap B1 dan 40% orang guru pada tahap profisiensi B2 meningkat sekurang-kurangnya satu band lebih tinggi berdasarkan tahap profisiensi yang terkandung dalam *Common*

European Framework of References for Languages (CEFR) menerusi Ujian Aptis yang telah dijalankan pada tahun 2014 dan 2015. Oleh itu, program ini terbukti berkesan untuk meningkatkan profisiensi guru Bahasa Inggeris.

Mempunyai guru praperkhidmatan berkualiti adalah penting bagi memastikan Kementerian mempunyai sumber tenaga yang cemerlang untuk

mendidik anak bangsa. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah menetapkan kriteria yang ketat bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dengan 70% daripadaambilan 2014 mencapai minimum 5A dalam peperiksaan SPM. Pada tahun 2015, 99.1% atau hampir 100%ambilan mendapat 5A dan ke atas dalam SPM. Malahan 20.9% daripadaambilan tersebut telah memperoleh sekurang-kurangnya 9A dalam peperiksaan SPM. Pencapaian ini menepati sasaranambilan antara 30% teratas lepasan SPM sebagaimana yang dihasratkan oleh Kementerian.

Seorang pengetua yang mempunyai kualiti yang tinggi dalam kepimpinan dan disokong dengan pasukan kepimpinan yang cekap dan berkesan adalah penting dalam memberikan kepimpinan instruksional serta turut memacu prestasi sekolah secara menyeluruh. Untuk memastikan hanya calon yang terbaik dipilih, Kementerian telah menjadikan sijil Kelayakan Profesional Kebangsaan untuk Pemimpin Pendidikan (NPQEL) sebagai prasyarat untuk memegang jawatan pengetua dan guru besar sejak tahun 2013. Pada tahun

2014, sebanyak 1,020 orang guru mendapat sijil NPQEL, dan 63% daripada kumpulan guru ini telah mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.75 dan ke atas. Pada tahun 2015, 1,321 orang guru telah dilatih dalam NPQEL dan 43.7% mencapai PNGK 3.75 dan ke atas. Keadaan ini memberikan keyakinan bahawa hanya pemimpin berkualiti akan dilantik mengisi kekosongan jawatan kepimpinan.

Ketersediaan sekumpulan bakal pemimpin sekolah serta pelan penggantian yang mantap adalah penting bagi memastikan penempatan untuk jawatan kepimpinan sekolah dilakukan dengan cepat. Bagi membantu menangani isu kekosongan jawatan kepimpinan, satu kriteria pemilihan pengetua dan guru besar yang baharu berdasarkan merit dan kelayakan telah diperkenalkan pada tahun 2013 dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2014. Pada tahun 2015, peratusan jawatan guru besar yang diisi sebaik sahaja wujud kekosongan ialah 99.1% berbanding 98.8% pada tahun 2014. Melalui usaha ini, Kementerian juga telah meningkatkan kadar purata penempatan pemimpin sekolah dari 88.1 hari kepada 9.5 hari.



Kementerian menghargai peranan yang dimainkan oleh sektor swasta dalam memacu perkhidmatan penyampaian yang lebih cekap. Walaupun sektor swasta tidak boleh menggantikan sepenuhnya peranan yang dimainkan oleh sektor awam, sektor swasta dapat memberikan sumbangan untuk mengukuhkan inisiatif sektor awam terutamanya dalam meningkatkan bidang kebitaraan. Program Sekolah Amanah yang mula dirintis pada tahun 2010 merupakan salah satu Program Perkongsian Awam Swasta (*Public-Private Partnership*, PPP). Program ini bermatlamat untuk menerapkan inovasi dalam kurikulum sekolah kebangsaan, pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sekolah secara menyeluruh. Program ini juga telah diperluas kepada 62 buah Sekolah Amanah pada tahun 2015 berbanding 13 buah pada tahun 2013.

Memastikan prestasi sekolah meningkat setiap tahun merupakan agenda penting untuk Kementerian. Peningkatan ini juga adalah penting bagi memastikan prestasi sekolah diukur dalam semua aspek dan bukan hanya dalam pencapaian akademik. Indikator yang sangat berkaitan dengan kualiti sekolah awam adalah prestasi keseluruhan sekolah yang diukur melalui skor indeks komposit daripada Band 1 hingga Band 7 (Band 1 merupakan pencapaian terbaik manakala Band 7 merupakan pencapaian terendah). Peratus sekolah dalam Band 1 dan 2 telah meningkat daripada 31.0% pada tahun 2013 kepada 39.9% pada tahun 2015. Sebaliknya, peratus sekolah dalam Band 6 dan 7 pula telah bertambah kepada 2% pada tahun 2015 berbanding 1.4% pada tahun 2013.

Kementerian menghargai peranan penting yang dimainkan oleh ibu bapa dan komuniti

dalam meningkatkan keberhasilan murid dan mewujudkan komuniti pembelajaran. Sarana Ibu Bapa bertindak sebagai panduan untuk ibu bapa menyumbang secara aktif dalam pembelajaran anak mereka di sekolah dan di rumah. Pada tahun 2015, berpandukan data yang direkodkan dalam e-Sarana merentasi enam aktiviti (Hari Pendaftaran, Hari Penetapan Sasaran Prestasi, Mesyuarat Tahunan Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Hari Kad Laporan, Hari Sukan dan Hari Penyampaian Hadiah) menunjukkan purata kehadiran ibu bapa dalam semua aktiviti telah meningkat sebanyak 17% kepada 74% berbanding 57% pada tahun 2014. Pelibatan aktif dalam kalangan ibu bapa dan komuniti perlu dikekalkan bagi memastikan pembelajaran berlaku di luar sekolah dan juga di rumah dan dalam komuniti setempat, seterusnya menjadikan keluarga sebagai rakan penting dalam meningkatkan keberhasilan pembelajaran murid.

Banyak pencapaian dan pengiktirafan telah diterima oleh Malaysia, namun usaha untuk meningkatkan sistem pendidikan negara ini supaya setanding dengan sistem berprestasi tinggi perlu terus dipergiat. Hasrat untuk melonjakkan Malaysia daripada kelompok sepertiga terbawah ke kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa menjelang 2025 seharusnya menjadi pemangkin untuk memacu transformasi pendidikan Malaysia. Sekiranya objektif ini tercapai, Malaysia akan menjadi antara salah sebuah negara terpentas dalam meningkatkan sistem pendidikan di dunia. Secara ringkas, pencapaian KPI secara keseluruhan bagi kualiti adalah sebanyak 89%, iaitu sembilan daripada 12 KPI utama untuk Gelombang 1 telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

Ringkasan Pencapaian Gelombang 1

KUALITI

Petunjuk



Warna menunjukkan pencapaian KPI berbanding sasaran tahunan
 Skor Pencapaian = Pencapaian 2015 / Sasaran Gelombang 1

No	KPI	Sasaran Gelombang 1	Pencapaian Sebenar			Skor Pencapaian	Sasaran Gelombang 2
			2013	2014	2015		
1	Peratus murid Tahun 3 menguasai Literasi Bahasa Inggeris	90% ¹	63.30%	78.30%	94.11%	104%	100%
2	Peratus murid Tahun 3 menguasai Literasi Bahasa Melayu	100%	99.10%	98.70%	98.68%	98%	100%
3	Peratus murid Tahun 3 menguasai Numerasi	100%	99.30%	98.90%	99.13%	99%	100%
4	Peratus komponen KBAT dalam UPSR	20% ²	10%	20%	20%	100%	40%
5	Peratus komponen KBAT dalam SPM	20% ²	10%	20%	20%	100%	50%
6	Peratus guru BI yang meningkat satu band profisiensi mengikut CEFR daripada a) B1: b) B2:	a) 85% b) 50%	N/A	a) 90.80% b) 42.17%	a) 87.42% b) 42.04%	93%	a) 85% b) 50%
7	Ambilan Institut Pendidikan Guru	30% teratas dalam SPM	90.00%	98.70%	99.10%	99%	kumpulan 30% teratas bagi kohort SPM
8	Peratus kekosongan jawatan guru besar yang diisi	100%	N/A	98.80%	99.10%	99%	100%
9	Peratus peserta kursus NPQEL mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.75 dan ke atas	65%	N/A	63.00%	43.70%	67%	65%
10	Bilangan Sekolah Amanah (kumulatif)	60 (kumulatif)	13	30	62	103%	140
11	Peratus sekolah dalam Band 1 & 2	37%	31.03%	36.83%	39.89%	105%	50%
12	Peratus sekolah dalam Band 6 & 7	0.8%	1.39%	0.95%	1.99%	40%	0%

Nota:

¹ Sasaran Gelombang 1 bagi item #1 dikaji semula daripada 100% kepada 90% berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Kajian Pertengahan Tahun.

² Sasaran Gelombang 1 bagi item #4 dan #5 dikaji semula kepada 20% bagi mengukuhkan kefahaman dan memberi pendedahan yang cukup kepada guru dan murid berkenaan komponen KBAT.

EKUITI

Kementerian bertanggungjawab memastikan semua murid mendapat peluang pendidikan yang saksama tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, keupayaan dan keperluan. Sistem pendidikan yang dihasratkan oleh Malaysia merupakan satu sistem pendidikan untuk semua murid, tanpa mengira latar belakang keluarga atau di mana mereka belajar, akan mendapat pendidikan, kemahiran dan nilai yang diperlukan bagi menjadi warga negara yang berguna untuk masa hadapan.

Dalam Gelombang 1, Kementerian memberi tumpuan kepada usaha untuk merapatkan jurang prestasi antara sekolah bandar dan luar bandar sebanyak 25% berbanding garis asas pada tahun 2012. Satu inisiatif yang berfokuskan kepada negeri dan daerah, iaitu Program Transformasi Daerah atau *District Transformation Programme* (DTP) telah dirintis di Kedah dan Sabah bagi menangani isu ini. Berdasarkan kemajuan ketara yang ditunjukkan oleh kedua-dua negeri,

Kementerian telah memperluas DTP kepada semua daerah di seluruh negara pada tahun 2014 dan tumpuan diberikan kepada lima negeri utama: Kedah, Perak, Perlis, Sabah dan Sarawak. Setelah tiga tahun pelaksanaan, Kementerian telah berjaya merapatkan jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar sebanyak 31.6% pada peringkat UPSR dan 18% pada peringkat SPM bagi tahun 2015.

Bagi mengekalkan kepentingan ekuiti dalam pendidikan, Kementerian amat komited dalam meningkatkan kualiti semua program pendidikan khas dan menambah bilangan murid yang menyertai program pendidikan inklusif dalam aliran perdana. Oleh itu, enrolmen Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI) telah dijadikan sebagai KPI utama bagi merealisasikan objektif ini. Pada penghujung tahun 2015, Kementerian telah berjaya meningkatkan enrolmen MBK sebanyak tiga kali ganda, iaitu 23.2% murid MBK dapat belajar bersama-sama dengan murid lain di sekolah arus perdana berbanding 7.5% murid pada tahun 2012.



Kementerian juga menyediakan pendidikan khusus untuk penduduk pribumi dan kumpulan minoriti seperti Orang Asli dan Penan bagi memastikan setiap murid di Malaysia mendapat pendidikan berkualiti bersesuaian dengan keperluan mereka. Kementerian berusaha gigih untuk memastikan murid Orang Asli mendaftar, hadir ke sekolah dan menamatkan pendidikan rendah dan menengah. Melalui usaha ini, enrolmen murid Orang Asli daripada peringkat prasekolah hingga ke Tingkatan 6 telah meningkat kepada 40,676 orang pada tahun 2015. Keadaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.6% daripada tahun 2012 atau tambahan sebanyak 1,805 orang anak-anak Orang Asli yang telah dan sedang menerima pendidikan. Dengan adanya sokongan dan langkah intervensi yang diberikan oleh Kementerian, kadar kehadiran juga semakin meningkat daripada 76.7% pada tahun 2013 kepada 79.1% pada tahun 2015. Kadar transisi murid Orang Asli daripada peringkat rendah ke peringkat menengah telah meningkat

daripada 74% pada tahun 2012 kepada 79% pada tahun 2015.

Ekuiti merupakan kisah kejayaan Kementerian dalam Gelombang 1 apabila sasaran untuk mengurangkan jurang pencapaian UPSR sebanyak 25% berjaya dicapai. Peratusan ini terus ditingkatkan dalam Gelombang 2, iaitu Kementerian berhasrat untuk mengurangkan sebanyak separuh jurang pencapaian murid berdasarkan sosioekonomi, bandar dan luar bandar dan gender menjelang 2020. Kejayaan dalam merapatkan jurang sosioekonomi dan jurang antara bandar dan luar bandar dijangka akan memberi impak kepada pengurangan jurang antara negeri dan jenis sekolah. Pengurangan jurang ini akan menjadikan Malaysia salah sebuah negara di dunia yang mempunyai sistem pendidikan yang saksama. Secara ringkas, pencapaian KPI keseluruhan bagi ekuiti ialah 87% iaitu 2 daripada 4 KPI utama telah dicapai bagi sasaran Gelombang 1.

Ringkasan Pencapaian Gelombang 1

EKUITI

Petunjuk

>90%

≥51-89%

Warna menunjukkan pencapaian KPI berbanding sasaran tahunan
Skor Pencapaian = Pencapaian 2015 / Sasaran Gelombang 1

No	KPI	Sasaran Gelombang 1	Pencapaian Sebenar			Skor Pencapaian	Sasaran Gelombang 2
			2013	2014	2015		
1	Peratus pengurangan jurang pencapaian akademik antara bandar dan luar bandar berdasarkan UPSR	25%	4.75	4.25 (berkurang 11%)	3.25 (berkurang 31%)	100%	50%
2	Peratus pengurangan jurang pencapaian akademik antara bandar dan luar bandar berdasarkan SPM	25%	6.67	6.11 (berkurang 10%)	5.56 (berkurang 18%)	72%	50%
3	Peratus enrolmen Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI)	30%	9.60%	18.40%	23.24%	77%	55%

No	KPI	Sasaran Gelombang 1	Pencapaian Sebenar			Skor Pencapaian	Sasaran Gelombang 2
			2013	2014	2015		
4	Peratus purata kehadiran murid bagi sekolah Orang Asli	80%	76.70%	78.80%	79.11%	99%	90%
5	Kadar transisi dalam kalangan murid Orang Asli daripada Tahun 6 hingga Tingkatan 1	n/a	75%	78%	79%	n/a	n/a

PERPADUAN

Kementerian terus memupuk perpaduan dalam kalangan murid sepanjang Gelombang 1 bagi membolehkan kanak-kanak Malaysia menghargai nilai dan pengalaman dengan menerima kepelbagaian.

Pada tahun 2014, sebanyak 20,916 orang pentadbir sekolah mengambil bahagian dalam program jerayawara RIMUP merentasi 16 negeri bagi lebih memahami pelbagai pendekatan untuk menerapkan perpaduan di sekolah. Berdasarkan laporan pemeriksaan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) ke atas 78 buah sekolah bandar dan



luar bandar yang mempunyai komposisi murid pelbagai etnik, dapatan menunjukkan keberhasilan positif apabila 87.2% atau 68 buah sekolah memperlihatkan interaksi murid berbilang etnik semasa sesi pembelajaran, pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan kelas Pendidikan Jasmani.

Pada tahun 2015, Kementerian telah menghasilkan Buku Pengukuhan Perpaduan Melalui Mata

Pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral sebagai panduan untuk guru menggabungkan aktiviti dan pendekatan bagi menerapkan perpaduan dalam kalangan murid. Sebanyak 10 buah sekolah, merangkumi lima buah sekolah rendah dan lima buah sekolah menengah terlibat dalam projek rintis. Dapatan projek rintis menunjukkan bahawa guru yang melaksanakan aktiviti yang dicadangkan dalam buku panduan

tersebut boleh mengaplikasi ketiga-tiga konstruk perpaduan, iaitu menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian.

Melalui kolaborasi dengan Institut Strategik dan Penyelidikan Antarabangsa (ISIS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kementerian telah berjaya membangunkan instrumen untuk Indeks Perpaduan dalam Gelombang 1. Instrumen ini telah digunakan untuk mendapatkan data asas tahap perpaduan di sekolah. Pada tahun 2014, instrumen ini dirintis di 136 buah sekolah rendah dan 175 buah sekolah menengah, melibatkan 4,467 orang guru dan 4,639 orang murid. Dapatan rintis menunjukkan tahap perpaduan murid berada pada tahap sederhana dan tinggi dalam 10 nilai (bersikap terbuka, toleransi, bekerjasama, percaya, berhemah tinggi, menghargai, prihatin, adil, amanah dan rasional). Walaupun dapatan rintis ini dianggap memuaskan, usaha yang lebih

gigih diperlukan untuk meningkatkan perpaduan ke tahap yang lebih tinggi.

Aspirasi perpaduan telah berjaya dicapai dalam Gelombang 1. Berdasarkan input data serta maklum balas yang diperolehi, Kementerian kini berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan tumpuan yang lebih serius dan melaksanakan intervensi bagi menggalakkan peluang interaksi yang lebih luas merentas semua jenis sekolah. Akhirnya, interaksi antara murid menjadi satu kebiasaan dan tahap integrasi dapat diperbaiki dan dikekalkan. Walaupun pencapaian KPI Perpaduan ialah 100% dalam Gelombang 1, penerapan perpaduan yang sebenar adalah agak kompleks memandangkan proses integrasi juga berlaku di luar bilik darjah dan kawasan sekolah. Oleh itu, masyarakat Malaysia secara umumnya perlu memainkan peranan yang lebih signifikan untuk menyemarakkan perpaduan bagi menyokong usaha yang dilakukan dalam sistem pendidikan.

Ringkasan Pencapaian Gelombang 1

PERPADUAN

Petunjuk

>90%

≥51-89%

Warna menunjukkan pencapaian KPI berbanding sasaran tahunan
 Skor Pencapaian = Pencapaian 2015 / Sasaran Gelombang 1

No	KPI	Sasaran Gelombang 1	Pencapaian Sebenar			Skor Pencapaian	Sasaran Gelombang 2
			2013	2014	2015		
1	Peratus pembangunan buku penerangan memperkukuh perpaduan melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral	100%	N/A	N/A	100%	100%	Pelaksanaan meluas ke sekolah lain
2	Peratus pembangunan instrumen kajian pengukuran tahap perpaduan	100%	N/A	100% (laporan kajian)	100% (pembangunan instrumen)	100%	Mengesan dan mengukur kemajuan dalam perpaduan nasional dalam kalangan murid

No	KPI	Sasaran Gelombang 1	Pencapaian Sebenar			Skor Pencapaian	Sasaran Gelombang 2
			2013	2014	2015		
3	Peratus sekolah dalam kelompok daripada negeri yang terpilih melaksanakan aktiviti RIMUP	30%	20%	N/A	30%	100%	100% sekolah mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya dua aktiviti perpaduan antara sekolah setiap tahun

KECEKAPAN

Pendidikan sentiasa menjadi keutamaan penting kepada Kerajaan. Ini terbukti apabila Kementerian diberi peruntukan paling besar berbanding kementerian lain pada setiap tahun. Pada tahun 2015, sebanyak RM40.2bilion diperuntukkan bagi Kementerian untuk melaksana dan mengukuhkan pelbagai program pengajaran dan pembelajaran. Peruntukan yang diberikan merupakan satu perakuan yang membuktikan komitmen Kerajaan dalam melonjakkan pencapaian akademik, kompetensi, kemahiran dan nilai murid seperti yang dihasratkan dalam PPPM.

Kementerian telah berjaya menerima pakai prinsip *Outcome Based Budgeting* (OBB) dalam Gelombang 1 bagi memastikan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah. Sehingga 25% bajet bukan emolumen Kementerian telah dijangka dan diagihkan semula kepada aktiviti atau program yang mempunyai impak besar terhadap keberhasilan murid seperti meningkatkan keselamatan dan perlindungan murid, meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris melalui pelbagai program, dan menambah baik kesejahteraan murid melalui peningkatan kemahiran guru Pendidikan Jasmani dan mentransformasi sekolah dengan mengupayakan kepakaran tempatan.



Bagi mengukuhkan keupayaan jawatan penting di JPN dan PPD, Kementerian telah memprofil pihak pengurusan tertinggi dan melaksanakan Program Profesional Kepimpinan yang merangkumi program *Accelerated Leadership Development (ALD)* dan *Supervised Project Development Programme (SPDP)*. Pada tahun 2015, sebanyak 122 orang pegawai berjaya menamatkan program ALD dan 72 orang pegawai tamat mengikuti program SPDP. Dengan terlaksananya pelan penstrukturan semula Kementerian pada Gelombang 2, Kementerian akan mempunyai lebih ramai pegawai yang berkebolehan dan komited ditempatkan pada semua peringkat organisasi dan langkah ini adalah penting untuk memacu dasar dan program yang dihasratkan oleh Kementerian.

Gelombang 1 juga menyaksikan kejayaan dalam pelaksanaan inisiatif Pengintegrasian Data yang melibatkan 28 aplikasi terpilih. Terdapat enam aplikasi yang telah digabung, manakala 22 aplikasi yang lain diintegrasikan untuk penggunaan optimal. Fungsi *Single Sign-On (SSO)* juga dilaksanakan bagi membolehkan pengguna mendapat akses kepada sistem dengan menggunakan satu identiti (ID) pengguna dan kata laluan. Inisiatif ini telah menggalakkan peningkatan yang ketara dalam kecekapan kerja, terutamanya dalam kemasukan data, dan yang lebih penting ia meningkatkan ketepatan data Kementerian melalui sumber data pendidikan tunggal bagi membolehkan keputusan secara bermaklumat yang lebih baik dan dengan lebih pantas dapat dibuat pada semua peringkat pendidikan.



Bagi menyediakan persekitaran yang selamat, bersih dan kondusif untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, Kementerian telah membuat pelaburan yang besar dalam penyediaan infrastruktur asas di sekolah. Sepanjang tempoh Gelombang 1, sebanyak 10,464 projek baik pulih dan penyelenggaraan telah siap melibatkan perbelanjaan berjumlah RM853 juta. Walaupun jumlah yang besar telah diperuntukkan

bagi Gelombang 1, Kementerian akan terus menyediakan langkah praktikal untuk menambah baik kemudahan dan peralatan di semua sekolah bagi menyokong perubahan keperluan pembelajaran murid yang berlaku sepanjang masa.

Bagi mempercepatkan aktiviti pembelajaran dan menangani cabaran pendidikan dalam abad ke-21, Kementerian mengakui bahawa Teknologi

Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan alat penting yang dapat meningkatkan akses kepada pengetahuan. Pelaksanaan 1BestariNet di sekolah adalah untuk menyediakan rangkaian internet berkelajuan tinggi dan akses kepada penyelesaian pembelajaran bersepadu (*integrated learning solutions*) bertaraf dunia. Pewujudan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) membolehkan guru berkongsi bahan pendidikan, tugas dalam talian, laman pembelajaran dan buku teks digital dengan murid. Sehingga tahun 2015, sebanyak 6,695 buah sekolah telah dirangkaikan dengan teknologi 4G tanpa wayar berkelajuan tinggi, manakala 2,245 buah sekolah dirangkaikan melalui teknologi *Asymmetrical Digital Subscriber Line* (ADSL) atau *Very Small Aperture Terminal* (VSAT). Usaha masih diteruskan untuk memperluas dan menambah baik internet 4G berkelajuan tinggi kepada semua

sekolah melalui kerjasama dengan kerajaan negeri, lembaga pengurusan sekolah, komuniti setempat dan pelbagai pihak berkepentingan. Usaha juga sedang dibuat untuk menggabungkan lebih banyak ciri dalam VLE supaya lebih mesra pengguna berdasarkan maklum balas yang diterima.

Kementerian akan meneruskan usaha untuk mencapai aspirasi sistem pendidikan dan pada masa yang sama mengambil kira langkah penjimatan yang ditekankan oleh Kerajaan. Kementerian juga akan terus memastikan program dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya menyumbang ke arah memaksimumkan keberhasilan murid. Secara keseluruhan, pencapaian KPI untuk kecekapan ialah 100%, iaitu semua KPI utama telah mencapai sasaran dalam Gelombang 1.

Ringkasan Pencapaian Gelombang 1

KECEKAPAN

Petunjuk

>90%

≥51-89%

Warna menunjukkan pencapaian KPI berbanding sasaran tahunan
 $\text{Skor Pencapaian} = \frac{\text{Pencapaian 2015}}{\text{Sasaran Gelombang 1}}$

No	KPI	Sasaran Gelombang 1	Pencapaian Sebenar			Skor Pencapaian	Sasaran Gelombang 2
			2013	2014	2015		
1	Peratus bajet bukan emolument dijajarkan dan diperuntukkan kepada aktiviti menjurus kepada keberhasilan murid	25%	N/A	23%	29%	116%	Menggunakan proses OBB untuk mengukuhkan proses penyediaan bajet dan pengurusan kewangan
2	Membangunkan kompetensi kepimpinan pegawai kanan di Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah	50%	N/A	100% (diprofil)	100% (tamat latihan)	100%	Melaksanakan perubahan struktur untuk mempercepatkan peningkatan sistem

No	KPI	Sasaran Gelombang 1	Pencapaian Sebenar			Skor Pencapaian	Sasaran Gelombang 2
			2013	2014	2015		
3	Sistem dan Pangkalan Data Pendidikan Sektor Pelajaran yang bersepadu melalui ID tunggal	98%	N/A	N/A	28 Aplikasi	100%	Pembinaan <i>dashboard</i> bersepadu untuk analisis yang tepat dan cepat
4	Peratus siap kerja menyelenggara dan menaik taraf kerja untuk memenuhi standard infrastruktur asas	95%	100% (1693 projek)	100% (2405 projek)	100% (6366 projek)	100%	Memastikan semua sekolah dilengkap secukupnya bagi menyokong penyampaian kurikulum dan pedagogi
5	Bilangan sekolah yang dirangkaikan dengan jalur lebar berkelajuan tinggi (4 Mbps – 10 Mbps)	6690	6394	6623	6695	100%	Mentransformasi penggunaan TMK dalam bilik darjah melalui inovasi

AUDIT

Salah satu daripada 11 anjakan PPPM ialah “Meningkatkan ketelusan untuk akauntabiliti awam secara langsung”. Anjakan ini bermatlamat untuk meningkatkan komunikasi dan pelibatan dengan pihak awam mengenai jenis dan kemajuan inisiatif yang dijalankan dan hasil yang ditunjukkan. Objektif anjakan ini dapat dicapai melalui penerbitan Laporan Tahunan PPPM. Laporan Tahunan diterbitkan sejak pelaksanaan PPPM pada tahun 2013, kemudiannya pada tahun 2014 serta tahun 2015 yang menyaksikan tamatnya Gelombang 1. Penerbitan laporan ini membuktikan komitmen tinggi Kementerian kepada pihak berkepentingan yang terlibat dan menerima impak tranformasi.

Memandangkan tahun 2015 merupakan tahun akhir Gelombang 1, Kementerian telah melantik pihak audit bebas untuk menilai pelaksanaan inisiatif dan pencapaian utama dari tahun 2013 hingga 2015.

Pengauditan ini adalah penting bagi memastikan Kementerian kekal teguh untuk meneruskan agenda transformasi dan memberikan gambaran dan keadaan sebenar pelaksanaan program. Amalan yang serupa juga dijalankan dalam pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP), iaitu dapatan disahkan berdasarkan *Agreed Upon Procedures* (AUP) yang merupakan satu set penilaian dan prosedur yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. AUP digunakan ke atas sampel yang diambil daripada setiap KPI dan disemak mengikut panduan, metodologi dan formula yang dibangunkan semasa bengkel bagi membuat perancangan. AUP ini digunakan bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahan maklumat yang dilaporkan.

Kementerian akan melaksanakan cadangan yang relevan dan praktikal berdasarkan laporan audit bagi mengukuhkan lagi penyampaian dan mengatasi kelemahan pelaksanaan semasa

Gelombang 1. Walaupun negara menghadapi cabaran ekonomi, Kementerian akan terus berusaha bagi meningkatkan kecemerlangan dalam keberhasilan murid. Audit berkala juga akan diadakan sepanjang tempoh Gelombang 2 dan 3

bagi memberi keyakinan kepada pihak Kementerian dan masyarakat awam berkaitan pencapaian yang diperoleh semasa transformasi berlaku dan pada masa yang sama memberi pandangan tentang kemajuan program yang sedang dijalankan.

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025

**MELANGKAH KE HADAPAN:
GELOMBANG 2 (2016-2020)**



“Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 akan memasuki Gelombang 2 pelaksanaannya pada tahun 2016. Tumpuan pelaksanaan dalam Gelombang 2 adalah untuk memperkenalkan perubahan struktur dan pada masa yang sama memacu peningkatan yang telah berlaku semasa Gelombang 1.”



Inisiatif penting telah diletakkan sebagai keutamaan berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan dalam PPPM dan cabaran telah dikenal pasti untuk diatasi. Kaji selidik telah dijalankan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan penyampaian serta mengetahui faktor kejayaan yang diperlukan dalam pelaksanaan PPPM dalam tempoh Gelombang 2.

Kementerian telah memastikan inisiatif yang dirangka untuk Gelombang 2 adalah inklusif dan akan mendatangkan manfaat kepada setiap pihak berkepentingan iaitu, murid, guru, pemimpin sekolah serta ibu bapa, komuniti dan sektor swasta. Justeru, setiap pihak berkepentingan juga perlu memainkan peranan dan tanggungjawab bagi memastikan penyampaian inisiatif yang berkesan dan lestari.

APAKAH PENGALAMAN YANG AKAN DILALUI OLEH MURID DALAM GELOMBANG 2?

Pembangunan murid merupakan fokus utama sepanjang pelaksanaan PPPM. Oleh yang demikian, Kementerian akan memperhebat usaha bagi memastikan murid dapat diterapkan dengan

pengetahuan, kemahiran dan nilai melalui kurikulum yang disemak semula, guru yang kompeten dan penggunaan Teknologi, Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan.

- Murid akan belajar melalui kurikulum sekolah rendah yang disemak semula dan kurikulum baharu sekolah menengah. Kurikulum ini telah pun ditanda aras dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti Singapura dan United Kingdom serta kerangka kurikulum TIMSS dan PISA. Kurikulum ini berada pada peringkat akhir penyediaan dan akan dilaksanakan pada awal 2017.
- Murid akan didedahkan dengan lebih banyak elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pembelajaran mereka mulai tahun 2016. Murid akan dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran untuk mencipta nilai dalam penaakulan, melakukan refleksi dan menyelesaikan masalah, membuat keputusan serta menjadi kreatif dan inovatif. Murid juga akan didedahkan kepada lebih banyak item KBAT dalam peperiksaan awam. Oleh yang demikian, peratusan item KBAT dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil



Pelajaran Malaysia (SPM) akan ditingkatkan kepada 25%.

- Murid Berkeperluan Khas (MBK) akan terus diberi perhatian oleh Kementerian. Lebih ramai MBK akan berpeluang untuk berinteraksi dan bersosialisasi dengan murid arus perdana melalui perluasan Program Pendidikan Inklusif (PPI). Penyertaan MBK dalam PPI dijangka meningkat kepada 35% daripada 23% dalam Gelombang 2 dari peringkat prasekolah hingga peringkat menengah dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI).
- Murid dalam kalangan komuniti Orang Asli akan diberi sokongan yang lebih bagi memastikan kadar kehadiran mereka ke sekolah berada sekurang-kurangnya pada 82%. Lebih banyak murid Orang Asli juga dijangka dapat meneruskan transisi dari pendidikan rendah ke pendidikan menengah dan menamatkan sembilan tahun persekolahan dengan tambahan sekolah K9 baharu. Ibu bapa murid Orang Asli dijangka lebih berkauntabiliti terhadap pendidikan anak-anak mereka melalui pelibatan dalam Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli Pribumi (KEDAP) yang ditambah baik bertujuan meningkatkan kesedaran mereka mengenai kepentingan pendidikan kepada generasi akan datang.
- Murid akan menikmati lebih banyak pengalaman pembelajaran berasaskan inkuiri dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pendekatan praktikal seperti amali sains. Murid akan dapat menggunakan *Blended Learning Open Source for Science or Mathematics Studies* (BLOSSOMS), iaitu suatu persekitaran pembelajaran yang menarik yang membolehkan murid belajar mengikut kadar dan pembelajaran sendiri.
- Murid boleh mengakses lebih banyak bahan pembelajaran dalam Persekitaran Pembelajaran Maya (*Virtual Learning Environment, VLE*) memandangkan Kementerian akan membangunkan sebanyak 12,000 bahan pembelajaran dan laman sesawang yang akan dimuat naik ke dalam VLE. Sebanyak satu juta orang murid akan mengikuti sekurang-kurangnya satu pengajaran menggunakan VLE dalam seminggu pada tahun 2016.
- Penguasaan murid dalam bahasa Melayu akan dapat dipertingkatkan melalui kerangka standard Bahasa Melayu dan pelan tindakan kurikulum yang diperkaya, pentaksiran dan kokurikulum, guru yang kompeten dan pelibatan masyarakat. Perancangan penambahbaikan ini akan bermula pada tahun 2016.
- Penguasaan murid dalam bahasa Inggeris akan diperkukuh melalui pendedahan yang lebih luas kepada bahasa Inggeris di sekolah dengan peningkatan jumlah masa pengajaran. Lebih ramai murid akan diberi pilihan untuk menyertai *Dual Language Programme* (DLP) dan *Highly Immersive Programme* (HIP). Selain itu, murid juga akan diajar oleh lebih ramai guru Bahasa Inggeris dengan kemahiran berbahasa pada tahap C1 berdasarkan *Common European Framework of References for Languages* (CEFR).

BAGAIMANA KUALITI GURU DAN PEMIMPIN SEKOLAH DITINGKATKAN DALAM GELOMBANG 2?

Kementerian akan meningkatkan usaha untuk memartabat profesion keguruan dengan memantapkan latihan guru, menambah baik suasana bekerja dan mengukuhkan laluan kerjaya.

- Guru pelatih akan mengalami latihan perguruan yang lebih mantap melalui transformasi IPG termasuk mendapat persekitaran pembelajaran yang termaju setanding dengan institusi pengajian tinggi, pensyarah yang berkelayakan tinggi dengan ijazah kedoktoran, dan budaya berasaskan penyelidikan yang diperhebat.
- Guru pelatih juga akan merasai pengalaman praktikum yang diperkukuh melalui bimbingan dan tunjuk ajar yang lebih baik daripada penyelia melalui peningkatan bilangan pemerhatian semasa praktikum.

- Guru pelatih Bahasa Inggeris mesti mempunyai kelayakan minimum pada tahap C1 dalam kemahiran berbahasa Inggeris berdasarkan CEFR untuk melayakkan mereka menyertai profesion keguruan. Kriteria ini perlu digubal dan disebar luas pada tahun 2016 untuk membolehkan guru baharu dilantik memenuhi standard kemahiran berbahasa dalam bahasa Inggeris.
- Guru dan pemimpin sekolah akan menerima sokongan latihan in-situ untuk mengukuhkan prestasi sekolah. Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) dan Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartners+) yang terlatih akan dihantar ke sekolah untuk memberi sokongan dan bimbingan secara berterusan kepada guru dan pemimpin sekolah dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, dan juga memastikan pengurusan sekolah yang lebih dinamik dan berkesan.



- Guru akan mempunyai pilihan dalam menentukan laluan kerjaya dalam profesion keguruan. Laluan kerjaya baharu guru akan merangkumi laluan untuk Pengajaran dan

Pembelajaran, Kepimpinan, dan Pakar Bidang Khusus. Pengenal laluan kerjaya baharu adalah selaras dengan pembangunan plan induk pembangunan profesional yang

- menyeluruh untuk meningkatkan kompetensi guru bagi membolehkan laluan pantas dan penempatan semula berasaskan prestasi dilaksanakan.
- Semua guru di Malaysia akan didaftarkan dan diberikan sijil amalan. Pendaftaran ini akan membolehkan Kementerian memastikan hanya guru berkelayakan sahaja berada dalam sistem pendidikan. Amalan ini adalah selaras dengan amalan badan profesional lain.
- Guru akan terus dibimbing kerana tempoh pengisian kekosongan jawatan pemimpin sekolah akan dikurangkan. Kekosongan pengisian jawatan bagi pemimpin sekolah akan dikenal pasti enam minggu lebih awal bagi mengelakkan gangguan yang tidak perlu dalam hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran di sekolah.



BAGAIMANA TRANSFORMASI PENDIDIKAN DAPAT MENGUKUHKAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN PENYAMPAIAN KEMENTERIAN?

- Kementerian akan melalui transformasi untuk membolehkan perubahan dalam sistem pendidikan dilaksanakan, iaitu:
 - Beberapa Bahagian utama akan diperkukuh, manakala peranan pada peringkat Kementerian, negeri dan daerah akan diselaras untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan penyampaian;
 - Penstrukturan semula organisasi Kementerian akan bermula pada tahun 2016 setelah diluluskan oleh agensi pusat, dan akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh tiga hingga lima tahun; dan
 - Kompetensi pegawai pada peringkat daerah, negeri dan Kementerian akan dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan peranan baharu. Satu *Talent Council* telah ditubuhkan untuk memastikan Kementerian mempunyai sekumpulan pegawai yang berkeupayaan untuk ditempatkan pada setiap peringkat, pada bila-bila masa yang diperlukan.

- Maklumat berkaitan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan semula dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) baharu akan dinatarkan dalam pelbagai program pendidikan untuk memastikan semua pihak berkepentingan mempunyai kefahaman yang sama mengenainya. Kurikulum baharu yang akan dilaksanakan pada 2017 memberi tumpuan kepada pengajaran terbeza dan berpusatkan murid, tugas berasaskan penyelesaian masalah dan projek, mata pelajaran dan tema diperkemas, dan pentaksiran formatif.
- Kementerian akan melaksanakan makmal untuk membangunkan pelan strategik untuk menjunjung kedaulatan bahasa Melayu. Makmal ini juga akan membangunkan kerangka standard dan pelan tindakan yang akan digunakan untuk meningkatkan kompetensi dalam bahasa Melayu di dalam sistem pendidikan.
- Kementerian akan menyemak semula instrumen penilaian sendiri Standard Kualiti Pendidikan

Malaysia (SKPM) supaya membolehkan penilaian sekolah menjadi lebih holistik. Penggunaan instrumen yang ditambah baik ini akan membolehkan pentadbir sekolah menjalankan penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan prestasi sekolah. Instrumen ini akan menggabungkan pelbagai instrumen penilaian sedia ada dalam Kementerian bagi mengelakkan pertindanan dalam penilaian, sekaligus meningkatkan kecekapan.

- Kementerian akan terus mempertingkatkan kualiti infrastruktur di sekolah. Satu garis panduan standard untuk menilai infrastruktur akan disediakan pada tahun 2016. Sistem Pengurusan Maklumat Pendidikan (EMIS) akan dipertingkatkan untuk membolehkan kutipan dan pengesahan data berkaitan infrastruktur dilakukan secara lebih efisien. Elemen daripada Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA) dan EMIS akan diintegrasikan untuk menghapuskan lewahan data semasa kemasukan data. Data yang lebih tekal akan membolehkan penambahbaikan infrastuktur secara lebih berfokus dilaksanakan untuk mengoptimumkan penggunaan perbelanjaan Kementerian.



BAGAIMANA IBU BAPA DAN KOMUNITI MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN PELAKSANAAN PPPM DALAM GELOMBANG 2?

Kejayaan PPPM bergantung kepada keupayaan semua pihak berkepentingan dalam memainkan peranan mereka dengan berkesan. Pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di sekolah harus dilestarikan, ditingkatkan dan disokong oleh ibu bapa dan komuniti di luar dalam satu komuniti pembelajaran.

- Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) akan dapat menyumbang secara aktif melalui maklum balas bernilai ke arah penambahbaikan sekolah. Pelibatan aktif melalui inisiatif Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) akan membolehkan ibu bapa terlibat sama dalam perkembangan anak-anak mereka. Ibu bapa diharapkan untuk lebih melibatkan diri dalam komuniti sekolah melalui Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) yang menggalakkan interaksi dan percambahan ilmu ke arah kesejahteraan anak-anak mereka.
- Walaupun Kementerian akan melaksanakan satu makmal untuk membangunkan Pelan Tindakan Perpaduan pada tahun 2016, ibu bapa dan komuniti juga mesti memainkan peranan dalam menerapkan nilai persefahaman dan menanam semangat perpaduan dalam kalangan murid di luar lingkungan persekitaran sekolah.
- Komuniti dan pihak swasta akan mendapat

garis panduan yang jelas mengenai kaedah untuk menyumbang kepada sekolah melalui penghasilan Garis Panduan Sekolah Milik Masyarakat (GPSMM). Dokumen ini akan menjadi satu-satunya sumber rujukan kepada para penganjur dalam menyalurkan sumbangan mereka kepada sekolah dan Kementerian.

- Perkongsian Awam Swasta (PPP) di sekolah akan diperhebat seperti berikut:
 - ◆ Menggunakan pendekatan yang lebih proaktif untuk mencari dan menggalakkan pelibatan pihak swasta seperti mengadakan program bantuan/khidmat masyarakat (*outreach*)
 - ◆ Mewujudkan pangkalan data asas di JPN dan PPD untuk mengenal pasti dan menyelaraskan dengan cekap pelbagai jenis perkongsian awam swasta
 - ◆ Melaksanakan inisiatif Sokongan Komuniti kepada Guru dengan memanfaatkan inisiatif sedia ada di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)
 - ◆ Meningkatkan bilangan sekolah di bawah Program Sekolah Angkat kepada 54 buah, manakala Sekolah Amanah kepada 82 buah pada 2016.

Dalam Gelombang 1 Kementerian memberi tumpuan untuk mengukuhkan asas perubahan sistem dengan menambah baik kemahiran asas berfokuskan guru dan pemimpin sekolah. Cabaran

melaksanakan PPPM telah memberi pengajaran kepada Kementerian untuk memacu peningkatan sistem dalam Gelombang 2. Enam faktor kejayaan telah dikenal pasti, iaitu:

Faktor Penyumbang Kejayaan GELOMBANG 2

Mendokong dan menjiwai PPPM	Memastikan pelaksanaan semua inisiatif dan program yang berkaitan selaras dengan bidang tumpuan utama PPPM dan keberhasilan murid.
Memperkuuhkan dan memastikan komunikasi berkesan	Memperkuh kerjasama antara bahagian untuk mempercepat transformasi pendidikan. Kementerian juga perlu meningkatkan komunikasi dengan orang ramai dan semua pihak berkepentingan (contohnya: kesedaran terhadap pencapaian utama Gelombang 1).
Memberi tumpuan kepada keberhasilan berdasarkan KPI	Mengambil manfaat daripada kejayaan Gelombang 1 dan memberi tumpuan kepada KPI yang berasaskan keberhasilan untuk mempercepat transformasi dalam Gelombang 2.
Memperkuuhkan disiplin pengurusan program	Menanamkan rasa untuk bertindak lebih pantas (<i>sense of urgency</i>) dan pelaksanaan inisiatif yang lebih baik dan pantas (<i>efficiency</i>) serta pendekatan berorientasikan penyelesaian.
Memperkuuhkan pendekatan berorientasikan penyelesaian	Menggalakkan penyelesaian di luar kotak yang membawa kepada idea dan pendekatan baharu dalam menyelesaikan pelbagai isu.
Membuat perancangan perbelanjaan secara berhemah	Mengatasi cabaran kewangan dengan perancangan yang mendalam mengenai aktiviti serta menerapkan ciri-ciri perbelanjaan berhemah. Yakin bahawa transformasi masih boleh berlaku dengan dana yang terhad adalah penting untuk kejayaan.

RUMUSAN

Gelombang 2 PPPM akan membawa lebih banyak perubahan struktur bagi memacu perubahan. Usaha bersepadu daripada semua peringkat Kementerian, JPN, PPD, sekolah dan semua pihak berkepentingan adalah penting bagi memacu perubahan struktur seperti yang dijanjikan dalam PPPM. Hanya dengan usaha kolektif dan penyertaan semua pihak kejayaan akan dapat dicapai dalam usaha transformasi ini.

GLOSARI

1BestariNet	Projek melengkapkan sekolah awam di Malaysia dengan internet berkelajuan tinggi 4G dan VLE
1M1P	1 Murid 1 Projek
1M1S	1 Murid 1 Sukan
3M	Kemahiran membaca menulis dan mengira
4G	Teknologi tanpa wayar generasi keempat , yang boleh digunakan dengan telefon bimbit, komputer tanpa wayar dan peranti mudah alih yang lain
4K	Kemahiran komunikasi, kolaboratif, kemahiran berfikir secara kreatif dan kemahiran secara kritikal
ADSL	Asymmetric Digital Subscriber Line
ALD	Peningkatan Pembangunan Kepimpinan
Band	Kategori sekolah yang diukur berdasarkan pencapaian atas skala 1 – 7 mengikut skor komposit
CEFR	Common European Framework of References for Languages
CGPA	Purata Nilai Gred Kumulatif
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Malaysia
CIE	Cambridge International Examination
CPD	Pembangunan Profesioanal Berterusan
DLP	Dual Language Programme atau Program Dwi Bahasa
DTP	Program Transformasi Daerah
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
ECCE	Pendidikan Awal dan Asuhan Kanak-kanak
ELSA	Program Penguasaan Kemahiran Bahasa Inggeris
EMIS	Sistem maklumat Pengurusan Pendidikan
e-Sarana	Sistem dalam talian bagi mengukur pelibatan ibu bapa dalam enam aktiviti di sekolah
ETA	Program Pembantu Guru Bahasa Inggeris
FasiLINUS	Fasilitator Program Literasi dan Numerasi
GPN	Gred Purata Nasional
GPS	Gred Purata Sekolah
GPSMM	Garis Panduan Sekolah Milik Masyarakat
HIP	Highly Immersive Programme atau Program Imersif Tinggi
IAB	Institut Aminuddin Baki
ILKA	Institut Latihan Kemahiran Awam
ILKS	Institut Latihan Kemahiran Swasta
IMPak	Instrumen Menentu Penempatan Murid Berkeperluan Khas
IPG	Institut Pendidikan Guru or Teacher Education Institute

IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGKPT	Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
j-Qaf	Jawi, Quran, Arab dan Fardu Ain
K9	Sekolah Model Khas Komprehensif K9
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBD	Kurikulum Bersepadu Dini
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
KEDAP	Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi
KIDT	Kursus i-THINK Dalam Talian
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSIB	Kumpulan Sokongan Ibu Bapa
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KV	Kolej Vokasional
LINUS	Saringan Literasi dan Numerasi
LNPT	Laporan Nilai Prestasi Tahunan
MACEE	Malaysian-American Commission on Educational Exchange
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MBMMBI	Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris
mySPATA	Sistem Pengurusan Aset Tak Alih
NASOM	Persatuan Autistik Negara Malaysia
NBOS	Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara atau National Key Economic Area
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara atau National Key Result Area
NPQEL	Kelayakan Profesionalisme Pemimpin Pendidikan Kebangsaan atau National Professional Qualification for Educational Leaders
OBB	Bajet Berasaskan Keberhasilan atau Outcome Based Budgeting
PADU	Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan atau Education Performance and Delivery Unit
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PAV	Pendidikan Asas Vokasional

PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PILL	Pelan Interventasi Lima Langkah
PISA	Programme for International Students Assessment
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
PLC	Komuniti Pembelajaran Profesional atau Professional Learning Community
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PP	Pentaksiran Pusat
PPBISM	Program Peningkatan Pengukuhan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPI	Program Pendidikan Inklusif
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPP	Public Private Partnership
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Prasekolah hingga Lepas Menengah)
PPPM(PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
PPsi	Pentaksiran Psikometrik
PRIme	Program Residensi dan Immesif
ProELT	Program Peningkatan Kemahiran Profesional Guru Bahasa Inggeris
PS	Pentaksiran Sekolah
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
PVMA	Program Vokasional Menengah Atas
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau Student Integration Plan for Unity
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SBJK	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
SDH	Sekolah Dalam Hospital
SIPartner+	Rakan Peningkatan Prestasi Sekolah
SISC+	Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah
SJKC	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia

SKM	Sekolah Kurang Murid
SKPK	Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SPDP	Program Pembangunan Projek Terselia atau Supervised Project Development Programme
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SSO	Single Sign On
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau Science, Technology, Engineering and Mathematics
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SUMUR	Sahsiah Unggul Murid
TESL	Teaching of English as a Second Language
TIMSS	Trends in International Mathematics and Science Study
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TMUA	Tahfiz Model Ulul Albab
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
UI	Instrumen Penilaian Bersepadu atau Unified Instrument
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
Video e-Guru	Bahan tambahan untuk guru memantap sesi P&P di bilik Darjah
VLE	Persekitaran Pembelajaran Maya
VSAT	Very Small Aperture Terminal
VTE	Guru Pendidikan Vokasional atau Vocational Teacher Educators
VTM	Pengurus Latihan Vokasional atau Vocational Training Managers
VTO	Pegawai Latihan Vokasional atau Vocational Training Officer
WP	Wilayah Persekutuan

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia

Laporan Tahunan 2015
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Ogos 2016

ISSN : 0128-0295

Diterbitkan oleh:
Kementerian Pendidikan Malaysia
Blok E8, Parcel E, Presint 1
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604, Putrajaya, Malaysia
www.moe.gov.my

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Blok E8, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.
www.moe.gov.my

